

SIRI BUKU POLITIK DINAMIKA 4

**MASALAH MELAYU
PULAU PINANG**

YAHAYA ISMAIL

30188

DINAMIKA KREATIF

DINAMIKA KREATIF
3B-2, Bangunan UDA
Jalan Pantai Baru,
Kuala Lumpur, 22-07
Tel: 51824

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Jabatan Penerbitan DINAMIKA KREATIF

©YAHAYA ISMAIL

CETAKAN PERTAMA 1978

M
320.9595113
YAH

93405

Dicetak
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.
No. 1, Jalan Simpang,
Taman Overseas Union,
Batu 5, Jalan Klang,
Kuala Lumpur. Tel. 733129 & 734655.

*untuk isteriku
Sharifah Rubiah Yahaya.*

SEPATAH KATA

MASALAH Melayu Pulau Pinang begitu hangat diperkatakan orang sekarang ini bukan saja dalam media tetapi juga dalam forum-foram politik yang dianjurkan oleh berbagai badan-badan sukarela. Oleh sebab masalah ini sudah menjadi masalah nasional maka mau tidak mau kerajaan Pusat terpaksa campurtangan untuk meninjau sejauh manakah daifnya bangsa Melayu di Mutiara Timur ini.

Supaya mendapatkan perspektif yang sebenarnya tentang masalah Melayu Pulau Pinang maka saya cuba melihat problem-problem Melayu dari segi sejarah, sosial, politik dan ekonomi agar para pembaca dapat memahami kedudukannya yang sebenar.

Bukanlah niat saya untuk menimbulkan kekeruhan hubungan antara kaum dalam buku ini. Niat saya cuma untuk memberikan fakta-fakta yang bertanggungjawab bukan saja dari penyelidikan-penyelidikan resmi seperti Jabatan Perangkaan tetapi juga dari kajian para sarjana untuk memberi gambaran nasib Melayu yang sebenarnya.

Saya harap sumbangan yang kecil ini akan memberi kesedaran pada para pemimpin politik dan bangsa Melayu supaya mereka dapat mencari rumusan-rumusan politik dan ekonomi yang paling baik untuk membaiki taraf kedudukan bangsa sendiri.

Moga-moga apa yang terjadi pada Melayu Singapura tidak pula terjadi pada Melayu Pulau Pinang. Moga-moga buku kecil ini akan dapat membuka jalan bagi semua pejuang bangsa untuk membuat kritiknya dan menilai secara jujur di manakah kesalahan kita yang sebenarnya.

Buku ini tidak akan lahir dalam bentuk yang ada sekarang tanpa dorongan dan pengertian yang kasih mesra dari Cik Sharifah Rubiah bt. Syed Mohammad, isteriku yang tercinta. KEPADANYA ku pasrahkan dedikasi buku ini.

Kepada Allah kupohonkan taufik dan hidayat untuk terus memberi sinar kasihNya dan bimbinganNya kepada jalan yang benar.

*Pulau Pinang — K. Lumpur
15 Mac 1978.*

Yahaya Ismail

KANDUNGAN

BAB PERTAMA	SEJARAH PULAU PINANG	1
BAB KEDUA	PENDIDIKAN MELAYU DAN PERANAN JAWI PERANAKAN	13
BAB KETIGA	SINGAPURA DAN PULAU PINANG SEBAGAI KOTA CHINA	29
BAB KEEMPAT	KONFLIK NILAI POLITIK MELAYU PULAU PINANG	37
BAB KELIMA	"COMMUNICATION GAP" ANTARA PULAU PINANG DAN KUALA LUMPUR	45
BAB KEENAM	PSIKOLOGI GOLONGAN MINORITI DAN SIKAP KEPIMPINAN POLITIK	57
BAB KETUJUH	TANAH DI TANJUNG SIAPA PUNYA?	71
BAB KELAPAN	SIAPAKAH YANG HARUS DISALAHKAN?	79
BIBLIOGRAFI	93

6

7

8

9

10

11

12

BAB PERTAMA

SEJARAH PULAU PINANG

SEJAK Francis Light menjijak kakinya di Pulau Pinang pada 11hb. Ogos 1786 dan menjadikan pulau ini sebagai koloni British orang Melayu sudah mula kena tipu.

Penipuan British ini dengan jelas dikemukakan oleh seorang ahli sejarah Malaysia, R. Bonney dalam bukunya *Kedah 1771–1821: The Search for Security and Independence* yang antara lain beliau berkata:

“Contrary to accepted history, Pulau Pinang was neither leased, granted nor ceded by the written treaty agreement. Sultan Abdullah gave permission to Light for temporary occupation of the island until such a time as definite reply was received from the Company. No written treaty, engagement or agreement, or for that matter, drafts of such, were ever drawn up or entered into regarding any territorial transfer, nor is there any trace or reference to any such document in the records. Pulau Pinang was an integral part of Kedah as the East India Company itself acknowledged and by taking formal possession of the island on 11 August 1786, in the name of George III of England, Light not only committed, by European standards, a breach of international law but cheated Sultan Abdullah as well.”
(hal. 76–77)

Terjemahannya demikian:

Bertentangan dengan penerimaan sejarah, Pulau Pinang tidak pernah digadai, atau dihadiahkan maupun diserahkan menurut perjanjian secara bertulis. Sultan Abdullah hanya memberi izin kepada Light untuk menduduki pulau itu buat sementara waktu sahaja sehingga mendapat jawaban yang tertentu dari Kompeni. Tidak ada langsung apa-apa perjanjian maupun draf sebarang perjanjian yang dibuat untuk menukar hak wilayah yang dapat dikesan atau dirujuk dari rekod-rekod yang ada. Pulau Pinang adalah sebahagian dari wilayah Kedah, dan ini diakui sendiri oleh East India Company. Bilamana Light dengan rasminya mengambil Pulau Pinang sebagai koloni Inggeris pada 11 Ogos 1786 atas nama Raja George III dari England, Light bukan saja telah melanggar undang-undang antarabangsa, menurut ukuran standard Eropah, tetapi juga telah menipu Sultan Abdullah sekaligus."

Akibat kelemahan pemerintahan Sultan Kedah dari segi politik antarabangsa dan oleh kerana kekurangan pengetahuan teknologi (tanpa mempunyai alat kelengkapan perang yang 'modern' pada waktu itu) maka Pulau Pinang, pulau mutiara, terlepas ke tangan Sir Francis Light, pembawa obor penjajahan British dan kaum kapitalis British. Sejak 11 Ogos 1786 orang Melayu yang tinggal di Pulau Pinang cuma dapat merakamkan kenangan yang sayu dalam pantun yang dipopularkan demikian:

*Pulau Pinang bandar baharu
Kapten Light jadi rajanya
Jika ku kenang zaman dahulu
Jatuh berlinang si airmata.*

Dalam semua tulisan-tulisan sejarah serta gambar-gambar pejujaan terhadap sejarah Pulau Pinang, orang sering menghubungkan pulau ini dengan kebesaran British. Orang melihat Kota Cornwallis yang tersergam gagah di Padang Kota Lama sebagai lambang kerakusan dan kekuasaan British. Seolah-olah keteguhan kota itu melambangkan keteguhan empai British.

Dan lahirlah *George Town*, kota kolonial yang mengabadikan Raja George 111 dari England yang terus hidup dipupuk oleh setengah golongan di pulau ini hingga ke hari ini. Sungguhpun *Tanjung* dikenali oleh semua orang, terutama sekali oleh orang-orang Melayu, namun *Tanjung* hanya hidup pada bibir rakyat jelata tanpa mendapat pengakuan rasmi dari Kerajaan Negeri dari dulu hingga sekarang.

Demikian kuatnya pengaruh kolonial Inggeris hingga kebanyakan nama-nama jalanraya di *Tanjung* masih berbau mat salleh. Pitt Street, Carnavon Street, Bishop Street, Light Street, Macalister Road, Jesselton Avenue dan lain-lain adalah warisan kenangan dari para pegawai kolonial yang pernah mengabdikan diri dan semangat mereka untuk Great Britain yang tidak 'great' lagi kini.

Secara psikologi nama-nama mat salleh ini perlu dikekalkan supaya warga Pulau Pinang melupai kisah penipuan Sir Francis Light terhadap Sultan Kedah. Dengan terus menghidupkan nama-nama mat salleh generasi muda akan melupai sejarah penipuan itu dan menganggap bahawa Lightlah penyuluh tamadun bagi pulau tersebut.

Atau boleh jadi juga, dengan menggelapkan fakta sejarah yang sebenar orang dengan mudah melupai hak Sultan Kedah terhadap pulau mutiara tersebut. Dan dengan itu terkuburlah harapan dan angan-angan bagi orang Melayu untuk menyatakan haknya ke atas pulau tersebut apalagi bagi ahli waris yang sah dari Sultan Kedah.

Seperti juga dengan penipuan Sir Stamford Raffles terhadap Temenggung Abdul Rahman seperti yang dilaporkan oleh Abdullah dalam *Hikayat Abdullahnya* hingga Singapura terlepas ke tangan British, pada tahun 1819, maka demikianlah sedikit demi sedikit wilayah-wilayah Melayu bertukar tuan. Besar kemungkinan Raffles mendapat ide untuk menipu Temenggung Abdul Rahman dari kejayaan penipuan Light ke atas Sultan Kedah barangkali!

Umum mengetahui bahawa tidak ada penjajah yang berhati mulia dan jujur untuk membantu anak negeri atau pribumi di wilayah yang dijajah mereka. Semua wilayah yang dijajah mereka digunakan untuk menjaga kepentingan perdagangan, politik atau sebagai markas militer untuk mempertahankan obor penjajahan mereka.

Demikianlah nasib *Tanjung* atau *Penang*, nama yang di'korupkan' dari Pulau Pinang tapi sialnya hingga terlekat dan terkenal hingga sekarang. Pulau Pinang yang juga terkenal dengan nama 'The Prince of Wales' di zaman permulaan penjajahan British dulu, cuma mempunyai kawasan seluas 110 batu persegi sahaja. Namun kedudukannya

adalah strategik untuk mengawal perairan di Selat Melaka supaya hasil mahsul dari Negeri-Negeri Melayu dan juga dari negara-negara jiran dapat dikawal dengan rapi.

Dengan menguasai Pulau Pinang di bahagian Utara Malaysia Barat, lepas itu Singapura sebagai pelabuhan British di Selatan, dan Melaka diserahkan pula pada kekuasaan British melalui Perjanjian British-Belanda 1824, maka British telah dapat mengawal dan menguasai seluruh hasil mahsul Negeri-Negeri Melayu khususnya di sebelah bahagian barat ini.

Kedudukan Pulau Pinang dan Singapura sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan dengan mudah mendapat perhatian dari raja-raja Melayu dan saudagar-saudagar Melayu untuk menjalankan hubungan perniagaan mereka. Di samping itu pemerintahan British di Pulau Pinang dan Singapura yang mementingkan perniagaan dari soal ras telah mendorong kemasukan orang-orang China dan India ke dua pelabuhan yang penting itu. Selain dari itu sistem pentadbiran British dan perundangannya yang lebih baik dari kebanyakan negeri-negeri Melayu menyebabkan banyak rakyat, terutama bukan Melayu, yang menetap di kedua pulau tersebut.

Kekuatan ekonomi sesuatu bangsa itu lambat laun dapat digunakan untuk menguasai politik sesebuah negara. Ini ada kebenarannya. British yang kuat di bidang ekonomi dan juga ketenteraan lama kelamaan terus memujuk raja-raja Melayu untuk 'memajukan' negeri-negeri mereka. Politik yang licik disertai dengan keteguhan ekonomi serta kekuatan tentera yang berkesan akhirnya secara tidak langsung membolehkan British menguasai negeri-negeri Melayu.

Para pentadbir British yang berjiwa kolonial amat arif tentang sifat orang-orang Melayu. Orang Melayu sangat fanatik tentang Islam. Jadi jangan ganggu perjalanan agama Islam. Orang Melayu juga sangat pentingkan adat istiadat yang diwarisi turun temurun. Jangan ganggu adat istiadat Melayu. Biarkan raja-raja Melayu menjadi pemimpin agama Islam dan adat istiadat mereka. Beri mereka perasaan kebanggaan terhadap tradisi dan Islam. Orang Melayu juga sangat cintakan bahasa Melayu mereka. Jangan bimbang. Kita belajar Bahasa Melayu, bertutur dalam Bahasa Melayu yang baik, dan dalam pula adat resam mereka, kebudayaan mereka. Akhirnya para pentadbir British yang 'colonial-minded' dapat mempengaruhi pembesar-pembesar Melayu melalui kebijaksanaan berbahasa Melayu dan beradat tertib seperti orang-orang Melayu!

Orang Melayu terlalu cinta pada Bahasa Melayu, Islam dan adat istiadat hingga melupai aspek-aspek kehidupan politik-sosial-ekonomi yang juga penting. Kebanggaan yang ekstrim terhadap kebudayaan abstrak ini menyebabkan kita hilang pedoman kompas hidup. Akhirnya British mengibarkan bendera Union Jacknya di wilayah Melayu!

Dengan menyerahkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu pada raja-raja Melayu British terus memugar dan memperkosai khazanah dari bumi Melayu — bijih, kelapa, getah, pala, emas dan lain-lain terus dikirim ke London dan lain-lain kota industri di Britain. Segala hasil khazanah ini dialirkan melalui pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura.

Pulau Pinang sebagai pelabuhan dan koloni British menerima baik pendatang-pendatang dari negeri China dan India. Sebagai pusat perdagangan British menerima kemasukan kaum pendatang sebanyak-banyaknya kerana secara langsung atau tidak langsung saudagar-saudagar asing ini turut memperkayakan Pulau Pinang dan penjajah British.

Mengapakah tidak banyak orang-orang Melayu yang aktif dalam perniagaan walhal dalam abad ketujuh belas sepertimana yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* orang-orang Melayu dari Kepulauan Melayu memenuhi pelabuhan Melaka dan lain-lain lagi? Menurut Prof. Syed Hussein Al-Attas dalam bukunya *Siapa Yang Salah* penjajahanlah yang menghapuskan kegiatan saudagar pribumi kerana mereka ingin merebut kekayaan di wilayah Melayu sendiri. Dari segi politik adalah penting untuk menghancurkan perdagangan Melayu supaya kekuatan ekonomi mereka lemah. Dengan demikian lebih mudah bagi penjajah untuk menguasai politik dan ekonomi wilayah ini sekaligus.

Kedatangan orang-orang China dan India ke Pulau Pinang dan Singapura tidak menimbulkan ancaman politik ataupun ekonomi. Sebab mereka cuma ingin berdagang dan tidak mempunyai ambisi politik. Justru itu tidak menimbulkan konflik dengan kepentingan kolonial British.

Untuk menjelaskan lagi jumlah penduduk-penduduk Melayu dan bukan Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Prai, saya turunkan statistik penduduk Pulau Pinang yang diambil pada 31 Disember 1833, 46 tahun setelah Francis Light menjadikan pulau mutiara koloni British hasil dari tipuannya.

**JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG
PADA 31 DISEMBER 1833**

(a)	Eropah dan keturunannya	789 orang
(b)	Armenia	21 orang
(c)	Melayu	16,435 orang
(d)	Acih	347 orang
(e)	Batak	561 orang
(f)	China	8,751 orang
(g)	Culia (India)	7,886 orang
(h)	Bengali	1,322 orang
(i)	Siam dan Burma	648 orang
(j)	Arab	142 orang
(k)	Parsees (India Utara)	51 orang

**JUMLAH PENDUDUK DI SEBERANG PRAI
PADA 31 DISEMBER 1833**

(a)	Melayu	41,702 orang
(b)	China	2,259 orang
(c)	Culia (India)	510 orang
(d)	Siam	405 orang
(e)	Bengali	577 orang

(Sumber: T.J. Newbold, *Political & Statistical Account of the Straits Settlements in the Straits of Malacca*, Vol 1, (int. by C.M. Turnbull), K.L, S'pore: OUP, 1971, hal. 54-55)

Setelah 46 tahun Pulau Pinang menjadi koloni British jumlah penduduk-penduduk Melayu adalah yang terbesar dari bangsa-bangsa lain. Namun demikian jumlah penduduk China dan Culia (India) keduanya sudah menyamai jumlah Melayu di pulau ini pada masa yang sama. Di Seberang Prai Melayu masih mempunyai jumlah yang paling tinggi sekali dibandingkan dengan lain-lain bangsa.

Dengan kata lain, walaupun penduduk Melayu ramai (16,435 orang) kebanyakan mereka tinggal di kampung-kampung Melayu bercucuk tanam seperti yang lazim terdapat sekarang. Sebaliknya jumlah China dan Culia lebih banyak tertumpu pada kota *George Town (Tanjung)* menjalankan perusahaan dan perdagangan. Dari segi 'pembangunan' ekonomi kolonial sudah pasti sumbangan dari orang-

orang China dan India ini besar. Oleh itu sumbangan tenaga kerja dan perusahaan dan perniagaan dari kaum pendatang ini dianggap lebih penting dari usaha orang-orang Melayu sendiri.

Faktor ini tidak bisa kita lupai sebab kepentingan British terhadap Pulau Pinang, Melaka dan Singapura adalah sama — menjaga kepentingan komersial penjajah. Justru itu segala dasar pemerintahan koloni ini mestilah selaras dengan dasar ekonomi penjajah tersebut. Oleh sebab koloni ini memberikan hak 'direct rule' maka *kita dapati tidak ada tanah resab Melayu (Malay reserve land) di Pulau Pinang oleh sebab British tidak menganggap sumbangan Melayu untuk kesejahteraan dan kemakmuran koloni itu penting bila dibandingkan dengan kaum pendatang*. British berdasarkan sistem persamaan hak untuk semua di bawah undang-undangnya walaupun kita maklum bahawa undang-undang serta peraturan-peraturan yang dikenakan itu masih lagi memberi keuntungan pada saudagar kulit putih.

Sejak itu hingga ke hari ini tanah resab Melayu tidak ada dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang kerana Perlembagaan ini adalah warisan dari zaman kolonial dulu. Tambahan pula, soal tanah adalah hak kuasa kerajaan negeri, maka sukarlah bagi sesiapa pun untuk mengubahnya.

Politik Pulau Pinang sejak awal-awal lagi adalah politik bandar. Sistem pemerintahan, undang-undang yang dibuat, dan dasar politik yang dijalankan ialah untuk kepentingan orang-orang bandar. Bila disebut bandar ini berarti kepentingan kaum pedagang itulah yang diutamakan. Oleh sebab orang Melayu lebih senang tinggal di desa dan tidak begitu terlibat dalam dunia perniagaan dan perusahaan di kota maka kita dapati tidak terdapat pemimpin-pemimpin masyarakat Melayu yang terkemuka dan dilantik sebagai Pesuruhjaya Munisipal George Town (Municipal Commissioners).

Sebagai contoh, dalam pilihanraya untuk melantik Pesuruhjaya Munisipal George Town pada tahun 1883 daripada 10 orang calon dua orang terdiri dari 'jawi peranakan' iaitu Syekh Eusoof dan Haji Kathersah. Lain-lain calon terdiri dari bangsa China dan orang Inggeris. (Lihat, *Penang Past and Present 1786–1963. A Historical Account of the City of George Town since 1786*. City Council of George Town, 1966, hal. 25).

Siapakah yang akan memperjuangkan kepentingan Melayu dalam Municipality of George Town? Tidak ada.

Tapi apa yang berlaku selanjutnya ialah terdapat percampuran

darah antara setengah orang Melayu dengan orang-orang India Muslim yang kian banyak datang ke Pulau Pinang. Percampuran darah melalui perkahwinan Melayu dengan India Muslim melahirkan 'Jawi Peranakan' yang kini menjadi 'trade mark' masyarakat Pulau Pinang. Pada tahun 1833 sudah terdapat 7886 orang Culia (India), kebanyakannya beragama Islam yang tinggal di Pulau Pinang. Lazimnya orang-orang India tidak membawa kaum wanita mereka bersama, dan perkahwinan campuran adalah lebih banyak berlaku di kalangan mereka dari bangsa China. Ini disebabkan soal agama. Orang China beragama Buddha atau pengikut Confucius yang berlainan dengan konsep agama Islam.

Masyarakat 'Jawi Peranakan' ini memainkan peranan penting dalam kehidupan Melayu Pulau Pinang sejak dahulu hingga sekarang. Walaupun mereka beragama Islam dan berkahwin dengan perempuan-perempuan Melayu namun kebanyakan dari mereka masih tinggal di bandar. Oleh itu politik kebudayaan mereka lebih menjurus pada politik kebudayaan India Muslim yang berdasarkan kepentingan ekonomi mereka.

Memang lahir beberapa orang tokoh masyarakat India Muslim yang memperjuangkan kepentingan Muslim umumnya. Namun tidaklah dapat dikatakan bahawa mereka memperjuangkan kepentingan Melayu oleh kerana terdapat perbezaan nilai hidup antara 'Jawi Peranakan' yang 'urban-centric' dan Melayu yang 'rural-centric'. Tetapi dalam soal Islam dan kebajikan Islam golongan 'Jawi Peranakan' dan Arab terutama sekali banyak memberi saham untuk kemajuan Islam di pulau ini.

Oleh kerana masyarakat India Muslim merupakan golongan yang berkelompok sama sendiri (lihat saja kelompok India Muslim di Pitt Street, King's Street, Queen Street sekarang ini) maka mereka cuba mengekalkan tradisi adat dan juga kebudayaan mereka. Melalui orang India Muslimlah permainan *boria* yang berasal dari Parsi itu diperkenalkan pada masyarakat Melayu Pulau Pinang. Akhirnya permainan *boria* amat digemari oleh masyarakat Melayu hingga menjadi sebahagian dari kebudayaan Melayu Pulau Pinang hingga sekarang.

Tentang 'Jawi Peranakan' ini seorang pegawai kolonial British, James Low, menggambarkan wataknya demikian.

"A Jawi Pakan (Jawi Pekan atau Jawi Peranakan) is the offspring of a man of Hindostan and a Malayan woman. He inherits the boldness of the Malay, and the subtlety, acuteness, and dissimulation of the Hindoo. He is indefatigable in the pursuit of wealth, and most usurious in the employment of it when gained. Few employments come amiss to him. He cloaks ignorance where it exists, or makes up for it by pretence and zeal... He is cringing to superiors, overbearing, and where there is no check on his conduct, tyrannical to inferiors: like one of the feline tribe when it has changed its quarters, he carefully obtains a perfect acquaintance with all the trap-doors, outlets and hiding-crevices of the position which he is placed. These secured, he makes the most of that position."

(lihat: James Low, *The British Settlement of Penang*. (intro. by James Jackson). S'pore, K. Lumpur: OUP, 1972, hal. 250)

Terjemahannya:

Jawi Pekan adalah anak hasil dari perkahwinan lelaki India dengan perempuan Melayu. Ia mewarisi keberanian seorang Melayu, kehalusan, ketajaman dan kelicikan seorang India. Ia tidak penat lelah mencari kekayaan, dan bila peroleh kekayaan selalu melepaskan bunga pula. Tidak ada pekerjaan yang ia tidak boleh dapat. Ia berpura-pura tidak tahu bilamana ada peluang pekerjaan, atau sekiranya ia kurang tahu tentang sesuatu pekerjaan, ia berpura-pura untuk bekerja keras supaya dapat menutup kekurangannya. Ia bersifat mengampu orang atasan, menunjuk-nunjuk, dan sekiranya tidak mengawal kelakuannya, ia bertindak kejam terhadap orang bawahan. Ia cuba menyesuaikan dirinya menurut keadaan supaya selalu beruntung. Dengan kata lain, ia adalah seorang opporcunis.

Bukanlah maksud saya untuk menerima atau menolak pandangan pegawai kolonial ini. Terpulanglah pada para pembaca untuk menilainya. Namun dalam *Sejarah Melayu* sendiri ada menyebut kisah Si Kitol dan Raja Mandeliar yang akhirnya menyebabkan peristiwa berdarah dalam keluarga Bendahara Tun Mutahir atas fitnah yang ditaburkan oleh saudagar asing tersebut.

Selain aktif dalam bidang perniagaan 'Jawi Peranakan' juga selalu diambil sebagai kerani, penterjemah atau sebagai 'munsyi' (guru bahasa) seperti yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi dan anaknya Ibrahim Munsyi. Menurut James Low, "Jawi Pekan" merupakan golongan yang penting di Negeri Selat. Mereka adalah jurukira yang baik; pakar dalam perniagaan tetapi tidak begitu liberal sikapnya. Mereka juga menjadi pembantu di pejabat, dan sebagai penterjemah, selalunya mereka mengetahui lebih dari dua bahasa (James Low, hal. 251).

Statistik tahun 1833 menunjukkan penduduk bangsa China di Pulau Pinang berjumlah 8751 orang. Menurut L.A. Mills dalam bukunya *British Malaya 1824-67* (OUP, reprint, 1966) orang China menerpa ke koloni British kerana tertarik dengan sistem perundangan dan keselamatan yang diberikan kepada orang-orang China.

Kebanyakan dari bangsa China membuat perniagaan besar dan kecil serta ada juga yang bekerja sebagai buruh kasar di pelabuhan dan di tempat-tempat lain. Namun sebagai ahli perniagaanlah China terkenal, dan politik mereka adalah berhubung erat dengan perniagaan mereka serta kepentingan mereka.

Baik China maupun orang India sikap mereka pada mulanya cuma untuk mencari rezeki di wilayah sini. Justru itu banyak yang tidak membawa keluarga bersama-sama kerana mereka merupakan sebagai penduduk sementara sahaja. Bahawa kegigihan mereka mencari kekayaan di negeri-negeri Melayu dan di Negeri-Negeri Selat tidak perlu dihairankan. Adalah satu kareakteristik kaum pendatang di mana-mana saja untuk mencari harta sebanyak mungkin. Ini terjadi di Australia, di England dan juga di mana saja kaum pendatang mula bertapak. Minat mereka ialah untuk mencari kekayaan, dan bukan melibatkan diri dalam politik negeri yang mereka menumpang. Psikologi kaum pendatang (*immigrant psychology*) selalu menghubungkan kejayaan seseorang dengan status ekonominya. Penghormatan orang terletak pada kekukuhan ekonomi seseorang. Bilamana ia kukuh dalam ekonomi maka dengan sendirinya ia diterima baik dan 'terhormat' dalam masyarakat penduduk tempatan tersebut.

Sebagai contoh kebanyakan bangsa pendatang (*immigrant*) ke Australia dewasa ini terdiri dari bangsa Greek, Italia dan Turki. Kebanyakan dari mereka tinggal di kawasan tertentu di mana masyarakat Greek, Italia atau Turki lebih dominan. Dalam kawasan ini, walaupun sesak, terasa selamat sebab masing-masing 'meratapi' nasib

yang sama. Terdapat 'a sense of belonging' dalam masyarakat sesama bangsa. Mereka sanggup membuat pekerjaan sebagai buruh kasar kerana mereka ingin mencari wang sebelum melangkah keluar dari kawasan tersebut dan diterima baik dalam masyarakat Australia. Bagi mereka yang menjadi kaya mereka pindah ke daerah elite seperti Toorak di Melbourne kerana daerah elite memberi status sosial kepada mereka sebagai orang terkenal.

Demikian juga dengan kaum pendatang ke Tanah Melayu. Mereka sanggup bekerja keras sebab ingin mencari kekayaan yang nanti akan meletakkan mereka sebagai individu terhormat dalam masyarakat Melayu dan Inggeris. Psikologi ini wujud dalam mana-mana masyarakat pendatang sekalipun. Pada mulanya orang China membawa amalan kesukuan dari negeri China ke sini dengan menubuhkan kongsi gelap yang bertujuan untuk menjaga kepentingan sesuatu suku tertentu.

Sungguhpun wujud konflik antara kesukuan China melalui kongsi gelap namun pada dasarnya semua kesukuan China mempunyai tujuan yang sama — mencari kekayaan untuk dibawa pulang ke tempat masing-masing di negeri China. Integrasi antara kaum, khususnya dengan orang-orang Melayu, boleh dikatakan kurang sekali melainkan generasi China yang paling lama seperti *Baba Peranakan* di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang banyak mengasimilasikan unsur-unsur kehidupan orang-orang Melayu. Bagi *Baba Peranakan* mereka sudah lupa pada bahasa ibunda mereka dan bercakap dalam Bahasa Melayu serta mengamalkan beberapa aspek dari kebudayaan Melayu. Mungkin mereka adalah keturunan dari perkahwinan raja Melaka dengan putri China seperti yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* itu.

Tapi kaum China sebagai pendatang baru amat keras memegang adat resam serta bahasa Chinanya. Seperti orang India mereka juga tinggal dalam kawasan China di mana perasaan solidaritas dapat diperlihatkan. Kontek dengan bangsa-bangsa lain amat berkurangan sekali melainkan kalau terlalu perlu, misalnya, hubungan dengan pemerintah seperti membayar cukai dan lain-lain.

Tapi bilamana kaum China menjadi majoriti seperti di Singapura dan Pulau Pinang sejak abad kesembilan belas lagi maka perhatian mereka bukan saja kepada bidang ekonomi tetapi juga politik. Jumlah penduduk serta keteguhan ekonomi menyebabkan kaum China mendesak untuk mempunyai wakil dalam pemerintahan walaupun pada waktu itu di peringkat yang paling rendah. Misalnya dalam pilihanraya

untuk melantik Pesuruhjaya Munisipal pada tahun 1883 tiga orang calon adalah terdiri dari bangsa China. Mereka ialah Encik Cheah Chen Eok, Encik Koh Seang Tat dan Encik Foo Tye Sin. (sumber: *Penang Past and Present*, hal. 25).

Bagaimanakah keadaan orang Melayu di tengah-tengah kemasukan orang asing ke Pulau Pinang? Mereka terus juga dengan sikap acuh tak acuh, terus bertani, menangkap ikan dan hidup dalam kampung-kampung di pesisir laut.

Dengan kebanjiran orang-orang asing orang-orang Melayu terus terdesak, pindah ke kawasan luarbandar untuk mencari 'ketenangan' hidup. Kehidupan kota terasa asing kerana nilai hidup lebih banyak berdasarkan kebendaan, hidup dalam kawasan sesak, lebih agresif bagi kelaziman orang Melayu. Akhirnya mereka mendirikan kampung-kampung Melayu di daerah Jelutong, Batu Uban, Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Balik Pulau, Tanjung Tokong, Batu Feringgi dan Teluk Bahang.

Apakah kerana kebanyakan orang Melayu menganggap bahawa dunia ini hanya untuk orang kafir sahaja justru itu tidak perlu berlumba-lumba untuk mencari kekayaan? Tidak dapat dikatakan dengan pasti. Mungkin juga Melayu Pulau Pinang menganggap bahawa Pulau Pinang adalah milik Melayu justru itu tidak perlu bersusah payah mengejar harta sebab terlalu mudah untuk mencari sesuap nasi. Di laut ada ikan, di darat ada padi, pucuk ubi, ayam itik, untuk mereka melanjutkan usia. Sudah cukup.

Kekurangan pelajaran menyebabkan orang Melayu tidak mempunyai pemimpin yang dapat memperjuangkan kepentingan mereka sejak zaman Francis Light lagi. Justru itu orang Melayu amat mudah membiarkan penjajah British untuk 'menjaga' kepentingan mereka. Yang sebenarnya tidak ada apa-apa pun dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang dapat menjamin kehidupan Melayu di bidang politik dan ekonomi. Yang ada cuma Kapitan Melayu, Kapitan China dan Kapitan Kling untuk mengawasi suku bangsa mereka supaya tidak mengganggu ketenteraman awam. Ada ketua kampung, ada penghulu, ada mata-mata, ada budak pejabat yang menjalankan tugas pemerintah untuk menyampaikan segala perintah dari orang putih kepada orang kampung.

Beratus kapal dan jung berlabuh di pelabuhan Pulau Pinang, orang Melayu tetap menonton saja. Yang menarik perhatian mereka cuma permainan *boria!*

BAB KEDUA

PENDIDIKAN MELAYU DAN PERANAN JAWI PERANAKAN

PENDIDIKAN Melayu berupa mengaji Kur'an dan sedikit tentang tulisan jawi untuk melengkapkan diri seseorang anak Melayu sebagai 'modal' dalam hidup. Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah* menceritakan dengan panjang lebar bagaimanakah caranya anak-anak Melayu mendapat pelajaran agama Islam di zamannya di Melaka. Selalunya seorang anak dibawa kepada seorang lebai atau guru agama yang sedikit alim untuk mengajar Al-Kur'an, dan terpulanglah kepada lebai atau guru agama itu untuk menyemaikan ilmu pengetahuan pada anaknya asalkan jangan sampai patah cacat atau cedera kaki tangan cukuplah.

Bila British menguasai politik negeri-negeri Melayu, terutama sekali di Negeri-Negeri Selat dan Federated Malay States (Negeri-Negeri Bersekutu), ia mengadakan sekolah-sekolah Melayu di berbagai tempat untuk memberi pelajaran kepada anak-anak Melayu. Perlulah diingat bahawa sejak abad ke-19 sudah ada sekolah-sekolah pondok di Petani dan di lain-lain tempat untuk menampung pengajian Islam.

Supaya keadaan orang Melayu terus menerus tertumpu pada bidang pertanian dan kehidupan sebagai nelayan, British melancarkan dasar pelajaran Melayu seperti yang dilaporkan oleh Pengarah Pelajaran pada tahun 1920 yang berbunyi demikian:

The aim of the government is not to turn out a few well-educated youths, nor a number of less well-educated boys: rather it is to improve the bulk of the people, and to make the son of the fisherman or peasant a more intelligent fisherman or peasant than his father had been, and a man whose education will enable him to understand how his lot in life fits with the scheme of life around him".

(W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, 1967, hal. 127)

Terjemahannya:

Tujuan kerajaan bukanlah untuk melahirkan beberapa kerat pemuda yang terpelajar atau beberapa orang pelajar lelaki yang kurang berpelajaran. Tetapi yang sebenarnya ialah untuk meninggikan taraf hidup kebanyakan orang iaitu menjadikan anak seorang nelayan atau petani sebagai nelayan atau petani yang lebih bijak dari bapanya dari segi pelajaran, dan melalui pelajarannya juga, membantu untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan hidup sekitarnya.

Berdasarkan laporan inilah sistem persekolahan Melayu terus melahirkan anak-anak petani dan nelayan yang lebih bijak dari ibu bapa mereka yang buta huruf itu. Cuma pelajaran rendah sahaja yang diperolehi melalui Bahasa Melayu. Kesempatan untuk bekerja dengan pemerintah cuma dalam bidang perguruan menjadi cikgu sekolah Melayu, pion, mata-mata dan lain-lain jenis pekerjaan yang rendah. Paling tinggi pelajaran Melayu cuma sampai ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim yang didirikan pada tahun 1922 itu.

Pasport untuk mendapat pekerjaan yang baik sebagai pegawai, magistrat, dan sebagainya hendaklah melalui persekolahan Inggeris. British mendirikan berbagai sekolah Inggeris, misalnya Penang Free School (1819), Hutchings School di Pulau Pinang untuk memberi pelajaran Inggeris pada anak-anak tempatan. Pihak zendik Kristian dari berbagai mazhab turut serta mendirikan sekolah-sekolah Inggeris untuk memberi pelajaran kepada anak-anak tempatan di samping cuba mencari pemeluk-pemeluk Kristian yang baru di kalangan berbagai suku bangsa di sini.

Alternatif lain bagi orang Melayu ialah pelajaran agama di pondok-pondok atau madrasah yang kian banyak didirikan di berbagai negeri Melayu termasuk juga di Negeri-Negeri Selat. Syed Syaikh Ahmad Al-Hadi, seorang reformis Islam yang terkemuka, telah mendirikan sebuah madrasah di Singapura pada awal kurun kedua puluh, lepas itu bila berpindah ke Melaka turut pula mendirikan sebuah madrasah lagi. Akhirnya beliau menetap di Pulau Pinang dan melibatkan diri dalam bidang penerbitan serta perniagaan. *Al-Masyur*, sebuah madrasah terkenal di Pulau Pinang, telah didirikan sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, dan banyak antara para ulama dan pengarang Melayu yang pernah mendapat pendidikan di situ.

Reformisma Islam yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abduh dan Jalaluddin Al-Afghani di Timur Tengah tersebar luas hingga ke tanahair kita dan Indonesia. Majalah golongan reformis, *Al-Manar* yang diterbitkan oleh Rasyid Reda, dibaca oleh ulama-ulama progresif bukan saja di Malaysia tetapi juga di Indonesia. Bila Syed Syeikh Al-Hadi menerbitkan *Al-Imam* (1906-09) yang mencontohi *Al-Manar* dalam semangatnya majalah ini juga dibaca oleh ulama-ulama progresif di Sumatra. Hamka dalam karangannya, *Ayahku* ada menyebut kemasukan *Al-Imam* dari Singapura ke Sumatra dan impactnya pada ayah ulama Hamka sendiri.

Gerakan reformisma Islam di Timur Tengah adalah akibat dari percaturan politik kaum penjajah yang menguasai negara-negara Arab di zaman Abduh dan Afghani. Api Islam yang membakar semangat pemeluknya menjadi semakin malap akibat dari perasaan putus-asa dan taktik kolonial yang menekan setiap gerakan kebangsaan Arab. Demikianlah kita lihat pelopor-pelopor reformis Islam terpaksa pindah ke Paris dan negara-negara asing sebagai buangan akibat pengajaran dan fikiran mereka yang dianggap bertentangan dengan cita-cita politik penjajah di zaman itu.

Syed Syeikh Al-Hadi, Syeikh Tahir dan Haji Abbas bin Mohd Taha yang merupakan tokoh-tokoh 'Kaum Muda' dalam Islam di tanahair juga menghadapi tentangan dari ulama-ulama 'Kaum Tua'. Oleh sebab masalah agama Islam dan adat istiadat Melayu adalah di bawah kuasa raja-raja Melayu setiap negeri maka ada antara negeri-negeri Melayu yang mengharamkan kemasukan bahan-bahan bacaan

dari ulama-ulama 'Kaum Muda' ini. 'Kaum Muda' menyeru menggunakan akal dalam menilai sesuatu aspek hidup, dan berdasarkan segala tindakan menurut Al-Kur'an dan hadis. Sebagai pengikut Abduh mereka juga menyeru agar bangsa Melayu terus bergerak maju dalam bidang pendidikan sesuai dengan peredaran zaman.

Awal abad kedua puluh pengaruh kesusasteraan Arab terhadap masyarakat Melayu dapat dilihat dari karya-karya Arab yang diterjemahkan oleh berbagai percetakan. Syed Syeikh sendiri menterjemahkan *Tafsir Juz 'Amma* (1927), *Tafsir Al-Fatihah* (1928) di samping menghasilkan roman-roman saduran dan terjemahan seperti *Hikayat Asyik kepada Mahsyuknya* atau yang lebih terkenal sebagai *Hikayat Faridah Hanum* (1925-26) dan lain-lain cerita mata-mata gelap dalam siri *Rokambul*. Percetakan Asasiyyah, Kelantan banyak sekali menghasilkan karya-karya terjemahan dari Timur Tengah khususnya yang diterbitkan oleh Ahmad Ismail. (Za'ba, "Modern Developments of Malay Literature", dalam *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, DBP 1974).

Pengaruh Islam Timur Tengah '*Pan Islamism*' dari ajaran Abduh dan Afghani mempunyai kesan juga di kalangan masyarakat Melayu walaupun terpaksa bertentangan dengan ajaran-ajaran konservatif dari ulama-ulama 'Kaum Tua'. Kesedaran kebangsaan sudah mula nampak, dan ini adalah akibat dari kebanjiran orang-orang asing yang lebih agresif dan mempunyai kekayaan serta kuasa yang lebih dari orang-orang Melayu sendiri (W. R. Roff, hal. 76). Dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang diterbitkan sudah mula penulis-penulis membicarakan tentang kelemahan orang-orang Melayu. Di samping itu juga menimbulkan rasa kebimbangan terhadap memasuki orang-orang asing secara leluasa.

Masyarakat Melayu berada dalam dilemma. Mereka terumbang ambing antara nilai-nilai tradisional yang konservatif, sikap hidup yang tertutup, yang tidak memperlihatkan kemajuan pengetahuan dan penguasaan ekonomi yang kuat. Mereka takut mengantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana pelajaran Inggeris diasosiasikan dengan agama Kristian yang kebetulan pula kebanyakan sekolah itu adalah di bawah naungan gereja-gereja Katolik, Protestant ataupun Methodist. Akibatnya kebanyakan mereka cuma mendapat pelajaran agama dan Melayu di peringkat rendah semata-mata. Ketiadaan nilai ekonomi dalam pelajaran Melayu dan agama menyebabkan kebanyakan orang

Melayu tidak berupaya untuk mengejar perkembangan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi. Dengan kata lain, pengetahuan teknologi moden serta pengetahuan moden lainnya tidak diperolehi yang menyebabkan timbulnya penindasan psikologi dari penjajah dan juga dari orang-orang asing.

Oleh kerana ketiadaan kepimpinan Melayu yang cukup berpengaruh (perlu ingat juga tentang sikap kenegerian yang amat tebal dewasa itu) maka kita dapati orang India Muslim alias Jawi Peranakan yang memulakan penerbitan akhbar. Pada tahun 1876 sebuah akhbar bernama *Jawi Peranakan* diterbitkan oleh hartawan India Muslim di Singapura. Melalui akhbar ini berita-berita luar dan dalam negeri dimuat di samping menggalakkan pendidikan Melayu dan pembicaraan tentang Bahasa Melayu.

Pimpinan *Jawi Peranakan* ialah Munsyi Mohd Said bin Dada Mohyiddin (1876—1888), lepas itu diganti oleh Munsyi Mohd Ali bin Ghulam Al-Hindi. Lain-lain akhbar yang diterbitkan di Singapura termasuklah *Nujum'ul Fajar* (1877), *Syamsul Kamar* (188?), *Sekola Melayu* (1888) yang diterbitkan oleh Munsyi Mohd Ali bin Ghulam Al-Hindi juga. Di samping itu dari Pulau Pinang terbit *Tanjung Penegeri* (4hb Oktober 1894) di bawah pimpinan S.P.S.K. Kadar Sahib yang juga menjadi penerbitnya.

Lain-lain suratkhbar yang terbit di Singapura termasuklah *Bintang Timur* (1894). Pengarangnya Ong Siang Song. Inilah suratkhbar yang pertama kali ditulis dalam huruf rumi. *Warta Melayu* diterbitkan pada 23 Mac 1898 di Singapura juga. Sebuah lagi akhbar Pulau Pinang ialah *Lingkungan Bulan* (April 1900), dan pengarangnya ialah Mohd Ali bin Harun Al-Hindi. Sebuah akhbar lain, yang juga bernama *Bintang Timur* diterbitkan di Pulau Pinang (1 Mac 1900) di bawah pimpinan Abdul Ghani bin Mohd Kassim. Beliau juga menerbitkan sebuah akhbar lain, *Cahaya Pulau Pinang* (Oktober 1900).

Taman Pengetahuan, sebuah akhbar lagi, diterbitkan di Singapura, dan pengarangnya juga Munsyi Mohd. Ali bin Ghulam Al-Hindi dan Syed Mohammad bin Abdul Kadir Al-Hindi. Akhbar *Utusan Melayu* (terbit pada 7 November 1907) dipimpin oleh Mohd Yunus bin Abdullah tetapi setelah akhbar ini dipegang oleh pedagang-pedagang

Islam Mohd Yunos berhenti. Tempatnya sebagai pengarang diganti oleh Sayed Sa'dullah Khan (1918-21).

Penerbitan majalah yang terkemuka pada awal abad kedua puluh ialah *Al-Imam* yang diterbitkan di Singapura pada 22hb Julai 1906. *Al-Imam* sebuah majalah reformis Islam yang mencontohi *Al-Manar* terbitan Rasyid Reza di Mesir. Pengarang-pengarangnya terdiri dari Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin Al-Azahari, Syed Syeikh bin Ahmad Al-Hadi dan kemudian dibantu pula oleh Haji Abas bin Mohd Taha.

Sungguhpun *Al-Imam* cuma hidup kurang lebih tiga tahun namun ia menyumbangkan derma bakti yang besar di bidang pemikiran Islam yang progresif. Api Islam progresif terus dipupuk dan disuburkan oleh Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi apabila beliau pindah ke Pulau Pinang dan menerbitkan majalah *Al-Ikhwān* pula pada 16 September 1926. Dalam *Al-Ikhwān* terdapat berbagai karangan berkenaan dengan pendidikan, fikiran-fikiran modern dalam Islam di samping memuatkan cerita. Syed Sheikh juga menerbitkan akhbar *Saudara* (29 September 1928) yang banyak memperkatakan soal masyarakat Melayu, bahasa Melayu, pelajaran dan soal-soal agama.

Bukti-bukti yang diberikan di atas menunjukkan bahawa ke-wartawanan Melayu hidup subur di Negeri-Negeri Selat seperti Singapura dan Pulau Pinang. Perintis-perintis di bidang ini pula terdiri dari Jawi Peranakan dan juga keturunan Arab. Mengapa demikian?

Singapura dan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan lebih dulu mendapat pengaruh barat. Kemajuan teknologi barat ini seperti mesin percetakan lebih dulu diperkenalkan di kota-kota besar tersebut. Mass-media merupakan alat penghubung yang penting dalam masyarakat modern. Justru itu kaum Jawi Peranakan dan Arab yang kaya dan beragama Islam mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada bangsa Melayu yang juga beragama Islam tentang perkembangan dunia yang berlaku di zaman mereka. Di samping itu, melalui mass-media, diharapkan orang Melayu lebih sedar tentang nasib bangsa sendiri dan mencari jalan supaya memajukan pemikiran dan taraf ekonomi bangsa Melayu. Inilah amal jariah yang dipasrahkan oleh golongan Islam yang bukan Melayu jati itu.

Dengan kata lain, kesedaran Islamlah yang mendorong mereka untuk berbakti pada bangsa Melayu yang pada waktu itu amat daif

sekali tanpa pemimpin yang berkeliber besar. Apalagi dengan adanya Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu (Unfederated Malay States) dan juga Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) menyebabkan tidak adanya solidaritas atau perpaduan Melayu yang erat kerana kecemburuan yang bersifat kenegerian. Pihak kolonial British secara tidak langsung mengekalkan perpecahan di kalangan Melayu ini dengan mengekalkan negeri-negeri Melayu yang bercerai berai itu.

Melalui mass-media diharapkan akan timbul kesedaran tekad di kalangan orang-orang Melayu untuk bersatu-padu dan memperjuangkan kepentingan mereka bersama bukan atas dasar kenegerian tetapi sebagai bangsa Melayu dan Islam. Tapi sayang seruan yang murni ini kurang mendapat sambutan pada mulanya oleh kerana adanya ulama-ulama konservatif yang memperjuangkan kepentingan diri dan kepentingan golongan pemerintahan negeri tertentu. Akibatnya banyak buku-buku agama Islam yang ditulis oleh pengarang-pengarang yang progresif diharamkan di beberapa buah negeri-negeri Melayu. Begitu juga dengan *Al-Ikhwān* diharamkan pengedaran dan bacaannya di beberapa buah negeri-negeri Melayu.

Kita akui bahawa undang-undang British di Negeri-Negeri Selat itu adalah lebih liberal dari setengah undang-undang yang diamalkan dalam negeri-negeri Melayu. Justru itu kita dapati pemikiran Islam yang progresif hidup subur di Singapura dan Pulau Pinang. Sebagai golongan saudagar pihak penerbit dan pengarang Jawi Peranakan dan Arab seboleh-bolehnya menghindarkan diri dari mengkritik sistem politik kolonial. Malah acapkali menjadikan 'kebebasan' yang didapati di Negeri-Negeri Selat sebagai contoh atau model untuk diikuti oleh negeri-negeri Melayu yang lain.

Kalau pada mulanya tujuan mass-media ialah untuk memberi kesedaran masyarakat melalui Islam maka pada akhir tahun dua puluhan sudah timbul kesedaran politik Melayu yang lebih radikal lagi. Dua buah majalah diterbitkan oleh siswa-siswa Melayu-Indonesia di Kaherah — *Seruan Azhar* (1925) dan *Pilihan Timur* (1927—28). Ide-ide yang dipancarkan dalam kedua majalah tersebut selain 'Pan-Islamism' juga termasuk perpaduan antara Melayu-Indonesia dan anti-kolonialisma (W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hal. 88). Majalah-majalah ini dibaca di Malaysia juga di Indonesia

walaupun akhirnya pihak Belanda mengharamkannya di Indonesia kerana dianggap subversif.

Berkat pelajaran Melayu yang paling tinggi diberikan oleh penjajah British di Maktab Perguruan Sultan Idris lahirlah intelektual-intelektual Melayu yang terdiri dari guru-guru Melayu. Kesedaran kebangsaan Indonesia yang menyerap masuk ke Tanjung Malim melalui bahan-bahan bacaan telah menghidupkan semangat kebangsaan Melayu. Lahir beberapa orang tokoh nasionalis seperti Harun Aminurrasyid, Ibrahim Yaacob dan beberapa orang yang lain lagi. Radikalisma dalam politik kebangsaan Melayu dapat disaksikan dari penubuhan *Kesatuan Melayu Muda* (1938) yang ditokohi oleh Ibrahim Yaacob sebagai Presiden, Onan Haji Siraj sebagai Naib Presiden, Abdul Karim Rasyid (bekas guru dari SITC), Haji Othman Abdullah (bekas pelajar dari Kaherah), Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohammad dan lain-lain (W. R. Roff, hal. 231).

Hubungan kewartawanan dan kemunculan semangat kebangsaan Melayu amat erat. Boleh dikatakan tokoh-tokoh wartawan seperti Datuk Onn Jaafar yang pernah menjadi editor *Warta Malaya* (1930-41), Abdul Rahim Kajai editor *Majlis* (1931-41), Ibrahim Yaacob Ishak Haji Muhammad dan Mohd Eunus bin Abdullah, editor *Utusan Melayu* (bukan *Utusan Melayu* sekarang) dan *Lembaga Melayu* merupakan printis dalam perjuangan kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua.

Kalau dalam politik sudah kelihatan bibit-bibit antikolonialisma maka kita dapati sikap kebangsaan Melayu telah mendorong orang-orang Melayu untuk mengecam sikap 'dasar pintu terbuka' dalam bidang imigrasi (kemasukan orang-orang asing). Kecaman ini diperlihatkan dalam berbagai rencana dalam akhbar-akhbar dan majalah sejak tahun 30-an. Akhbar *Majlis* misalnya memperlihatkan sikapnya yang kritis terhadap kemasukan orang-orang asing secara besar-besaran dalam pemberitaannya.

Dasar Inggeris ialah untuk menggunakan tenaga manusia asing bagi memajukan perusahaan ladang, perlombongan dan lain-lain jenis perniagaan untuk kepentingan syarikat-syarikat bangsa barat. Alasan yang sering dikemukakan oleh ahli sejarah barat dan juga kaum kapitalis asing ialah kerana sikap bangsa Melayu yang 'malas' dan tidak mahu berusaha secara bersungguh-sungguh.

Alasan ini sengaja diadakan semata-mata untuk memberi tekanan psikologi kepada bangsa Melayu untuk menerima tanpa sedar sikap negatif terhadap Melayu itu supaya orang Melayu sendiri mengakui bahawa mereka sebenarnya 'malas', dan kurang berusaha! Lihat saja perjuangan nelayan-nelayan dan petani-petani Melayu yang bertungkus lumus mengerjakan pekerjaan mereka tanpa penat lelah sejak berkurun-kurun tersebut. Apakah seorang yang pemalas bisa mengerjakan sawah yang luas terbentang tahun demi tahun? Atau seorang nelayan yang mengharung lautan gelora untuk menangkap ikan serta meyabung nyawa boleh dianggap sebagai seorang yang malas?

Alasan malas dan kurang berusaha tidak dapat diterima begitu sahaja. Orang malas dan orang yang kurang berusaha terdapat dalam mana-mana masyarakat di dunia ini tapi tidak ada suatu bangsa di dunia ini yang sungguh-sungguh malas dan kurang berusaha hingga menjadi sebahagian dari peribadi nasional. Bangsa Inggeris dan bangsa Australia juga ada manusia-manusia yang malas dan kurang inisiatif tetapi tidaklah boleh kita menganggap keseluruhan bangsa Inggeris dan Australia itu sebagai pemalas dan kurang inisiatif.

Menurut Prof. Syed Hussein sebelum abad ketujuh belas bangsa Melayu terkenal sebagai pedagang yang berjaya dan pernah membuat hubungan dagang antara negara seperti mana yang diperlihatkan oleh kota Melaka dahulu. Tetapi bila kaum penjajah menguasai politik dan perdagangan di sebelah Gugusan Pulau-Pulau Melayu golongan pedagang Melayu terus lenyap akibat tekanan politik dan ekonomi dari penjajahan. Ketiadaan klas pedagang dari bangsa Melayu menyebabkan kedudukan politik dan ekonomi kerajaan-kerajaan Melayu lemah. Sejak abad ketujuh belas bangsa Melayu sedikit demi sedikit hilang kuasa politik dan kedudukan ekonominya (lihat Prof. Syed Hussein, *Siapa Yang Salah?*).

Para pentadbir British yang terlatih dalam melaksanakan sistem pemerintahan dan undang-undang yang menguntungkan penjajah terus menekan semangat perjuangan nasionalisma Melayu dengan jalan menulis karangan-karangan 'ilmiah' dan buku-buku tentang aspek-aspek tertentu berkenaan dengan kebudayaan Melayu. R. O. Winstedt, misalnya, banyak memberi pandangan tentang berbagai aspek dari kebudayaan Melayu dalam puluhan rencana dan beberapa buah buku hingga beliau dianggap pakar tentang kebudayaan Melayu.

Sikap Winstedt amat jelas menunjukkan semangat kolonialnya. Bukan saja dia pernah menjadi Pengarah Pelajaran yang menghina pelajaran melalui Bahasa Melayu yang dianggapnya sesuai untuk sekolah rendah sahaja tetapi dia juga menganggap bahawa bangsa Melayu ini tidak mempunyai kebudayaan yang kuat, dan oleh itu dengan mudah mengasimilasikan kebudayaan India yang lebih kuat itu. Malah dia juga meragukan pantun sebagai hak asli orang-orang Melayu, dan menganggap bahawa pantun itu sebenarnya diperkenalkan oleh bangsa China oleh kerana kebudayaan China itu lebih terkenal. Demikian kesan yang kita dapati bila membaca karangannya tentang sastra Melayu klasik. (lihat R. O. Winstedt, *A History of Malay Literature*, JMBRAS, Vol. XVIII, Pt. III Januari 1940).

Selain dari R. O. Winstedt terdapat juga karangan-karangan kaum penjajah British yang terdiri dari pegawai-pegawai pentadbir yang menulis 'kenangan-kenangan' politik mereka sewaktu berkhidmat di Tanah Melayu dulu. Selalunya tulisan-tulisan mereka mencerminkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang pemalas, yang kurang inisiatif, sukakan hiburan dan sebagainya. Karangan-karangan ini terus tersebar di Tanah Melayu dibaca bukan saja oleh bangsa Melayu sendiri, terutama sekali yang berpendidikan Inggeris, tetapi juga oleh orang-orang bukan Melayu. Akibat dari sistem pendidikan kolonial yang mementingkan kaum penjajah maka secara tidak langsung sikap British yang merendahkan-merendahkan kebolehan bangsa Melayu, Bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu itu mempengaruhi juga setengah golongan cendekiawan Melayu.

Secara psikologi golongan cendekiawan yang berpendidikan Inggeris berasa 'malu' untuk mengidentifikasikan dirinya dengan bangsanya sendiri. Syarat-syarat sebagai pegawai kerajaan peringkat tinggi (division satu) seperti yang terpahat dalam '*General Orders*' dipatuhi seperti *Al-Qur'an*. Kebanyakan pegawai-pegawai MCS ini cuba mengidentifikasikan diri dan jiwa mereka seperti pegawai-pegawai kolonial kerana demikianlah kehidupan yang dirancang untuk mereka oleh penjajah. Malah dengan adanya sekolah yang dianggap Eton Malaysia iaitu Kolej Melayu, Kuala Kangsar, kebanyakan dari mereka memang berlagak seperti pegawai-pegawai kolonial dalam sikap hidup dan mentaliti sekaligus.

Sikap pro-kolonial atau berjiwa kolonial ini dengan sendirinya mengasingkan cendekiawan dan pegawai-pegawai pentadbir Melayu dari

masyarakat Melayu umumnya. Oleh kerana itu kepimpinan Melayu tidak begitu ketara di kalangan pegawai-pegawai yang berpendidikan Inggeris walaupun ada beberapa orang yang mendapat perhatian baik dari bangsa Melayu sebagai pemimpin. Keasingan cendekiawan dan pegawai-pegawai pentadbir Melayu sengaja dicipta oleh penjajah supaya tidak lahir pemimpin-pemimpin Melayu yang berkebolehan untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Ketiadaan pemimpin-pemimpin Melayu dari golongan pegawai dan cendekiawan yang berpelajaran Inggeris menyebabkan alternatif lain perlu diambil. Oleh kerana itu lahirlah pemimpin-pemimpin politik dan kebangsaan Melayu dari kalangan orang kebanyakan, rata-rata berpendidikan Melayu dan Arab, dan kebanyakannya terdiri dari kaum wartawan dan guru-guru Melayu. Mereka inilah yang menubrak hingga lahir kesedaran kebangsaan yang kuat di kalangan bangsa Melayu baik melalui tulisan-tulisan dalam akhbar dan majalah maupun dalam berbagai persatuan yang diwujudkan sejak tahun tigapuluhan lagi.

Dapat dicatat nama dua orang pemimpin-pemimpin Melayu yang pernah berkhidmat dengan kerajaan kolonial tapi akhirnya berhenti untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu melalui tulisan dan politik. Pertama, Datuk Onn Jaafar, bapa kepada YAB Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia sekarang. Datuk Onn yang mendapat pendidikan Inggeris dan pernah bekerja dengan kerajaan Johor akhirnya berhenti untuk menjadi editor *Warta Malaya*. Menurut Prof. William R. Roff, rencana pengarang *Warta Malaya* banyak membincangkan issue-issue yang berhubungan dengan Melayu, dari soal memberikan kuasa semula kepada Majlis Mesyuarat Negeri (State Councils) di Negeri-Negeri Bersekutu, kebimbangan terhadap desakan-desakan orang-orang bukan Melayu untuk menambah hak mereka hingga sampailah kepada soal pendidikan tinggi dan perkembangan dan kemajuan ekonomi Melayu. (*The Origins of Malay Nationalism*, h. 168).

Selain dari Datuk Onn Jaafar nama Ishak bin Haji Muhammad tidak bisa dilupakan. Beliau seorang nasionalis yang sanggup meninggalkan jawatan penting sebagai magistrat dan berkelana sebagai wartawan kerana semangat perjuangannya. Bukan saja dalam rencana-rencana akhbar memperlihatkan Ishak sebagai nasionalis dan politikus yang gigih tetapi juga dalam novel-novel Ishak sejak *Putera Gunung Tahan* (1937) hingga sekarang beliau terus mencerminkan pribadinya yang cintakan bangsa sendiri. Bersama-sama dengan Ibrahim Yaacob dan

lain-lain beliau mendirikan KMM (Kesatuan Melayu Muda) yang memperjuangkan kemerdekaan tanahair. Beliau mengalami berbagai penderitaan hidup kerana perjuangan politiknya, ditahan oleh penjajah Inggeris dan juga oleh kerajaan selepas Merdeka.

Semangat kebangsaan Melayu yang tebal dalam tahun tigapuluhan menyebabkan beberapa pemimpin Melayu menyedari bahawa kedudukan ekonomi mereka amat menyedihkan sekali. Akhirnya mereka sedar bahawa golongan Jawi Peranakan dan Arab yang beragama Islam lebih banyak menggunakan Islam untuk memperkayakan diri mereka. Golongan wartawan Melayu terutama sekali menyedari bahawa selama ini golongan hartawan Jawi Peranakan dan Arab (keturunan 'syed') yang menguasai mass-media dan memodalinya. Mereka merasakan dominasi golongan Jawi Peranakan dan Arab ini dalam mass-media lebih banyak untuk mempertahankan status quo politik dari benar-benar memperjuangkan kebangsaan Melayu.

Lalu timbullah perasaan antijawi Peranakan dan antiArab di kalangan wartawan-wartawan Melayu yang mula-mula sekali dicetuskan oleh Abdul Rahim Kajai, 'bapa wartawan Melayu' dan penulis cerpen yang terkemuka sebelum Perang Dunia Kedua. Rahim Kajai pernah bekerja dengan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi di Pulau Pinang, dan pernah pula menterjemahkan sebuah novel Turki, *Hikayat Dzulruhain* (1927). Pengalaman sebagai wartawan dipelajari sejak bekerja dengan Syed Syeikh, dan akhirnya beliau bekerja pula dengan *Majlis* sebagai editornya.

Bila melihat bahawa golongan Jawi Peranakan dan Arab lebih mementingkan kedudukan sosial dan ekonomi golongan mereka semata-mata dan memeralatkan Islam untuk tujuan-tujuan demikian, maka Kajai menulis cerpen-cerpen dan juga rencana-rencana antijawi Peranakan dan antiArab. Lahirlah istilah-istilah DKK (Darah Keturunan Keling) dan DKA (Darah Keturunan Arab). Istilah-istilah ini diberikan oleh Kajai yang akhirnya menjadi terkenal dan heboh sekali dibicarakan oleh orang-orang Melayu sebelum Perang. Selain dari Kajai, Ishak Haji Muhammad dan Yusof Ishak juga turut serta meniupkan antiDKK dan antiDKA ini. Dalam cerpen-cerpen Kajai dan Ishak jelas kelihatan kebencian mereka terhadap watak-watak DKK dan DKA tersebut. Atas dasar kesedaran Melayu yang meluap-luap itulah dicari modal untuk mendirikan akhbar kebangsaan Melayu yang benar-benar menyuarakan cita-cita dan semangat bangsa Melayu. Setelah berjaya mengumpulkan wang dari orang-orang Melayu yang bercita-cita kebangsaan maka pada

29 Mei 1939 keluaran sulung *Utusan Melayu* pun bermula. Sejak itu hingga kini *Utusan Melayu* terus membesar dan berpengaruh di kalangan orang-orang Melayu.

Mengapakah terdapatnya keretakan antara Melayu dengan Jawi Peranakan dan Arab sebelum Perang itu?

Kegelisahan setengah pemimpin Melayu terhadap golongan Jawi Peranakan dan Arab sudah wujud sejak tahun duapuluhan di Singapura. Pada waktu itu golongan Arab dan Jawi Peranakan mempunyai kedudukan sosial serta kekayaan yang memungkinkan mereka menjadi juara untuk semua orang Islam di Singapura. Apalagi kedudukan golongan 'syed' yang amat dihormati oleh orang-orang Melayu menyebabkan mereka dengan sendirinya menjadi pemuka golongan Islam di Singapura dan juga di negeri-negeri Melayu lainnya.

Sungguhpun Jawi Peranakan dan Arab banyak mengadakan badan-badan khairat dan badan-badan Islam lainnya namun pertubuhan mereka lebih merupakan pertubuhan untuk orang kaya oleh kerana kepentingan orang Melayu yang rata-rata miskin tidak begitu dipentingkan sangat. Akhirnya timbul kesedaran pada dua orang cendekiawan Melayu yang berpendidikan Ingeris — Mohd Eunus Abdullah, editor *Lembaga Melayu* dan Dr. Abdul Samad — untuk menubuhkan sebuah persatuan lagi bagi menampung kepentingan Melayu yang rata-rata miskin itu. Bila kerajaan British ingin melantik seorang wakil bangsa Asia dalam Majlis Undangan Negeri-Negeri Selat pihak Persekutuan Islam, yang didominasi oleh golongan Jawi Peranakan dan Arab, inginkan seorang Arab menjadi wakil di situ tetapi persatuan Melayu pula inginkan seorang Melayu. Oleh kerana British tidak mahu seorang wakil yang terlalu menyebelahi pada sesuatu agama maka Eunus Abdullah dilantik menjadi wakil orang-orang Melayu. Kesedaran untuk memberi dukungan pada Eunus Abdullah sebagai wakil Melayu maka akhirnya lahirlah *Kesatuan Melayu Singapura (KMS)* yang ditubuhkan pada 1926. *Kesatuan Melayu Singapura* mempunyai tujuan-tujuan politik untuk memperjuangkan kepentingan Melayu.

Menurut penyelidikan suratkhbar yang dibuat oleh W. R. Roff (*Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, P. Pinang, 1967) dan Drs A. M. Iskandar Haji Ahmad (*Persuratkhbaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur, 1973) Eunus Abdullah tidak pernah bekerja dengan akhbar-akhbar yang dimodali oleh Jawi Peranakan atau Arab. Beliau menjadi editor *Utusan Melayu* kepunyaan Singapore Free Press dan *Lembaga Melayu* yang dipunyai oleh Malaya Tribune Press, kedua-duanya milik

Inggeris. Justru itu beliau lebih 'berani' untuk mengkritik Jawi Peranakan dan Arab dan berjaya menjadi pemimpin Melayu di Singapura tanpa mendukung cita-cita dan kepentingan Jawi Peranakan dan Arab.

Mungkin Kajai tidak berani untuk menentang atau mengkritik golongan Arab dalam tahun duapuluhan oleh kerana beliau bekerja dengan Sayed Sheikh pada waktu itu di Pulau Pinang. Atau boleh jadi juga kedudukannya sebagai wartawan yang berkeliber dalam masyarakat Melayu masih belum terkenal seperti dalam tahun tiga-puluhan walhal Mohd Eunus Abdullah sudah pun terkemuka pada tahun duapuluhan dan dianggap sebagai 'Bapa Wartawan Melayu' oleh kerana sumbangan-sumbangannya dalam kewartawanan Melayu.

Tidaklah bermakna bahawa situasi politik-ekonomi-kebudayaan Singapura itu berlainan dengan Pulau Pinang oleh kerana kedua-duanya adalah Negeri-Negeri Selat dan di bawah penjajah British. Jawi Peranakan dan Arab juga menguasai kegiatan penerbitan akhbar dan majalah di samping mempunyai kedudukan yang baik dalam ekonomi dan sosial. Malah di Pulau Pinang sejak dahulu hingga ke hari ini, kahwin campuran antara keturunan India Islam dan perempuan-perempuan Melayu terus menjadi-jadi hingga menimbulkan satu masyarakat Melayu khas Pulau Pinang. Oleh kerana kedudukan ekonomi mereka adalah lebih baik dari kebanyakan orang-orang Melayu maka dengan mudah mereka dapat mengahwini wanita-wanita Melayu apalagi mereka juga beragama Islam.

Mungkin sebagai alternatif terhadap akhbar-akhbar dan majalah yang dimodali oleh Jawi Peranakan dan golongan Arab maka diterbitkan majalah-majalah dan akhbar-akhbar kecil yang menampung aspirasi-aspirasi Melayu. Misalnya *Idaran Zaman*, sebuah akhbar, diterbitkan di Pulau Pinang oleh Haji Abdul Aziz pada 1 Januari 1925 dengan Mohd Yunus Abdul Hamid dan Othman Kalam sebagai editornya (sebelum menjadi editor beliau menjadi pembantu editor sahaja). Selain itu *Suara Melayu* (akhbar) diterbitkan di Pulau Pinang dan pemimpinnya ialah Abdul Rahman bin Jamaluddin. Mohd Yunus Abdul Hamid pernah menjadi penerbit dan editor majalah *Malaya* (1926-31), dan *Dewasa* (akhbar, 1931-?); dan *Bumiputra*, sebuah akhbar lagi diterbitkan di Pulau Pinang oleh Abdul Wahab Abdullah dan beliau sendiri menjadi pengarangnya. *Bumiputra* ialah akhbar harian Melayu yang pertama diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1933 dan berhenti terbit pada tahun 1934.

Di Singapura juga terdapat orang Melayu menerbitkan akhbar dan majalah mereka sendiri. Sungguhpun usaha mereka itu tidak begitu berjaya dan kebanyakannya mati setelah beberapa keluaran sahaja namun ini adalah bukti menunjukkan bahawa mereka ingin memberi alternatif dalam bidang kewartawanan. Misalnya Haji Abas bin Mohd Taha, bekas pengarang *Al-Imam* menerbitkan suratkhbar *Neraca* (1911—1915) dan beliau sendiri menjadi pengarangnya. Mohd Yunos Abdullah juga menjadi penerbit dan pengarang *Perkhabaran Dunia*, sebuah akhbar yang terbit antara Februari 1932—Mac 1932. Sulaiman bin Ahmad juga menerbitkan majalah *Kemajuan Melayu* (April 1932—?) dan beliau sendiri menjadi editornya. Di samping itu Sulaiman Ahmad juga menerbitkan akhbar *Dunia Sekarang* (November 1934—?) dan akhbar *Pemuda Melayu* (Januari 1935—?). Raja Mohd Yunus bin Raja Ahmad pula menerbitkan majalah *Dewan Perempuan* (1 Mei 1935—Ogos 1935) yang editornya ialah Zawiah Ali (duduk di Medan) dan lepas itu Raja Mohd Yunus Ahmad sendiri. Ada beberapa majalah lain lagi yang tidak dibicarakan di sini.

Percubaan-percubaan dari orang Melayu untuk mengendalikan penerbitan mereka sendiri perlu dipuji. Dengan cara demikian mereka dapat menyuarakan hasrat hati mereka sendiri. Kegagalan mereka mungkin kerana kekurangan modal, pengurusan yang kurang baik dan juga mungkin penyebaran yang kurang memuaskan. Setelah lahirnya *Utusan Melayu* (1939) kekuatan mass-media Melayu semakin cerah dan selepas itu semua akhbar-akhbar yang dimodali oleh golongan Jawi Peranakan dan juga Arab terpaksa tutup kerana kebanyakan para editor dan wartawan yang baik terdiri dari orang-orang Melayu sendiri. Wartawan-wartawan terkenal seperti A. Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam, Abdullah Hussain sudah ditampungi oleh *Utusan Melayu* atau lain-lain penerbitan.

Memang tidak dapat kita membataskan pembicaraan nasib Melayu zaman sebelum Perang dalam konteks Pulau Pinang dan Singapura sahaja. Apalagi mass-media waktu itu juga membicarakan lain-lain aspek kehidupan Melayu yang mencakupi Melayu di lain-lain negeri juga. Justru kerana tidak mahu kalah menyebabkan orang-orang lain di berbagai negeri Melayu pun menerbitkan akhbar ataupun majalah. Kesan mass-media terhadap orang-orang Melayu perlulah dilihat secara keseluruhan.

Reaksi orang-orang Melayu terhadap dominasi Jawi Peranakan dan golongan Arab dalam perjuangan bangsa sudah menjadi kenyataan

sejak tahun duapuluhan di Singapura. Tahun tigapuluhan membangkitkan semangat kebangsaan yang meluap-luap menyebabkan timbulnya pergeseran yang lebih tajam antara pemimpin-pemimpin Melayu dengan Jawi Peranakan dan golongan Arab seperti yang dibayangkan dengan istilah-istilah DKK dan DKA itu. Akibat dari reaksi inilah akhirnya pemimpin-pemimpin Melayu yang terdiri dari kaum wartawan, guru dan pedagang-pedagang mencari modal untuk menerbit sendiri sebuah akhbar kebangsaan Melayu — *Utusan Melayu* pada tahun 1939.

BAB KETIGA

SINGAPURA DAN PULAU PINANG SEBAGAI KOTA CHINA

PEMBICARAAN tentang masalah orang Melayu Pulau Pinang atau Singapura tidak akan bererti kalau tidak dibicarakan tentang bangsa China yang mempunyai ramai penduduk di kedua buah Negeri Selat ini.

Kedatangan mereka dengan banyaknya ke Pulau Pinang dan Singapura terutama sekali adalah hasil dari dasar kolonial Inggeris untuk membuka negeri-negeri Melayu dan menjadikan pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura sebagai pelabuhan penting bagi British. L. A. Mills menganggap tidaklah berlebihan untuk berkata bahawa kemakmuran 'British Malaya' adalah terletak pada buruh China. (*British Malaya 1824-67*, h. 204). Banyak pegawai-pegawai kolonial memuji kerajinan dan keahlian bangsa China. Banyak yang menyanjung tinggi tentang sumbangan bangsa China terhadap kemakmuran Tanah Melayu.

Kita pun tidak menafikan tentang kerajinan bangsa China dan keahlian mereka dalam berbagai bidang hidup. Sifat demikian perlu dipuji tanpa mengira dari bangsa apa sekalipun. Kita maklum tentang keadaan negara China sejak awal abad keduapuluh dan bagaimana ribuan orang-orang China berhijrah ke negara-negara Asia lainnya untuk mencari keuntungan. Pada mulanya mereka cuma sebagai penghuni sementara, mencari kekayaan dan lepas itu kembali semula ke berbagai tempat di negara China untuk hidup aman damai.

Banyak antara mereka terdiri dari kuli yang miskin, dijual oleh kapten kapal kepada taukeh-taukeh di Negeri-Negeri Selat sehingga

selesai hutang mereka kepada taukeh-taukeh itu. Ada antara mereka yang berjaya dalam hidup di Tanah Melayu, menjadi kaya raya dan tidak ingin lagi kembali ke tanah leluhur mereka.

Di mana saja berkibar bendera British di situ akan datang orang-orang China kerana mereka sangat gembira tinggal di bawah pemerintahan British yang mementingkan keselamatan, keadilan serta memberi kebebasan pada rakyat di bawah Union Jack itu. Setelah tahun 1874 bila British mula menguasai politik dan ekonomi negeri-negeri Melayu akibat perpecahan di kalangan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu maka orang-orang China terus masuk ke negeri-negeri Melayu untuk menjadi pelombong, peniaga dan membuat lain-lain pekerjaan.

Memang pada mulanya orang-orang China tidak mementingkan hak politik di negara ini kerana mereka lebih tertarik dengan harapan-harapan untuk menjadi kaya melalui usaha mereka. Mereka serahkan soal politik kepada British oleh kerana mereka cuma sebagai penghuni sementara sahaja di Tanah Melayu ini.

Ada beberapa sebab yang besar mengapa British mengalu-alukan kedatangan orang China ke sini. Pertama, baik penjajah British maupun orang China tertarik untuk 'membuka' negeri-negeri Melayu kerana kekayaan yang bisa diperolehi dari kesuburan bumi Melayu. Baik British maupun orang China sangat tertarik pada perdagangan. Justru itu pihak British sangat beruntung mendapat bantuan dari segi perniagaan dan perdagangan serta perlombongan dari orang China. Tujuan yang sama ini menyebabkan kedua pihak dapat bekerjasama dan saling bantu membantu demi kepentingan bersama.

Kedua, bangsa China adalah bangsa pendatang dan tidak ada cita-cita politik terhadap Tanah Melayu. Justru itu penjajah British tidak perlu bimbang untuk kemungkinan pemberontakan dari bangsa China untuk menguasai negeri-negeri Melayu ataupun Negeri-Negeri Selat. Sekiranya orang China patuh pada pemerintahan British maka selama itulah British dapat menggaruk kekayaan di sini tanpa berasa bimbang terhadap kemungkinan penggulingan pemerintahan oleh bangsa China.

Ketiga, dengan kemasukan bangsa China dan India secara besar-besaran akan menimbulkan pertikaian politik antara orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa yang mendatang. Konflik-konflik politik ini sengaja dibesar-besarkan oleh penjajah demi kepentingannya. Sebab itulah British membuka pintu imigrasi seluas-luasnya untuk menampung kaum-kaum mendatang kerana ia dengan sengaja ingin

menimbulkan konflik-konflik kepentingan antara ras kelak. Sekiranya berlaku konflik-konflik antara ras maka ia dapat menguasai negara ini lebih lama lagi. Konsep 'pecah dan memerintah' (divide and rule) ini jelas digunakan oleh penjajah British.

Keempat, sebagai bangsa-bangsa pendatang ke Tanah Melayu baik British maupun China tidak begitu bertanggungjawab terhadap bangsa Melayu. Ada semacam penghinaan terhadap anak-anak negeri yang terjajah dari kedua bangsa pendatang itu. Pada British mungkin menganggap bangsa terjajah sebagai 'orang suruhan'nya dan bangsa kulit putih sebagai 'tuan'. Sebenarnya konsep kulit putih sebagai tuan dan bangsa-bangsa berkulit warna sebagai 'hamba' dan 'rendah' terdapat di mana-mana juga akibat penjajahan. Bangsa China mungkin kerana menganggap kebudayaannya lebih 'tinggi' dari kebudayaan anak negeri maka ada semacam kebanggaan terhadap tradisi kebudayaannya yang dianggap mereka lebih 'tinggi' dari kebudayaan Melayu.

Kelima, atas dasar politik dan ekonomi penjajah, British sengaja mewujudkan pembahagian pekerjaan (profesi) antara ras. Melayu sebagai pentadbir, China dalam perniagaan dan India sebagai buruh di ladang-ladang dan juga dalam bidang komunikasi. Pembahagian kerja yang sengaja dilakukan ini akhirnya menimbulkan konflik ras yang meruncing kerana masing-masing ras menganggap pembahagian pekerjaan secara 'tradisional' menurut arahan penjajah itu diterima sebagai sesuatu yang hak oleh mereka. Akibat pengarahannya kepada jurusan-jurusan tertentu itu akhirnya menimbulkan konflik-konflik antara ras pula setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Keenam, konflik politik dapat dipertajamkan lagi sekiranya orang-orang bukan Islam banyak masuk ke Tanah Melayu. Orang Melayu 100% beragama Islam dan Islam bisa menjadi satu 'force' yang besar sekiranya orang-orang Melayu mempunyai pemimpin-pemimpin yang berjiwa Islam seperti Abduh dan Afghani di Timur Tengah dalam abad kesembilan belas. Dengan kemasukan orang China dan India secara besar-besaran yang non-Islam maka penjajah British dapat 'mencairkan' oposisi dari pihak Islam. Dengan demikian Islam tidak bisa dijadikan force yang penting dalam konteks politik orang-orang Melayu dalam masyarakat majmuk seperti sekarang.

Mungkin pengalaman politik British di Mesir (Timur Tengah) dan peperangan Mahdi di Sudan menentang kekuatan Islam menyebabkan ia menggunakan taktik politik baru untuk menunduk bangsa

pribumi dari melepaskan diri dan jiwa daripada belenggu penjajahan.

Sesuai dengan dasar penjajahan, para pengembang agama Kristian meningkatkan pula aktivitas mereka dengan jalan membina sekolah-sekolah mission di samping berusaha untuk mengkristiankan sebanyak mungkin orang-orang China, India dan sukubangsa-sukubangsa pribumi lainnya. Sekiranya usaha mereka berjaya dan jumlah pemeluk Kristian menjadi majoriti maka dapatlah mereka mewujudkan sebuah negara Kristian di bumi Islam seperti mana yang berlaku di Filipina sekarang. Sebagai pemeluk Kristian orientasinya ialah ke barat dan ini akan menguntungkan penjajahan British.

Ketujuh, kehidupan di negara China dan India amat buruk kerana jumlah penduduk yang terlalu besar di samping terjadinya peperangan antara berbagai golongan terutama sekali di negara China. Ini mengakibatkan banyak orang-orang China terpaksa keluar negeri merantau untuk mencari rezeki. Orang India juga terpaksa merantau di luar tanah besar India untuk tujuan yang sama di samping diambil sebagai buruh kontrek di ladang-ladang British di Tanah Melayu dan dalam pembinaan infrastruktur (jalanraya dan keretapi) di sini.

Alasan-alasan di atas itulah yang menyebabkan kebanjiran orang-orang China dan India datang ke mari.

Bahawa kebimbangan orang-orang Melayu terhadap kemasukan orang-orang asing secara besar-besaran dapat dilihat dari rencana yang terbit dalam *Al-Ikhwān* di Pulau Pinang pada tahun 1926 yang ditulis oleh Syed Sheikh Al-Hadi sebagai jawapan terhadap rencana Pak Za'ba di dalam majalah yang sama.

"Kerana sangka kita pengakuan yang telah kita akui di dalam *teriak* (nama kolom dalam *Al-Ikhwān* — penulis) bahawa dengan sebab pemerintahan kerajaan Inggeris yang maha besar inilah boleh terlepas kita daripada perhambaan itu memadalah rasanya bagi melepaskan kita daripada tuduhan ini. (Dalam rencana Za'ba beliau menuduh *Al-Ikhwān* menyamakan Inggeris dengan bangsa-bangsa pendatang lainnya — penulis). Kerana kita tiadalah gemar sekali-kali menyebutkan tiap-tiap satu bangsa itu dengan namanya yang khas. Sebab sekalian bangsa-bangsa itu tiada apa kesalahannya memang peperangan kehidupan dunia ini memberi kelebihan orang yang bekerja dan berusaha dan berpengetahuan, hanyalah disebut-sebut akan dia itu supaya jadi iktibar peringatan di atas kaum kita yang lalai dan lena tidur mengulitkan pemalasnya bahawa tanahairnya telah habis dan akan habis lagi dipunyai oleh bangsa-bangsa yang lain daripada bangsanya sendiri.

Maka bangsa-bangsa yang dikehendaki dan dikata telah memiliki kuasa kehidupan itu bukanlah bangsa Inggeris kerana tiada didapati bangsa Inggeris itu memiliki segala gedung dan rumah-rumah sewa di segenap pekan yang ramai dan jika ada pun macam Tuan Brown di Pulau Pinang tetapi berapa banyak anak-anak Melayu yang mendapat faedahnya. Dan bukan pula bangsa Inggeris itu yang menjual cabai garam di segenap kampung kita atau membuka kedai menjual beras secupak segantang di segenap tempat kita. Atau memikul menjual kain baju masuk ke segenap dapur tempat-tempat perempuan kita, atau membuka kedai kopi di segenap ceruk kampung-kampung Melayu....” (lihat Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendeta Za’ba dalam Kenangan*, DBP, 1974, h. 233–234).

Kebimbangan terus menerus ditingkatkan oleh orang-orang Melayu melalui mass-media Melayu dan juga melalui cerpen-cerpen dan novel yang diterbitkan sejak sebelum Perang.

Kekuatan orang China bukan saja dapat dilihat dari segi ekonomi tetapi juga dari jumlah yang kian membesar. Jumlah mereka dapat dilihat dari statistik di bawah ini.

**JUMLAH PENDUDUK BERBAGAI BANGSA DI PULAU PINANG,
SEBERANG PRAI, SINGAPURA DAN MELAKA
DARI TAHUN 1817 HINGGA 1860**

Pulau Pinang

<i>Tahun</i>	<i>Melayu</i>	<i>Eropah</i>	<i>India</i>	<i>China</i>	<i>Jumlah Besar</i>
1818	12,190	?	8,197	7,858	35,000
1830	11,943	1,877	8,858	8,963	33,959
1842	18,442	1,180	9,681	9,715	40,499
1851	16,570	347	7,840	15,457	43,143
1860	18,887	1,995	10,618	28,018	59,956

Seberang Prai

1820	5,399	?	338	325	6,185
1833	41,702	?	1,087	2,259	45,953
1844	44,271	107	1,815	4,107	51,509
1851	53,010	?	1,913	8,731	64,801
1860	52,836	76	3,514	8,204	64,816

Tahun	Melayu	Eropah	India	China	Jumlah Besar
<i>Singapura</i>					
1819-20	?	?	?	3,000	5,000
1830	5,173	92	1,913	6,555	16,634
1840	9,032	167	3,159	17,179	39,681
1850	12,206	360	6,261	27,988	59,043
1860	10,888	2,445	12,971	50,043	80,792
<i>Melaka</i>					
1817	13,988	1,667	2,986	1,006	19,627
1828	19,765	265	2,830	4,797	30,164
1842	32,622	2,544	3,258	6,882	46,097
1852	48,226	2,283	1,191	10,608	62,514
1860	53,554	2,648	1,026	10,039	67,267

(SUMBER: L. A. Mills, *British Malaya 1824-67*, hal. 217-218).

Dari statistik ini jelas menunjukkan bahawa jumlah orang-orang China di Pulau Pinang, Seberang Prai, Singapura dan Melaka kian meningkat. Malah dalam masa 74 tahun selepas Light menipu Sultan Kedah jumlah penduduk Melayu di Pulau Pinang dan Singapura nampak bertambah tetapi bila dibandingkan dengan penduduk-penduduk China di kedua Negeri Selat tersebut jumlah kaum pendatang adalah berganda-ganda lebih dari penduduk-penduduk Melayu sendiri.

Kalau kita perhatikan pula jumlah penduduk di Pulau Pinang sahaja kita jadi lebih terkejut sebab jumlah China paling tinggi sekali, dan jumlah Melayu semakin merosot.

JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG

Tahun	Jumlah Besar	Melayu (%)	China (%)	India (%)
1911	278,003 (100%)	114,441 (41.17%)	111,738 (40.19%)	46,565 (16.75%)
1921	304,335 (100%)	110,382 (36.27%)	135,288 (44.45%)	53,339 (17.53%)
1931	359,851 (100%)	118,832 (33.02%)	176,518 (49.06%)	58,020 (16.12%)
1947	446,321 (100%)	136,163 (30.51%)	247,366 (55.42%)	57,157 (12.81%)
1957	572,100 (100%)	165,092 (28.86%)	327,240 (57.20%)	69,035 (12.07%)

Dalam masa 41 tahun (dari 1911—1957) jumlah penduduk-penduduk China terus bertambah dan berkembang dari 40.19% menjadi 57.20%. Ini bermakna lebih dari separuh penduduk Pulau Pinang dan Seberang Prai adalah bangsa China.

Dalam jangka waktu yang sama penduduk-penduduk Melayu makin berkurangan tinggal di Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dari 41.17% jatuh hingga 28.86% pada tahun 1957.

Sekarang ini kita kaji pula jumlah penduduk dari berbagai bangsa di bandar Tanjung (George Town).

JUMLAH PENDUDUK TANJUNG (GEORGE TOWN)

Tahun	Jumlah Besar	Melayu (%)	China (%)	India (%)
1911	101,182 (100%)	15,815 (15.63%)	63,740 (63%)	17,666 (17.46%)
1921	123,069 (100%)	17,058 (13.86%)	82,567 (67.09%)	19,547 (15.88%)
1931	149,408 (100%)	19,136 (12.81%)	101,242 (67.79%)	24,120 (16.14%)
1947	189,068 (100%)	21,075 (11.15%)	137,915 (72.94%)	26,220 (13.87%)
1957	234,903 (100%)	26,757 (11.39%)	171,245 (72.90%)	32,029 (13.63%)

(SUMBER: Timothy Lam Thim Fook, *Population Data of George Town*, Kuala Lumpur, 1967).

Dari data-data tentang penduduk Tanjung ini kita dapati Melayu kian merosot jumlahnya (dari 15.63% menjadi 11.39% pada tahun 1957). Jumlah China pula bertambah dari 63% pada tahun 1911 menjadi 72.90% pada tahun 1957. Dengan lain perkataan lebih dari 70% penduduk-penduduk bandar Tanjung terdiri dari bangsa China sehingga tahun 1957, tahun kemerdekaan kita.

Kekuatan jumlah penduduk yang besar serta keteguhan ekonomi yang dikuasai oleh mereka menyebabkan timbul kesedaran di kalangan China untuk memperjuangkan kepentingan politik bagi bangsa China pula.

Dasar penjajah Inggeris yang membuka pintu imigrasi seluas-luasnya pada tahun tigapuluhan sudah membuahkan masalah politik, ekonomi dan sosial bagi negara kita. Sebenarnya dasar Inggeris ialah untuk menimbulkan ketegangan ras supaya China dan Melayu ber-

konfrontasi. Diharapkan dengan ketegangan yang sengaja diwujudkan oleh penjajah itu maka dapatlah Inggeris terus menerus mencengkam kukunya di negara ini bilamana kedua-dua bangsa ini tidak boleh 'bekerjasama'.

Sekiranya timbul konflik yang hebat antara China dan Melayu maka sudah pasti salah satu dari bangsa ini akan meminta perlindungan dari Inggeris. Dengan demikian ia akan terus masuk campur dan dengan demikian juga terus berkuasa dan menggaruk kekayaan negara ini seterusnya.

Sungguhpun akhirnya Inggeris terpaksa melepaskan negara ini sebagai tanah jajahannya pada tahun 1957 namun masalah yang ditinggalkannya masih belum dapat diatasi oleh kerajaan selepas merdeka terutama sekali dalam politik Pulau Pinang.

BAB KEEMPAT

KONFLIK NILAI POLITIK MELAYU PULAU PINANG

SEPERTI yang diterangkan dalam bab yang lalu penduduk Melayu di bandar Tanjung kian merosot. Hal ini disebabkan orang Melayu kurang suka tinggal di bandar oleh kerana nilai-nilai hidup bandar dianggap kurang sesuai dengan sifat orang Melayu.

Orang Melayu umumnya lebih suka tinggal di kampung-kampung di mana terdapat kawasan yang luas untuk bercucuk tanam ataupun untuk mendapat suasana yang damai dan tenteram. Selain dari itu orang Melayu lebih suka tinggal dalam masyarakat Melayunya sendiri kerana soal keselamatan dan juga kerana ingin meneruskan nilai-nilai hidup tradisional yang bersifat kolektif itu.

Soal sakit demam, mati dan kenduri, serta sikap kerjasama sesama bangsa dan agama lebih diutamakan oleh orang Melayu. Dengan demikian kehidupan di bandar dianggap meruntuhkan nilai-nilai konsep hidup tradisional tersebut oleh kerana masing-masing mementingkan kepentingan pribadi.

Oleh kerana hendak terus mengekalkan masyarakat Melayu di bandar maka wujudlah beberapa 'kampung Melayu' dalam bandaraya Tanjung seperti Kelawai, Kampung Dodol, Kampung Makam, Jelutong, Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Batu Feringgi dan sebagainya. Kewujudan kampung-kampung Melayu di bandaraya ini dapatlah disamakan dengan 'perkampungan' China di Campbell Street dan perkampungan India di Queen Street dan Pitt Street itu. Masing-masing ingin hidup dalam kelompok bangsa sendiri.

Tapi apakah dengan adanya masyarakat Melayu di Tanjung mereka dapat menyesuaikan politik orang Melayu dengan nilai-nilai hidup kota itu?

Nampaknya politik Melayu tidak dapat menyesuaikan mereka dengan nilai hidup kota oleh kerana beberapa faktor. Rata-rata Melayu di Tanjung tidak melibatkan diri dalam perniagaan besar-besaran yang bisa menjadikan mereka kuat dalam bidang ekonomi. Kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh pelabuhan, peniaga-peniaga kecil atau makan gaji dengan kerajaan. Ketiadaan suatu golongan pedagang (mercantile class) orang Melayu seperti mana yang wujud dalam masyarakat China dan India menyebabkan tidak lahir pemimpin-pemimpin Melayu yang bebas.

Ketiadaan golongan pedagang ini menyebabkan cara pemikiran politik Melayu tidak berubah secara radikal oleh kerana pemimpin-pemimpin Melayu yang ada cuma terdiri dari golongan yang rata-rata berpendidikan rendah. Kekurangan pelajaran tinggi menimbulkan rasa rendah diri (inferiority complex) di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu. Akibatnya mereka tidak dapat membuat rancangan-rancangan politik dan ekonomi yang berkesan untuk orang-orang Melayu di Pulau Pinang ini.

Kurang pendidikan juga menimbulkan unsur-unsur negatif lainnya. Misalnya ada pemimpin-pemimpin Melayu di sini yang amat takut untuk memberi peluang pada orang yang berpendidikan tinggi dalam sesuatu organisasi sebab takut mereka akan kehilangan kuasa. Anti-golongan cerdik pandai ini merugikan orang-orang Melayu sendiri, dan inilah yang terjadi di Pulau Pinang sekarang.

Bila berhadapan dengan pemimpin-pemimpin politik bukan Melayu yang kebanyakannya berpendidikan tinggi mereka jadi tenggelam punca dan tidak berjaya berhujah dengan baik untuk memperjuangkan kepentingan Melayu. Apa yang berlaku ialah kebanyakan mereka cuba menyalahkan orang lain tanpa membuat introspeksi ke dalam diri sendiri untuk menguji kepimpinan mereka.

Kurang pelajaran juga menyebabkan mereka mengekalkan cara politik kekampungan iaitu lebih banyak bergantung pada kepitahan berpidato untuk mempengaruhi orang ramai. Lebih dari itu setengah tokoh-tokoh politik ini bekerja keras untuk partai yang tentunya bagi menjaga kepentingan diri mereka juga.

Selain dari faktor-faktor di atas perlu juga kita meninjau berbagai tekanan jiwa yang dialami oleh golongan minoriti. Para

pemimpin Melayu dan juga masyarakat Melayu Pulau Pinang menyedari bahawa mereka adalah golongan minoriti. Sebagai golongan minoriti mereka berasa rendah diri, hampa dan putus-asa untuk bergerak secara dinamis bagi menjaga kepentingan Melayu.

Mereka sedar bahawa seorang Ketua Menteri dari bangsa Melayu tidak akan diperolehi dalam keadaan mereka sebagai minoriti. Tanpa seorang Ketua Menteri dari bangsa mereka sudah pasti segala rancangan yang mengutamakan faedah Melayu tidak akan tercapai. Ini terasa sekali di bawah perintah Dr. Lim Chong Eu, dari Partai Gerakan itu.

Apakah alternatif bagi orang Melayu untuk berkuasa semula di Pulau Pinang? Buat masa sekarang nampaknya peluang sedemikian tidak ada. Kemerosotan politik Melayu sejak Sultan Abdullah dari Kedah ditipu oleh Sir Francis Light menjadi semakin buruk sekarang setelah penduduk-penduduk Melayu menjadi kaum minoriti di sini. Trend politik di sini nampaknya sudah menjurus pada politik Singapura di mana kuasa politik ditentukan oleh bangsa yang majoriti, bangsa yang menguasai ekonomi dan yang mempunyai latarbelakang pendidikan yang lebih baik.

Keadaan Melayu menjadi semakin buruk bila terdapat pula perpecahan di kalangan pucuk pimpinan Melayu di pulau ini. Perpecahan ini tidak terlalu ketara kepada umum oleh sebab ia cuma berlaku dalam partai UMNO sahaja. Ada perebutan kuasa dalam UMNO Pulau Pinang antara orang-orang Melayu dengan golongan "jawi peranakan" atau lazim juga dipanggil golongan mamak.

UMNO Pulau Pinang boleh dikatakan dikontrol oleh golongan mamak dan juga golongan Arab. Beberapa bahagian tertentu nampak sekali penonjolan beberapa tokoh tersebut, dan mereka inilah yang dianggap menjadi 'juara' bagi kepentingan Melayu.

Malah golongan mamak ini lebih 'Melayu' dari orang Melayu sendiri dan merasakan 'perjuangan' untuk Melayu itu sebagai perjuangannya juga. Tapi apakah ini benar? Apakah mereka cuma memperalatkan politik untuk memperjuangkan kedudukan dan kepentingan mereka semata-mata?

Hal ini perlu kita tinjau dari percaturan politik Melayu Pulau Pinang sekali lagi. Seperti yang dinyatakan sebelum ini pucuk pimpinan politik Melayu menjadi lemah akibat kedudukan ekonomi dan pelajaran serta perasaan keasingan (alienation) dari arus kehidupan nilai kota yang mereka alami itu. Politik tradisional dari pemimpin-pemimpin Melayu tidak sesuai diamalkan dalam konteks politik kota yang sophisticated ini.

Dengan kata lain, terdapat kekosongan dalam kepimpinan Melayu oleh kerana pemimpin-pemimpin Melayu yang ada tidak dapat mengatasi kelemahan-kelemahan mereka seperti yang saya kemukakan di atas. Kekosongan ini diganti oleh golongan mamak dan Arab yang sudah biasa dengan nilai-nilai politik kota. Melalui manipulasi, nepotisma dan bersikap berpuak-puak mereka berjaya terus memegang pucuk pimpinan UMNO dari dulu hingga sekarang.

Golongan mamak dan Arab adalah terdiri dari orang kota dan mahir dengan politik kekotaan. Mereka juga sedar bahawa sebagai pejuang politik kaum minoriti mereka tidak dapat mengubah arah sejarah Pulau Pinang. Kekosongan pucuk pimpinan Melayu yang diisikan oleh mereka itu mereka gunakan sebaik mungkin untuk memperjuangkan kepentingan diri mereka ataupun puak mereka.

Bagi Melayu Pulau Pinang UMNOlah yang menjadi tumpuan mereka untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu yang kian merosot kedudukannya. Walaupun PAS juga menjadi partai politik Melayu namun sokongan terhadap PAS tidak begitu meluas. Ini disebabkan PAS baru saja menjadi partai komponen dalam Barisan Nasional.

Sebagai ahli-ahli UMNO mereka berasa kepentingan Melayu dapat diperjuangkan. Semangat UMNO yang berkobar-kobar itu juga melanda ke Pulau Pinang, dan mereka berharap pucuk pimpinan UMNO di Kuala Lumpur akan memberi perhatian istimewa terhadap nasib bangsa Melayu di sini.

Demikianlah dalam luapan semangat kebangsaan melalui UMNO orang Melayu Pulau Pinang cuma meminta gavernor Pulau Pinang biarlah orang Melayu. Akhirnya dari dahulu hingga sekarang orang Melayu Pulau Pinang mendapat gabenor Melayu.

Mengapakah mereka menuntut gavernor mesti dari orang Melayu? Ini ada hubungan dengan psikologi orang Melayu Pulau Pinang yang kehilangan sultan sejak Sultan Kedah ditipu oleh Francis Light. Dengan adanya gabenor Melayu mereka merasa lebih 'selamat' secara psikologi dan dengan demikian kepentingan Melayu dapat dipertahankan!

Sayang sekali pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang yang menuntut gavenor mestilah orang Melayu tidak menyedari hakikat perlembagaan negeri dan negara Malaysia (dulu Malaya) di mana ketua eksekutif negeri ialah Ketua Menteri atau Menteri Besar, dan di peringkat Pusat pula Perdana Menteri. Gabenor dan raja-raja Melayu cuma sebagai lambang sahaja dan tidak mempunyai kuasa untuk mncorak perjalanan pemerintahan negeri atau Negara.

Tuntutan yang emosional tanpa melihat pada kenyataan politik inilah yang merugikan orang Melayu Pulau Pinang. Kedudukan mereka tidak juga banyak berubah sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Sebenarnya tokoh-tokoh politik UMNO yang menjadi wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1964 dapat menjalankan dasar bagi menjaga kepentingan Melayu. Dalam pilihan raya tahun 1964 Perikatan mendapat 18 kerusi dan 10 darinya adalah kepunyaan UMNO. Trend politik di waktu itu menunjukkan bahawa UMNO memang berkuasa dalam percaturan politik Pulau Pinang, tetapi wakil-wakil rakyat dari UMNO gagal untuk memperjuangkan nasib orang-orang Melayu pada waktu itu.

Mengapa berlaku demikian? Kembali pada alasan-alasan yang saya kemukakan sebelum ini. Politik UMNO Pulau Pinang masih dimonopoli oleh tokoh-tokoh yang kurang matang dalam politik kota oleh kerana kebanyakan dari mereka tidak mempunyai pendidikan asas yang cukup meyakinkan untuk memperjuangkan cita-cita Melayu. Di samping itu kesempatan-kesempatan untuk memperkayakan diri dan keluarga semakin banyak. Atas nama Melayu ada antara mereka yang membolot lesen-lesen teksi dan lori, tanah-tanah dan lain-lain kemudahan lagi.

Kesempatan untuk memperjuangkan nasib Melayu di waktu itu telah disia-siakan oleh wakil-wakil rakyat Melayu oleh kerana mereka tidak menghayati masa depan bangsa mereka di pulau ini. Mereka melupai hakikat bahawa Melayu adalah minoriti di sini, dan dengan demikian ia tidak akan berjaya untuk terus menguasai politik negeri ini.

Banci penduduk untuk seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai ialah 775,440 dalam tahun 1970 yang terdiri 30.7% Melayu, 56.1% China dan 11.5% India. Bila dilihat pula banci penduduk bandaraya Tanjung sendiri pada tahun 1970 Melayu cuma 13.8% sahaja, China 71.6% dan India 13.3%. (Sumber: *1970 Population and Housing Census of Malaysia*, Community Group Table, XIV, hal. 32).

Dan sekiranya para wakil rakyat Melayu melihat statistik ahli-ahli caunselor Bandaraya George Town yang dipilih sejak tahun 1951–1963 mereka akan terkejut melihat muka-muka Melayu makin berkurangan dalam pentadbiran Bandaraya ini.

**BILANGAN COUNSELOR YANG DIPILIH UNTUK
BANDARAYA GEORGE TOWN DARI TAHUN 1951-63
MENURUT BANGSA**

<i>Tahun</i>	<i>China</i>	<i>Melayu</i>	<i>India</i>	<i>Lain-Lain</i>
1951	4	1	3	1
1952	3	2	3	1
1953	3	2	3	1
1954	2	4	2	1
1955	2	4	2	1
1956	6	4	5	1
1957	7	3	5	—
1958	7	4	3	1
1961	12	1	2	—
1963	10	3	2	—

(SUMBER: Alvin Rabushka, *Race and Politics in Urban Malaya*, Hoover Institute Press, Stanford University, California, 1973, hal. 79).

Melihat dari statistik di atas sahaja sudah cukup untuk meyakinkan kita bahawa Majlis Bandaraya George Town sudah dikuasai oleh orang-orang China. Alvin Rabushka, sarjana Amerika yang mengkaji politik dan bangsa di Malaysia, menulis demikian dalam bukunya: "Regardless of political party affiliation the dissolution of Penang City Council terminated a period of Chinese rule." (Rabushka, *ibid*, hal. 78).

Jelas bahawa orang Melayu tidak ada tempat lagi dalam politik Tanjung, dan sekiranya pemilihan umum diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat bagi mentadbirkan kotaraya George Town atau Tanjung sekarang ini tentulah tidak seorang pun calon Melayu akan menang! Tetapi oleh kerana Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan,* Pulau Pinang dilantik oleh Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri maka barulah terdapat beberapa muka Melayu sebagai anggotanya.

Apakah pemimpin-pemimpin Melayu Pulau Pinang tidak sedar keadaan mereka yang terbiar di bandar Tanjung ini? Memang mereka sedar tapi terkancing gigi untuk bertindak apa-apa. Segala tindakan dan pelaksanaan pentadbiran yang dijalankan oleh LPKT adalah dibuat oleh orang-orang lain yang majoriti dan sekiranya mereka tidak bijak dalam strategi politik besar kemungkinan pandangan-pandangan mereka tidak dihiraukan.

* Sekarang dikenali sebagai Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Sejak Merdeka hingga sekarang jumlah toko-toko besar kepunyaan Melayu di bandaraya Tanjung boleh dibilang dengan jari. Selain *Modern Fancy Store* berhadapan dengan panggung Capitol cuma ada sebuah lagi toko Melayu yang besar menjual kain batik dan lain-lain di Jalan Pinang yang sibuk itu. Memang terdapat toko-toko India Muslim sepanjang Jalan Pinang tetapi tidaklah dapat mereka itu mewakili bumiputra yang sebenar.

Kompleks Angkasa Perdana yang menelan belanja lebih dari \$200 juta yang sedang dibina di Jalan Pinang merupakan atraksi pelancungan dan juga bakal menjadi kompleks belibelah yang paling sibuk dan populer dalam sedikit masa lagi. Sebagai menyahut seruan kerajaan Pusat 30% akan diuntukkan kepada peniaga-peniaga bumiputra di situ.

Berapa banyakkah kaum bumiputra yang mau berniaga di situ? Apakah perniagaan yang dapat dijalankan oleh bumiputra di tempat yang begitu mahal sekali harga sesuatu ruangan kedai. Tidak ada ruang kedai yang kurang lebih 350 kaki persegi yang kurang dari 65 ribu ringgit! Bumiputra manakah yang sanggup mengorbankan wang begitu banyak untuk membeli ruang yang begitu kecil untuk berniaga? Tentulah tempat itu tidak sesuai untuk berniaga ice kacang atau mee goreng.

Bila mereka hendak berniaga secara besar-besaran modal menjadi satu masalah besar. Sungguhpun tempat itu strategik sekali namun belum tentu mereka dapat menyaingi peniaga-peniaga China yang sudah mahir dalam urusan perniagaan dan mempunyai hubungan yang baik dengan saluran-saluran lainnya.

Dan besar kemungkinan amat kurang sekali bumiputra yang akan membeli ruang-ruang kedai di situ kerana tidak mampu. Kalau begitu keadaannya bilakah dapat 30% itu diisi oleh peniaga-peniaga bumiputra? Kalau tidak cukup bumiputra untuk mengisi 30% quota itu apakah kerajaan Negeri akan menjualnya kepada peniaga-peniaga bukan bumiputra dengan alasan peluang sudah diberikan kepada bumiputra tapi tak ada bumiputra yang sanggup menerimanya?

Atau apakah UDA dan MARA akan menyelamatkan keadaan dan membeli petak-petak kedai itu untuk nanti diserahkan kepada peniaga bumiputra? Kita tidak tahu nasib masa depannya kerana keadaan di Pulau Pinang ini memberikan harapan nipis untuk kita mengenangkan nasib orang Melayu.

Ada juga ura-ura UDA akan mendirikan kompleks perniagaan

besar-besaran di Tanjung Tokong di mana terdapat masyarakat Melayu yang ramai. Komplek ini nanti akan menjadi tumpuan pelancungan juga, dan dapatlah peniaga-peniaga Melayu menjalankan usaha mereka sesuai dengan cita-cita kerajaan.

Sudah lama rancangan itu meniti di bibir orang-orang Melayu tapi hingga sekarang tidak ada suatu apa pun yang dibuat di tempat itu. Yang ada cuma sebuah restoran Melayu yang berhawa dingin, beberapa warung menjual mee jawa, sebuah kedai yang menyewa boat persiaran dan ratusan buah rumah Melayu yang berhadapan dengan laut.

Ada berita angin yang berkata bahawa kerajaan Negeri sengaja melengah-lengahkan projek UDA tersebut atas sesuatu sebab yang Dr. Lim Chong Eu sahaja yang tahu akan sebab-sebabnya.

Jadi nampaknya setiap projek yang dapat membantu bumiputra acapkali tidak dapat dijalankan secara memuaskan. Ada saja halangan yang wujud baik secara tersirat maupun yang tersurat.

Dalam keadaan yang menekan begini apakah harapan bagi kaum Melayu yang minoriti di pulauanya sendiri?

Penderitaan Melayu Pulau Pinang begitu payah dimengerti oleh tokoh-tokoh politik di Kuala Lumpur. Sebab itulah sejak zaman Tengku Abdul Rahman, zaman Tun Abdul Razak hingga sekarang suara-suara rayuan dari masyarakat Melayu Pulau Pinang tidak begitu diindahkan sangat.

Mungkin ada 'communication gap' barangkali antara Kuala Lumpur dengan Pulau Pinang.

BAB KELIMA

“COMMUNICATION GAP” ANTARA PULAU PINANG DAN KUALA LUMPUR

KALAU di bawah Ketua Menteri Wong Pau Nee kedudukan bumiputra tidak diperjuangkan sesungguhnya walaupun wakil rakyat dari UMNO lebih ramai dalam Dewan Undangan Negeri maka setelah Dr. Lim Chong Eu dari Gerakan menggantikan tempatnya sebagai Ketua Menteri keadaan bumiputra menjadi lebih sulit lagi.

Kedadaan ini lebih terasa sebab jumlah wakil rakyat dari UMNO menjadi berkurangan. Cuma sembilan sahaja dari UMNO yang terdiri dari orang-orang Melayu, dan lain-lainnya adalah dari DAP, MCA, MIC dan Gerakan. Sebenarnya nasib bumiputra boleh dibawa ke dalam mesyuarat dan diperdebatkan tetapi tidak ada pun seorang juara bumiputra dari wakil rakyat UMNO yang dapat dipertanggungjawabkan untuk membela bumiputra. Mengapa?

Dari wawancara dengan bekas wakil rakyat dan juga dengan beberapa orang tokoh UMNO yang aktif sekarang ini kita mendapat kesan bahawa pandangan mereka dianggap kurang bererti oleh pihak Kuala Lumpur. Menurut mereka terdapat semacam 'hot line' antara Chong Eu dengan Allahyarham Tun Razak di masa lampau yang mana menunjukkan hubungan yang paling erat sekali antara Perdana Menteri dengan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Hubungan yang terlalu erat antara Chung Eu-Tun Razak menyebabkan banyak pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang berasa kluatir untuk membawa masalah-masalah bumiputra ke pengetahuan

Tun. Mereka khawatir Tun mungkin tidak akan mempercayai segala sungutan mereka itu oleh sebab beliau mendapat 'briefing' selalu dari Ketua Menteri Pulau Pinang tentang pembangunan dan kemajuan negeri itu.

Di sini kelihatan dengan jelas politik tradisional orang-orang Melayu yang terlalu setia terhadap pucuk pimpinan mereka hingga tidak sanggup untuk menghadapi risiko dari tindakan mereka itu. Dengan kata lain, siapa saja yang mendekati pemimpin Melayu dan mendapat kepercayaan penuh dari pemimpin tersebut maka senanglah baginya untuk menjalankan apa-apa tindakan tanpa takut menghadapi reaksi dari pengikut-pengikut tokoh Melayu tersebut.

Sikap Melayu yang negatif ini disedari oleh Dr. Lim Chong Eu dan beliau menggunakan hubungan yang baik antara Pulau Pinang dan Kuala Lumpur di zaman Tun untuk merestui projek-projek pembangunan Pulau Pinang.

Salah satu projek yang dijalankan oleh kerajaan Negeri ialah membangunkan kawasan Bayan Lepas untuk dijadikan "Free Trade Zone" (Kawasan Perusahaan Bebas). Kawasan ini adalah perkampungan Melayu yang terdiri dari kaum tani, nelayan dan buruh kasar. Oleh sebab kerajaan mengambil kawasan ini maka terpaksa penduduk-penduduk bumiputra di situ (juga sedikit jumlah penduduk-penduduk bukan bumiputra) pindah dari kawasan itu dengan bekalan sedikit wang suguhati dari kerajaan untuk mendirikan rumah-rumah di tempat lain.

Kawasan Bayan Lepas inilah sekarang yang menampung ribuan jumlah gadis-gadis bumiputra dari berbagai negeri yang bekerja sebagai 'machine operator' dan lain-lain jawatan rendah dalam kilang-kilang elektronik kepunyaan asing di situ.

Semua kilang-kilang di sini mendapat taraf printis yang bermakna selama lima tahun tuan punya syarikat elektronik tidak perlu membayar apa-apa cukai pendapatan kepada kerajaan Pusat. Ini adalah satu tarikan istimewa dari kerajaan Pusat untuk mendapatkan modal asing.

Kesempatan ini digunakan dengan bijaknya oleh pemodal-pemodal kilang elektronik. Boleh dikatakan semua kilang elektronik

mengadakan kerja giliran tiap-tiap hari. Malah ada kilang yang mengadakan tiga giliran pekerja tiap-tiap hari. Ini bermakna kilang-kilang ini tidak berhenti-henti menghasilkan produknya selama 24 jam. Dan ini bermakna keuntungan yang diperolehi mereka bukanlah lima tahun tetapi 15 tahun kalau kita menilai 8 jam sebagai waktu kerja biasa pada setiap hari!

Inilah yang dibanggakan oleh Dr. Lim Chong Eu bahawa lebih dari 30% pekerja-pekerja kilang terdiri dari bumiputra, dan dengan demikian kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru seperti mana yang dicita-citakan oleh kerajaan Pusat. Tapi apa yang tidak dijelaskan beliau ialah berapakah jumlah tenaga eksekutif Melayu yang bekerja di situ, berapa pula tenaga teknikal, berapa jumlah penyelia yang terdiri dari bumiputra. Perincian begini tidak pernah diberikan oleh Dr. Lim kepada orang ramai.

Ada beberapa orang tenaga eksekutif Melayu yang kebanyakannya menjadi pegawai personel (pegawai kerja) yang bertugas untuk memilih pekerja-pekerja baru dan juga untuk membuang pekerja-pekerja kilang. Yang paling menarik kebanyakan kilang-kilang di Bayan Lepas mempunyai pegawai-pegawai kerja yang terdiri dari wanita Melayu untuk urusan ini. Apakah muslihat dari pemilihan tersebut cuma pihak pengurusan kilang sahaja yang maha mengetahui. Mungkin juga ini suatu helah untuk melepaskan tanggungjawab pemilihan pekerja mengikut ras kepada pegawai bumiputra sendiri, dan kalau pemilihan pekerja tidak mengikut syarat-syarat yang dikehendaki kerajaan Pusat maka pihak majikan boleh saja 'menyalahkan' pegawai-pegawai atau pengurus personel dari bumiputra tersebut!

Dengan terdapatnya jumlah pekerja kilang yang ramai dari wanita bumiputra timbul pula masalah sosial yang lain. Kebanyakan gadis-gadis kilang datang dari luar Pulau Pinang, dan mereka terpaksa berkongsi rumah dengan berbelas-belas kawan yang lain untuk menjimatkan belanja. Oleh kerana gaji mereka hitung panjang \$120.00 sahaja sebulan jadi mereka terpaksa hidup dalam suasana yang sungguh sedih.

Suasana kota turut pula mempengaruhi kehidupan kebanyakan gadis-gadis kampung ini, dan ada yang rosak moralnya akibat pergaulan

yang terlalu bebas. Akibatnya masyarakat Melayu memandang serung terhadap gadis-gadis kilang dan timbullah tokoh-tokoh 'moralis' untuk membasmi pekerjaan-pekerjaan maksiat dari setengah gadis kilang tersebut!

Sungguhpun pembelaan ini dianggap baik, namun dalam situasi bumiputra yang paling mendesak di Pulau Pinang sekarang ini, pembelaan itu dianggap sebagai satu pelarian dari sikap hidup mereka. Masalah moral sebilangan kecil dari gadis-gadis kilang adalah suatu perkembangan baru akibat kebanjiran pekerja-pekerja bergaji rendah dari kaum Hawa ke Pulau Pinang. Tetapi kedhaifan kaum bumiputra yang lama berkembang tidak pula diperjuangkan sehebat memperjuangkan moral gadis-gadis kilang.

Ini ada sebabnya. Memperjuangkan moral gadis-gadis kilang tidak menghadapkan tokoh-tokoh moralis dengan kerajaan Negeri. Mereka cuma membuat kenyataan-kenyataan akhbar atau mengadakan perjumpaan-perjumpaan tertentu untuk memberi nasihat kepada gadis-gadis tersebut agar mereka berkelakuan baik.

Malangnya pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik di Pulau Pinang tidak menyedari bahawa masalah yang dibawa oleh gadis-gadis bumiputra yang bekerja di kilang-kilang itu menambah lagi problem bumiputra di Pulau Pinang, misalnya dalam soal perumahan, peluang pekerjaan yang lebih baik, pengangkutan, dan kegiatan-kegiatan sosial dan kesihatan.

Keadaan perumahan untuk bumiputra memang sulit. Sungguhpun ada beberapa buah flat yang didirikan di Air Itam di mana kebanyakan penghuni-penghuninya terdiri dari bumiputra namun kekurangan tanah menyebabkan timbulnya kesulitan perumahan bagi bumiputra. Perumahan yang kurang teratur dan kurang baik ini dapat dilihat di kawasan Jelutong, Tanjung Tokong, Sungai Pinang, Batu Feringgi, Batu Uban, Kampung Melayu, Air Itam dan di Kampung Dodol serta Kampung Makam. Gobok-gobok buruk yang usang, bilik-bilik kecil di bawah rumah menjadi sewaan penghuni-penghuni miskin dari bumiputra.

Memang kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan

Pulau Pinang (4P) telah melancarkan pembinaan rumah murah yang tidak murah untuk semua kaum di Bayan Baru dan di Bagan Serai, Seberang Prai.

Tanah yang dibeli oleh kerajaan Negeri dari syarikat orang-orang Melayu Sungai Ara inilah digunakan oleh kerajaan Negeri untuk membina rumah-rumah yang tidak murah tersebut. Kawasan ini ialah kawasan orang Melayu. Mula-mula banyak penduduk-penduduk di kawasan itu yang bermimpi-mimpikan rumah batu yang berharga murah untuk kediaman mereka. Tapi mimpi tinggal mimpi. Rumah berderet tiga bilik yang paling murah berharga \$22 ribu lebih, dan kebanyakan orang Melayu tidak mampu untuk membayar wang muka sebanyak 10% apalagi kalau lebih dari itu. Akhirnya mereka terpaksa mencari kediaman lain jauh tersorok di tepi pantai ataupun di sekitar bukit yang berhampiran dengan Bayan Baru.

Apakah peruntukan 30% rumah-rumah kerajaan Negeri itu benar-benar menguntungkan bumiputra? Apakah benar jumlah bumiputra yang memperoleh rumah di Bayan Baru berjumlah 30% sahaja? Ini perlu disiasat lebih lanjut.

Dari strategi politik masa depan pengaruh UMNO atau PAS akan menjadi lebih merosot di kawasan pilihanraya Balik Pulau ini di mana Bayan Baru dan kampung-kampung sekitarnya adalah di bawah kawasan pilihanraya Balik Pulau. Hari ini Y. B. Encik Khalid Ahmad, anggota exco Negeri dan wakil rakyat untuk parlimen pula ialah En. Shamsuri. Kebanyakan pengundi-pengundi di kawasan ini masih terdiri dari bumiputra. Justru itu calon UMNO boleh menang.

Tapi dengan adanya pembangunan besar-besaran di daerah 'kawasan Melayu' ini terutama sekali pembangunan perumahan dari pemaju-pemaju swasta lebih banyak lagi orang-orang bukan bumiputra mendiami di kawasan ini. Akibatnya akan terjadi perebutan pengaruh antara berbagai partai politik bukan UMNO dan bukan PAS untuk memenangi hati pengundi-pengundi baru yang terdiri dari bukan bumiputra.

Sekiranya strategi politik yang dijalankan melalui pembangunan ini tidak dipandang berat oleh pemimpin-pemimpin politik UMNO

Negeri ataupun Pusat besar kemungkinan wakil rakyat kawasan ini akan jatuh ke tangan orang lain.

Strategi politik yang sama sudah pun dibuat di Singapura oleh kerajaan Lee Kuan Yew, dan kejayaan PAP itu sedikit sebanyak mempengaruhi juga setengah pihak di Pulau Pinang ini.

Apakah tokoh-tokoh politik UMNO dan PAS Negeri sedar bahaya 'pembangunan' seperti ini tidak dapat dipastikan? Nampaknya mereka masih belum mengambil suatu tindakan yang positif untuk menentang kemaraan penduduk-penduduk baru yang sudah diuntukkan 70% dari perumahan-perumahan baru di kawasan ini.

Anehnya mengapakah peruntukan 30% sahaja diberikan pada bumiputra walhal kawasan kemajuan ini dulunya didiami oleh bumiputra? Dengan kata lain, setiap kali kerajaan Negeri memajukan kawasan orang-orang Melayu bererti terpaksa penduduk-penduduk Melayu meninggalkan daerah itu, dan nanti 30% bumiputra yang berduit akan menggantikan bumiputra-bumiputra yang tak berduit untuk membeli rumah-rumah baru di kawasan yang dimajukan itu. Ini bererti jumlah penduduk bumiputra tidak bertambah sebaliknya semakin merosot.

Sepatutnya 70% dari semua perumahan dan lain-lain infrastruktur yang dibina di kawasan Melayu mestilah diuntukkan kepada bumiputra. Cuma 30% atau kurang dari itu diberikan pada kaum-kaum lain supaya tidak 'dislocate' struktur sosial masyarakat di kawasan Melayu itu.

Mungkin tokoh-tokoh UMNO dalam Dewan Undangan Negeri tidak berani menyuarakan hasrat ini sebab mereka semua terlalu kagum terhadap perancangan gergasi dari Dr. Lim Chong Eu. Lebih-lebih lagi hubungan yang erat antara Chong Eu dengan Tun Razak di zaman silam membuat mereka menjadi gubra untuk menentang setiap rancangan yang difikirkan merugikan Melayu.

Dengan kata lain, pemimpin-pemimpin politik Melayu Pulau Pinang juga ada kepentingan sendiri dan amat takut direbut oleh orang lain. Walaupun mereka terpaksa telan pil yang pahit melihat rancangan yang merugikan bumiputra, mereka masih tidak berani

bertindak. Sebabnya? Kebanyakan dari wakil-wakil rakyat dari UMNO itu bukan orang 'Professional' yang boleh hidup tanpa bernaung di bawah ketiak kerajaan. Cuma ada Khalid Ahmad, seorang peguam, dalam Dewan Undangan Negeri tapi beliau juga harus berhati-hati supaya tidak terjejas kepentingannya di Pulau Pinang.

Memanglah membuat kenyataan dalam akhbar menjadi satu hobi kebanyakan pemimpin-pemimpin politik UMNO di pulau ini. Paling sedikit orang lain akan membacanya, dan diharapkan ada sokongan datang dari Pusat.

Pihak Pusat tidak mahu masuk campur sebab mengingatkan 'perpaduan' dalam Barisan Nasional, dan adanya kepercayaan yang bulat terhadap kepimpinan Dr. Lim Chong Eu dari Tun Razak. Ada semacam 'segan dan silu' dari pihak Pusat untuk menegur Chong Eu. Akibatnya jeritan batin dari bumiputra hanya dibawa oleh angin feri Pulau Pinang saja.

Bila melihat tidak ada juga perubahan sikap dari kerajaan Negeri untuk membantu bumiputra dalam berbagai bidang timbul kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO untuk memajukan tanah wakaf di pulau ini. Sebuah syarikat bumiputra telah membina flat di kawasan perkuburan Kampung Dodol yang menimbulkan kekecohan sedikit waktu dulu.

Tapi tidak semua tanah wakaf boleh dimajukan kerana setengah dari tuan punya tanah yang mewakafkan tanah mereka meletakkan syarat-syarat tertentu kepada Pejabat Agama Negeri. Misalnya, ada yang hanya mensyaratkan tanah wakaf untuk dikutip hasilnya oleh cucu cicit sesuatu keluarga sahaja. Ada yang mewakafkan tanah untuk tujuan-tujuan lain dan bukan untuk membina rumah sewa.

Oleh itu tidak semua tanah wakaf boleh dimajukan. Memanglah tanah ini tidak boleh dijual kepada bangsa-bangsa lain tetapi sekiranya pihak Jabatan Agama Islam Negeri tidak berani melanggar wasiat yang diamanahkan kepadanya bagaimanakah kemajuan dapat dijalankan terhadap harta yang tidak boleh dibuat apa-apa itu? Ini satu masalah lagi.

Selain dari itu tanah wakaf di Pulau Pinang tidaklah terlalu luas hingga seluruh bumiputra boleh bergantung nasib padanya. Demi kepentingan bumiputra dan Islam setiap tanah wakaf ini perlu dimajukan menurut tuntutan zaman walaupun Pejabat Agama terpaksa melanggar wasiat yang dibuat oleh tuannya-tuannya tanah berpuluh-puluh tahun yang lalu. Zaman dulu mungkin pihak yang mewakafkan tanah-tanah mereka tidak terfikir yang anak cucu mereka akan hidup dalam keadaan yang sempit seperti sekarang. Justru itu dibuat syarat-syarat yang terlalu ketat seperti itu.

Tapi tidaklah boleh dilupakan bahawa bumiputra juga berhak untuk tinggal di kawasan tanah yang lain dari tanah wakaf. Sebab kedudukan ekonomi mereka sudah merosot, bertambah pula dengan cabaran hidup kota yang terlalu mementingkan kebendaan, orang Melayu terus tersepit. Akibatnya banyak yang terpaksa menjualkan tanah mereka kepada orang lain. Menurut berita dari kawan-kawan di Balik Pulau tanah kepunyaan Melayu tidak sampai pun 500 ekar hingga sekarang.

Kebanyakan rumah-rumah dan gubuk-gubuk bumiputra di kawasan Jelutong, Batu Feringgi, Batu Uban, Tanjung Bunga didirikan atas tanah bukan Melayu, dan terpaksa membayar sewa tapak rumah saban tahun sejak berbelas-belas tahun malah ada yang berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Misalnya bila kerajaan Negeri menggalakkan pembinaan hotel antarabangsa di kawasan Tanjung Bunga, Batu Feringgi dan juga di Teluk Bahang banyak rumah-rumah kecil kepunyaan bumiputra yang terdiri dari kaum nelayan miskin terpaksa dirobuhkan. Keadaan yang terdesak dan mata pencarian laut yang kian berkurangan menyebabkan terjadi perpindahan penduduk bumiputra di daerah tersebut ke Pahang dan lain-lain rancangan pembangunan kerajaan di Trengganu.

Anehnya dalam keadaan jumlah penduduk-penduduk bumiputra yang kian meleset di Pulau Pinang digalakkan pula penhijrahan keluarga yang beratus orang ramainya dari pulau mutiara ke Pahang dan Trengganu.

Malah kini terdapat sebuah rumah Melayu di tengah-tengah hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa iaitu Rasa Sayang dan Palm Beach Hotel kerana tuannya tanah tersebut masih mahu memper tahankan hartanya yang sedikit itu tanpa mahu menyerahkan kepada pemodal-pemodal asing dan tempatan yang sudah pun membeli ratusan ekar tanah-tanah kepunyaan bumiputra. Setakat manakah

tuanpunya tanah itu dapat mempertahankan hartanya hanya Allah dan dia saja yang mengetahui. Sekiranya tawaran yang diberikan lebih dari yang dijangkanya besar kemungkinan tapak rumahnya juga mungkin bertukar tangan dengan kapitalis.

Atas nama pembangunan dan atas nama keharuman Penang sebagai pulau pelancungan banyak tanah-tanah kepunyaan bumiputra yang bertukar milik. Setengahnya sengaja menjualkan harta mereka bila mendapat tawaran yang menggelapkan mata sendiri. Dan ada juga yang dipaksa menjual tanah mereka secara tak disedari bilamana projek kerajaan atau swasta yang berdekatan telah mengganggu kestabilan hidup mereka.

Ini terjadi di daerah Batu Maung di mana terdapat banyak rumah-rumah bumiputra yang meliputi daerah Jalan Damar Laut dan Batu Maung sendiri. Kerajaan Negeri telah merancangkan bahawa kawasan ini dan juga kawasan Balik Pulau akan dijadikan tempat pembiakan babi. Oleh itu banyak tempat dalam kedua kawasan ini yang sudah pun menjadi tempat pembiakan babi tersebut. Ada yang tidak tahan kerana bau babi maka mereka menjual tanah mereka dan membuat kediaman di tempat lain. Sekiranya penternak-penternak babi terus digalakkan untuk menternak babi di kawasan Melayu besar kemungkinan banyak lagi kaum bumiputra yang akan berhijrah ke tempat lain. Sekiranya ada protes yang menentang projek kerajaan Negeri itu protes itu nampaknya tidak dihiraukan langsung.

Dalam perlembagaan Negeri Pulau Pinang tidak tercatat fasal 'tanah resab Melayu' seperti yang terdapat dalam perlembagaan negeri-negeri Melayu. Oleh sebab soal tanah adalah hak kerajaan Negeri maka dapatlah dibuat apa saja oleh kerajaan Dr. Lim Chong Eu untuk kepentingan pulau ini.

Seperti yang dinyatakan dalam bab sebelum ini ketiadaan fasal 'tanah resab Melayu' dalam perlembagaan Pulau Pinang sengaja dibuat oleh kerajaan kolonial untuk menjaga kepentingan kaum pedagang dan politik penjajahan Inggeris di pulau itu. Sejak zaman kolonial hingga ke zaman kemendekaan di mana wakil-wakil UMNO merupakan majoriti dalam Dewan Undangan Negeri soal pindaan perlembagaan Pulau Pinang untuk memasukkan fasal 'tanah resab Melayu' tidak pernah dibangkitkan. Akibatnya tidak ada suatu kuasa pun di luar kerajaan Pulau Pinang dan Allah yang dapat memaksa kerajaan Negeri untuk mengubah dasar lama ini.

Masalah tanah ini mungkin tidak disedari oleh pemimpin-

pemimpin UMNO di Kuala Lumpur. Mereka lebih membuka mata terhadap masalah-masalah di negeri-negeri lain dan membiarkan Pulau Pinang diselesaikan oleh Dr. Lim Chong Eu sendiri. Demi menjaga perpaduan Barisan Nasional adalah baik dan kena pada tempatnya untuk memberikan sepenuh kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin politik lain dalam komponen Barisan Nasional.

Adalah penting bagi kerajaan Pusat untuk turut campur dalam soal orang-orang Melayu Pulau Pinang. Tanpa campurtangan dari Pusat akan membawa kesulitan yang lebih parah lagi pada bumiputra.

Apakah akan terjadi pada sedikit tanah kepunyaan Melayu yang masih dipegang oleh orang-orang Melayu itu? Besar kemungkinan ada lagi yang mau menjualkan harta mereka oleh kerana diumpam dengan harga yang tinggi. Kalau penjualan tanah tidak dikawal dari sekarang besar kemungkinan orang-orang Melayu akan menjadi manusia penyewa tapak rumah di pulau ini selama-lamanya.

Untuk mencegah penjualan tanah kepunyaan Melayu adalah baik kalau MARA dan UDA membeli harta-harta kepunyaan Melayu yang hendak dijual itu menurut harga pasaran sekarang. Dengan demikian dapatlah menyelamatkan harta-harta Melayu.

Atau dengan perintah Menteri Tanah dan Galian kerajaan Pusat menjalankan satu dasar untuk membekukan tanah-tanah kepunyaan Melayu di Pulau Pinang supaya tidak boleh dijual kepada orang-orang lain selain dari orang-orang Melayu. Setiap tanah yang telah digadai kepada ceti atau orang-orang tertentu hendaklah ditebus oleh kerajaan. Kerajaan memegang dulu 'grant' tanah yang tergadai itu sehingga tuanpunya tanah dapat membayar semula hutangnya. Atau boleh juga dengan jalan dibayar secara ansuran supaya langsi hutangnya.

Nampaknya rancangan pembelian tanah-tanah bumiputra ini bukan saja berlaku di Pulau Pinang tetapi juga dilaksanakan juga di Seberang Prai. Kini banyak tanah-tanah Melayu di kawasan Bukit Mertajam, Sungai Bakap, Nibung Tebal, Permatang Pauh dan sebagainya sudah bertukar milik. Sekiranya tidak ada pengawasan yang teliti keadaan yang parah seperti di pulau mutiara juga akan berlaku di Seberang Prai.

Para pemimpin UMNO dan PAS terutama sekali perlu mengkaji strategi politik dari pemimpin Gerakan, Dr. Lim Chong Eu, yang bercita-cita untuk membangunkan ekonomi wilayah. Nampaknya Menteri Besar Perlis dan Kedah sudah tertarik dengan idea tersebut.

Menurut Dr. Lim Chong Eu negeri-negeri yang berjiran dengan

Pulau Pinang perlu bekerjasama untuk membangunkan wilayah industri di beberapa tempat yang sesuai untuk memberi keuntungan kepada semua negeri-negeri yang berjiran. Oleh itu disyorkan pengelompokan kilang-kilang dan industri yang berbagai-bagai di kawasan Kulim, Perak Utara, dan juga di Perlis supaya dapat dimenfaatkan sumber-sumber alam, tenaga manusia dari negeri-negeri jiran.

Rancangan ini memang baik, tapi ada bahayanya kalau tidak dikaji dari segi politik Melayu jangka panjang. Pembangunan ekonomi yang terlalu cepat selalunya mengakibatkan penglibatan sesuatu kaum tertentu. Mobiliti masyarakat memperlihatkan penyerbuan suatu kaum tertentu untuk mencari kepentingan dari industri-industri yang wujud di sesuatu tempat. Selalunya Melayu yang terpaksa meninggalkan kawasan-kawasan yang dimajukan kerana tidak 'tahan' dengan umpanan wang yang banyak untuk menjual tanah mereka yang berhampiran dengan kawasan industri.


Bila ada pembangunan industri yang besar di satu kawasan maka akan dibina perumahan pula di situ. Acapkali Melayu tidak berupaya hendak membeli rumah-rumah batu yang mahal itu. Lari lagi ke tempat lain, dan 30% pembeli-pembeli Melayu terdiri dari orang yang berada, dan selalunya bukan Melayu anak tempatan yang membelinya. Orang-orang lain yang akan memenuhi quota 70% itu malah kalau tidak dikawal boleh menguasai lebih dari quota tersebut. Melihat dari strategi politik jangka panjang tentulah kekuatan politik bumiputra akan lemah sebab pusat-pusat konsentrasi orang-orang Melayu sudah berpecah-pecah akibat industrilisasi tersebut.

Lee Kuan Yew menjalankan polisi ini di Singapura. Ia memecahkan pusat-pusat perkampungan Melayu dengan membina flat-flat yang tinggi, dan menempatkan orang-orangnya di tengah-tengah masyarakat Melayu. Oleh sebab kekuatan Melayu sudah berpecah-pecah maka dengan mudah PAP menguasai politik Singapura melalui wakil-wakil rakyatnya yang berjaya dalam pilihanraya umum. Ini tidak mustahil berlaku di Pulau Pinang, Seberang Prai dan juga di negeri-negeri Melayu lainnya kalau para pemimpin UMNO dan PAS masih khayal lagi dengan kuasa yang ada di tangan mereka.


Di zaman Tengku Abdul Rahman dan Tun Razak penderitaan orang Melayu Pulau Pinang tidak difikirkan sebagai masalah-masalah besar. Walaupun kedudukan bumiputra sudah buruk sejak merdeka lagi namun tidak ada usaha-usaha yang berkesan dari Tengku ataupun Tun Razak untuk mengatasi kesulitan orang-orang Melayu di situ.

Hubungan antara Ketua Menteri dan Perdana Menteri Tun Razak yang begitu erat menyebabkan Tun Razak tidak mendapat gambaran yang betul tentang keadaan Melayu Pulau Pinang. Tokoh-tokoh politik UMNO amat susah hendak meluahkan perasaan mereka kepada Tun kerana sudah terdapat 'communication gap' antara pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang dengan Tun sendiri. Hanya orang yang paling rapat dengan Tun yang dapat memberikan laporan pembangunan dan kemajuan menurut pandangannya.

Boleh dikatakan pemimpin-pemimpin Melayu Pulau Pinang berasa kecewa kerana penderitaan mereka tidak dapat dibela atau sengaja dilupakan oleh tokoh-tokoh Kuala Lumpur. Ada semacam anak tiri dirasakan oleh mereka, dan perasaan anak tiri ini terus menekan jiwa mereka hinggalah sekarang.



Sebuah rumah Melayu yang tersepit antara Hotel Rasa Sayang dan Hotel Palm Beach. Apakah tuar tanah ini dapat mengekalkan tanahnya hingga kiamat?



Rumah Melayu di Tanjung Tokong dekat dengan Gurney Drive. Bandingkan dengan latarbelakang Pencakar langit yang sedang dibina di daerah itu.

Perumahan di Bayan Baru anjuran kerajaan Pulau Pinang.



Di belakang rumah ini terdapat kawasan pembiakan babi di Batu Maung yang dirancangkan oleh kerajaan negeri dalam kawasan orang Melayu.





Perluasan lapangan terbang di Bayan Baru yang menyebabkan perpindahan penduduk-penduduk berhampiran dengannya.



Pusat pembiakan babi kerajaan di Bukit Tengah, Seberang Prai.





- 1 *Rumah orang Melayu di Kampung Makam di tengah-tengah bandaraya Tanjung.*
- 2 *Gadis-gadis kilang kebanyakannya Melayu yang hidup di tengah kemewahan dan kemiskinan di Bayan Lepas, Pulau Pinang.*
- 3 *Rumah pangsapuri kepunyaan Melayu di atas tanah wakaf di Jalan Perak.*
- 4 *Kampung nelayan Melayu di Juru, Seberang Prai.*





Kampung Melayu yang baru di tepi laut dekat Batu Maung setelah tanah mereka diambil oleh kerajaan negeri untuk rancangan perluasan landasan kapal terbang di Bayan Lepas.



Sebahagian dari gerai makanan bumiputra di Jalan Perangin, Pulau Pinang.

BAB KEENAM

PSIKOLOGI GOLONGAN MINORITI DAN SIKAP KEPIMPINAN POLITIK

MENURUT perangkaan penduduk tahun 1957 jumlah bumiputra di Tanjung (George Town) hanya 11.39% dari penduduk Tanjung yang seramai 234,903 orang. Jumlah penduduk seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai pada tahun yang sama (1957) ialah 572,100 orang, dan penduduk-penduduk bumiputra hanya berjumlah 165,092 iaitu 28.86%. Ini 20 tahun yang lalu. Sudah pasti jumlah ini akan lebih merosot lagi sebab masalah-masalah yang dihadapi oleh bumiputra adalah lebih rumit dan sirius dari tahun 1957.

Adalah baik sekiranya kita bandingkan jumlah penduduk Pulau Pinang dengan jumlah penduduk Pulau Singapura kerana dalam soal dilemma bumiputra di kedua pulau tersebut ada ciri-ciri persamaannya.

Dari angka-angka di sebelah jelas menunjukkan bahawa jumlah Melayu Singapura dalam tahun 1957 hanya berjumlah 197,060 (13.6%) dan jumlah penduduk-penduduk China ialah 1,090,595 (75.4%). Trend kemerosotan penduduk-penduduk Melayu bagi kedua pulau terus berlaku dan sudah pasti jumlah peratusnya lebih kurang dari yang tercatat di atas.

Ada dua tindakan yang lazim dilakukan oleh golongan minoriti dalam sesebuah negara. Tindakan yang pasif berupa menerima nasib yang buruk dan cuba seboleh-bolehnya menyesuaikan diri dengan keadaan yang ada seperti Melayu Singapura. Atau, menentang sistem nilai golongan majoriti seperti yang dilakukan oleh bangsa Negro di Amerika.

JUMLAH PENDUDUK SINGAPURA MENURUT BANGSA, 1824-1970

PERATUSNYA

Tahun	Jumlah-Bears	China	Melayu	India/Pakistan	Lain-Lain	Jumlah %	China %	Melayu %	India Lain-Lain %
1824	10,683	3,317	6,431	756	179	100.00	31.0	60.2	7.1
1830	16,634	6,555	7,640	1,913	526	100.00	39.4	45.3	11.5
1836	29,984	13,749	12,538	2,932	765	100.00	45.9	41.7	9.9
1840	35,389	17,704	13,200	3,375	1,110	100.00	50.0	37.3	9.5
1849	52,891	27,988	17,039	6,284	1,580	100.00	52.9	32.2	11.9
1860	81,734	50,043	16,202	12,973	2,515	100.00	61.2	19.8	15.9
1871	94,816	54,572	26,141	10,313	3,790	100.00	56.8	27.1	11.9
1881	137,722	86,766	33,012	12,086	5,858	100.00	63.0	24.0	8.8
1891	181,602	121,908	35,958	16,009	7,727	100.00	67.1	19.7	8.8
1901	226,842	164,041	35,986	17,047	9,768	100.00	72.1	15.8	7.8
1911	303,321	219,577	41,806	27,755	14,183	100.00	72.4	13.8	9.2
1921	418,358	315,151	53,595	32,314	17,298	100.00	75.3	12.8	7.7
1931	557,745	418,640	65,014	50,811	23,280	100.00	75.1	11.7	9.1
1947	938,144	729,473	113,803	68,967	25,901	100.00	77.8	12.1	7.4
1957	1,445,929	1,090,595	197,060	124,084	34,190	100.00	75.4	13.6	8.6
1966	1,929,773	1,519,225	233,997	128,250	48,261	100.00	78.7	12.1	6.6
1970	2,074,507	1,579,866	311,379	145,169	38,093	100.00	75.5	15.0	7.0

(SUMBER: Ismail Kassim, *Problems of Elite Cohesion a Perspective from a Minority Community*. Singapore University Press, 1974, hal. 14).

Masyarakat Melayu Pulau Pinang nampaknya mengambil sikap pertama tadi – “if you cannot fight them, join them”. Pemimpin-pemimpin politik bumiputra nampaknya 'terpaksa' menerima hakikat bahawa mereka adalah golongan minoriti. Oleh itu terdapat semacam kehampaan dan putus-asa dalam sikap berjuang maupun sikap kebudayaan.

Penyesuaian yang diterima oleh pemimpin-pemimpin bumiputra bermacam-macam. Mereka bekerjasama untuk menjalankan projek-projek kerajaan, dan walaupun dilantik dalam berbagai komiti, mereka selalunya merupakan suara minoriti. Beberapa orang tokoh-tokoh UMNO dilantik oleh kerajaan Negeri untuk menjadi ahli dalam berbagai komiti tapi nampaknya tidak ada suatu gagasan fikiran yang baik dari mereka untuk memperjuangkan hak kepentingan bumiputra.

Akibat kehampaan dalam hidup inilah yang menimbulkan rasa pesimisma seluruh masyarakat. Timbul pula kultus pribadi yang keterlaluan terhadap Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu yang disebarkan oleh setengah pegawai-pegawai pentadbir Melayu yang mengenali Dr. Lim Chong Eu. Dr. Lim Chong Eu dikatakan sebagai seorang ahli politik yang pintar, bijaksana, dan brilian. Beliau kuat bekerja dan sungguh-sungguh berbakti terhadap kepentingan masyarakat Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Kultus pribadi yang begini rupa mempengaruhi jiwa pemimpin-pemimpin Melayu yang minoriti itu. Malah ada juga pemimpin-pemimpin UMNO yang mengakui kebijaksanaan strategi politik Dr. Lim Chong Eu. Ini satu penghormatan yang tidak diminta oleh Dr. Lim Chong Eu, dan dari segi strategi politiknya, memperkukuhkan lagi 'credibility' Ketua Menteri tersebut. Metos yang dibina itu menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dalam Dewan Undangan Negeri tidak berani menentang setiap gagasan idea darinya.

Sayang sekali tokoh-tokoh politik Melayu tidak cuba menilai semula strategi politik mereka untuk memperkukuhkan organisasi partai. Dari perbincangan saya dengan beberapa orang tokoh UMNO saya dapati bahawa UMNO Pulau Pinang tidak mempunyai 'think tank' yang terdiri dari cerdik pandai Melayu dalam berbagai bidang seperti bidang pelajaran, ekonomi, sosial, politik, perumahan dan sebagainya untuk menasihati dan merancang strategi politik untuk membela kaum bumiputra. Malah ada ketua bahagian UMNO yang tidak faham apa itu 'think tank'.

Mereka mungkin tidak menyedari bahawa Dr. Lim Chong Eu

sendiri tidak dapat hendak merancangkan segala projek untuk kepentingan Pulau Pinang sekiranya ia tidak punya suatu kumpulan penasihat yang pakar dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Saya dapat tahu ada beberapa orang pensyarah bukan Melayu dari USM yang menjadi penasihat Dr. Lim Chong Eu dan Gerakan.

Malangnya tokoh-tokoh UMNO Pulau Pinang amat takut sekali untuk menerima fikiran-fikiran dari cendekiawan Melayu. Mereka takut golongan cerdik-pandai itu akan mengatasi mereka dan mempengaruhi parti dengan idea-idea mereka itu. Mereka takut kedudukan mereka sebagai ketua bahagian, atau ahli-ahli yang berhormat terlepas ke tangan cerdik-pandai tersebut. Oleh itu UMNO Pulau Pinang terus dimonopoli oleh golongan-golongan tertentu sahaja sejak merdeka hingga sekarang.

Oleh kerana pemimpin-pemimpin sekarang kebanyakannya terdiri dari tokoh-tokoh politik professional yang kurang ilmu pengetahuan serta kurang strategi dalam perjuangan dan perancangan maka UMNO menjadi lemah dan tidak dapat memberi fikiran-fikiran yang alternatif kepada kerajaan Negeri. Sekiranya tokoh-tokoh ini terus menguasai UMNO besar kemungkinan akan hilang kepercayaan bumiputra terhadap UMNO. Ini akan memburukkan lagi keadaan bumiputra di pulau ini.

Sungguhpun ada pensyarah-pensyarah bumiputra di USM yang dapat memberikan fikiran-fikiran untuk dibawa ke tengah namun sumbangan dari mereka tidak pernah diminta. Malah ada pensyarah-pensyarah tertentu yang berusaha untuk berbincang dengan beberapa orang tokoh UMNO untuk membawa idea-idea tertentu dalam parti. Bagaimanapun sambutan dari UMNO pada umumnya sangat dingin sekali.

Mungkin juga timbul rasa was-was di kalangan pemimpin UMNO Pulau Pinang terhadap setengah pensyarah bumiputra di USM untuk membantu perjuangan bumiputra memikirkan USM sendiri ada masalah-masalahnya yang besar. Mungkin mereka mengidentifikasikan USM dengan seorang tokoh bumiputra tertentu dan membuat kesimpulan dari sikap negatif tokoh tersebut.

Terdapat juga cerita bahawa pemimpin-pemimpin UMNO Seberang Perai dan Pulau Pinang kurang sepakat dalam banyak hal. Mungkin tokoh-tokoh UMNO Seberang Prai tidak menganggap masalah bumiputra pulau mutiara sebagai sebahagian dari masalah mereka. Sebenarnya Seberang Prai juga agak membimbangkan kerana sudah ada usaha-usaha yang agresif untuk membangunkan kawasan-kawasan

Melayu. Sudah banyak tanah-tanah kepunyaan bumiputra yang bertukar tangan. Misalnya kawasan Bukit Mertajam, Sungai Bakap, Butterworth dan Nibong Tebal sudah bertukar wajah dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Tidak sepakat antara tokoh-tokoh UMNO Pulau Pinang dan Seberang Prai dalam banyak hal melemahkan lagi strategi perjuangan bumiputra. Tidak sepakat ini adalah akibat dari soal kepimpinan di Pulau Pinang itu yang dikatakan dimonopoli oleh golongan mama < dan 'syed' kurang dari keturunan Melayu 'jati'. Ada saingan yang hebat antara tokoh-tokoh Seberang Prai dengan Pulau Pinang untuk menjadi Ketua Perhubungan UMNO bagi seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Dulu Syed Hassan Aidid menjadi Ketua Perhubungan dan menerima kecaman yang pedas dari ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain sebab tidak dapat menyelesaikan krisis dalam UMNO dan tidak dapat menjadi pemimpin Melayu yang memperjuangkan kepentingan Melayu. Lalu ia diganti dengan Datuk Haji Ahmad Badawi, seorang tokoh UMNO veteran dan anggota exco Negeri. Tapi Ahmad Badawi pun tidak boleh berbuat apa-apa. Masalah Melayu tinggal masalah juga.

Sebenarnya tokoh-tokoh UMNO lebih banyak cakap dari bekerja secara serius. Sungguhpun mereka membincangkan masalah-masalah Melayu dalam mesyuarat di sana sini namun tindakan tegas yang konkrit tidak ada. Untuk menunjukkan mereka aktif terbitlah kenyataan akhbar tentang berbagai hal seolah-olah mereka memperjuangkan nasib bumiputra. Ada kenyataan akhbar yang menyesali pengusiran nelayan-nelayan bumiputra di Batu Feringgi dan Teluk Bahang. Ada kenyataan akhbar tentang desakan kepada Dr. Lim Chong Eu agar Timbalan Ketua Menteri dilantik, dan orangnya mestilah dari UMNO. Ada kenyataan akhbar yang mengecam pembinaan hotel-hotel mewah di Teluk Bahang yang mengancam perkampungan nelayan bumiputra.

Tapi kenyataan akhbar tinggal kenyataan sahaja. Timbullah nama beberapa orang tokoh UMNO dalam akhbar selalu, tapi 'follow up'nya tidak ada. Masalah Melayu Pulau Pinang tidak boleh diselesaikan melalui kenyataan akhbar. Mesti ada sesuatu rancangan yang kongkrit untuk dibentangkan kepada kerajaan Negeri dan juga Pusat supaya dapat dipertimbangkan dengan baik. Inilah yang kurang diperhatikan oleh tokoh-tokoh UMNO.

Bagaimanapun setakat ini orang Melayu Pulau Pinang sedikit baik dari Melayu Singapura oleh kerana mereka masih dapat merayu

pada tokoh-tokoh yang lebih besar di Kuala Lumpur. Melayu Singapura tidak ada 'bapa angkat' yang dapat memperjuangkan nasib mereka kalau mereka sendiri tidak memperjuangkannya. Beberapa orang menteri Pusat yang selalu datang ke Pulau Pinang membuat berbagai janji untuk membantu mereka. Kebanyakan janji-janji itu cukup sedap didengar tapi hasilnya hingga sekarang masih belum ada lagi.

Akhirnya, setelah masalah Melayu hangat dihebohkan dalam akhbar, barulah ada sedikit 'kemajuan'. Encik Ghaffar Baba, sewaktu masih menjadi Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, telah mewujudkan satu komiti yang dinamakan Jawatankuasa Petugas untuk meninjau secara mendalam masalah-masalah orang Melayu di pulau mutiara tersebut.

Apakah cadangan-cadangan yang bergeliga untuk membantu bumiputra dari Jawatankuasa ini masih belum diumumkan pada orang-ramai. Oleh sebab Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dan mempunyai mandat hanya untuk membuat syor, maka kita belum tau apakah syor-syor mereka itu dipakai semuanya atau ditolak sebahagian besar darinya.

Dari kalangan UMNO nampaknya mereka mendesak supaya ada 'tanah reserve Melayu' seperti yang terdapat di negeri-negeri Melayu lainnya. Ini bererti mengubah Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Apakah wakil-wakil rakyat dari rakan-rakan UMNO akan membuat perubahan? Entahlah. Tanyalah Dr. Lim Chong Eu sendiri.

Ada juga desakan supaya Pusat menguntukkan modal sebanyak \$100 atau \$200 juta untuk membantu Melayu Pulau Pinang supaya mereka dapat bangun semula. Desakan ini menunjukkan bahawa pihak UMNO Negeri tidak mempunyai 'kepercayaan' kepada Dr. Lim Chong Eu untuk membantu bumiputra lagi. Juga orang mendapat kesan bahawa Chong Eu hanya menjaga kepentingan golongan-golongan lain dan bukan untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru kerajaan Pusat itu.

Bagaimanakah wang ini akan dibelanjakan untuk membantu Melayu tidak pula disebutkan. Apakah kerajaan Pusat sanggup menguntukkan wang sebanyak itu tidak pula ada berita selanjutnya. Desakan tinggal pada desakan dan Melayu Pulau Pinang terus merintih dan terus bermain boria lagi.

Demikianlah dalam frustrasi yang mendalam ini seorang tokoh UMNO telah mengemukakan idea yang sungguh tidak bergeliga. Saya

bertanya beliau bagaimanakah caranya untuk menambahkan jumlah penduduk bumiputra di Pulau Pinang. Beliau dengan mudah berkata "Senang saja. Kita nikahkan gadis-gadis kilang yang banyak itu dengan pemuda-pemuda tempatan. Dengan demikian jumlah bumiputra akan meningkat."

Jawaban ini tentulah tidak bergeliga sebab tokoh UMNO itu tidak memikirkan akibat penyakit sosial yang akan menjelma kelak. Bagaimanakah hendak mencari pekerjaan bagi penganggur-penganggur yang banyak di kalangan bumiputra itu tidak pula ia fikirkan. Juga tidak pula difikirkan apakah begitu mudah sekali menyelesaikan masalah bumiputra dengan cara perkahwinan.

Dan lagi bagaimana pula dengan masalah perumahan untuk keluarga-keluarga yang baru menikah itu sekiranya teorinya dapat dilaksanakan? Apakah mereka akan diberi tempat untuk membina kehidupan baru di atas tanah kepunyaan syarikat-syarikat bumiputra yang selalu ribut-ribut itu? Entahlah.

Jadi nampak sekali kebanyakan tokoh UMNO sudah linglung fikiran mereka. Tidak tahu lagi bagaimana cara yang paling berkesan untuk mengatasi kesulitan kaum mereka di sini. Nampaknya mereka semacam menyerah saja pada nasib — satu sikap pesimistis yang amat sangat.

Bila Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah, menarik balik quota simen sebanyak enam ribu tan kepada 4P (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) kerana tidak memberi kemudahan kepada bumiputra secara memuaskan melonjak kembali semangat bumiputra di Pulau Pinang. Kita belum tahu apakah benar Hamzah Abu Samah menarik balik quota simen itu atau cuma buat kenyataan akhbar sahaja untuk menyedapkan orang-orang Melayu. Yang kita lihat bangunan raksaksa Angkasa Perdana yang menelan lebih dari \$200 juta itu terus berjalan. Kalau ada pun bumiputra yang berniaga di Angkasa Perdana itu tentulah yang berkongsi cara Ali-Baba, Ali-Muthu dan Ali-John.

Anehnya Tengku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia, pun pernah menyuarakan kebimbangannya melihat keadaan bumiputra yang daif itu. Mengapa sekarang baru sedar? Mengapa Tengku tidak fikirkan soal bumiputra Pulau Pinang sejak tahun 1957 dulu lagi sewaktu Tengku menjadi Perdana Menteri? Tidak munasabah kalau menganggap Tengku tidak tahu tentang keadaan bumiputra pada masa Tengku jadi Perdana Menteri dulu. Tengku juga dianggap telah

"mengorbankan orang Melayu Singapura untuk menyelesaikan politik dalam rumahtangganya" sewaktu menyingkirkan Singapura dari Malaysia. Demikian kata Ismail Kassim dalam bukunya *Problems of Elite Cohesion* (h. 39) yang membicarakan masalah minoriti Melayu di Singapura.

Memang benar bahawa jurang ekonomi yang meluas antara kaum China dan bumiputra di Singapura ataupun di Pulau Pinang menyebabkan timbulnya 'minority complex' di kalangan bumiputra. Peluang perniagaan, peluang pekerjaan, peluang perumahan murah, kehidupan sosial yang baik semuanya dapat menentukan sikap politik 'minority complex' itu.

Kita tidak ada perangkaan tentang jawatan-jawatan penting di Pulau Pinang yang dipegang oleh bumiputra. Berapa banyak jawatan dalam Division Satu yang dipegang oleh bumiputra. Kita tau banyak pegawai-pegawai Division Satu adalah pegawai-pegawai Pusat yang ditempatkan dalam jabatan-jabatan tertentu yang di bawah kerajaan Pusat. Tapi bagaimana dengan jabatan-jabatan kerajaan Negeri, misalnya dalam Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pejabat Tanah dan sebagainya? Satu kajian yang teliti tentang kedudukan para pegawai bumiputra dalam jabatan-jabatan kerajaan Negeri perlu dibuat sekarang dan dibandingkan dengan jumlah pegawai-pegawai bumiputra pada tahun-tahun sebelum lahirnya Barisan Nasional.

Apa yang kita tahu ialah Ketua Menteri mempunyai kuasa untuk menolak seseorang pegawai Federal yang berjawatan tinggi sekiranya ia ingin berbuat demikian. Sekiranya Ketua Menteri suka pada seseorang pegawai tinggi maka bolehlah ia tinggal lebih lama lagi di Tanjung. Kalau tidak terpaksa ia ditukarkan dari Tanjung tidak sampai pun dua tahun. Tentulah Ketua Menteri akan melanjutkan perkhidmatan seseorang pegawai tinggi yang sealign dengan cara berfikirnya. Dan dalam pemilihan pegawai-pegawai tinggi yang penting untuk Pulau Pinang tentulah Ketua Menteri boleh memilih sendiri siapa-siapa yang dia suka seperti mana yang ia lakukan untuk menjadi Pemangku Ketua Menteri sewaktu ia keluar negeri berubat ataupun kerana tujuan-tujuan lawatan.

Nampaknya keadaan Melayu Singapura sudah tenat dan menerima nasib seada-adanya. Untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang jawatan-jawatan penting yang dipegang oleh Melayu Singapura saya turunkan perangkaannya di sini.

* Sekarang dikenali sebagai Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

KAKITANGAN KERAJAAN SINGAPURA
MENURUT RAS DAN PERINGKAT SEJAK DISEMBER 1967

Jumlah Semua Peringkat	Division I		Division II		Division III		Division IV			
	Jumlah Orang	%	Jumlah Orang	%	Jumlah Orang	%	Jumlah Orang	%		
Melayu	7,250	17.0 (100%)	32	2.4 (0.4)	310	3.7 (4.1)	2,215	10.9 (30.6)	4,693	37.5 (64.9)
China	28,151	66.3 (100%)	966	73.5 (3.4)	6,629	79.2 (23.2)	15,307	75.5 (54.5)	5,249	41.9 (18.7)
India	4,304	10.1 (100%)	151	11.5 (3.5)	751	8.9 (17.4)	1,613	7.9 (37.5)	1,789	14.3 (41.6)
Lain-lain	2,763	6.5 (100%)	165	12.6 (6.0)	677	8.2 (24.4)	1,129	5.7 (40.9)	792	6.3 (28.6)
Jumlah Semua Bangsa	42,468	100.0 (100.00)	1,314	100.00 (3.1)	8,367	100.00 (19.7)	20,264	100.00 (47.7)	12,523	100.00 (29.5)

(SUMBER: Ismail Kassim, *Problems of Elite Cohesion*.)

Di sini nampak sekali keadaan yang sedih dalam pemerintahan Lee Kuan Yew di mana Melayu cuma ada 32 orang sahaja sebagai pegawai Division Satu, 310 orang dalam Division Dua, 2,215 orang dalam Division Tiga dan 4,693 orang dalam Division Empat. Ini perangkaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan Lee Kuan Yew pada bulan Disember 1967. Mungkin jumlah pegawai-pegawai tinggi Melayu untuk Division Satu dan Dua akan berkurangan lagi sekarang ini.

Mungkin kedudukan para pegawai bumiputra dalam jawatan-jawatan kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak seburuk di Singapura. Namun demikian trend untuk dimonopoli oleh sesuatu kaum tertentu tidak dapatlah difikirkan secara ringan. Pokoknya terletak pada kebijaksanaan Ketua Menteri dan perancangan yang dibuat olehnya bersama-sama dengan para penasihatnya. Oleh itu sekali lagi saya tegaskan bahawa suatu penyelidikan yang teliti hendaklah dibuat oleh pihak kerajaan Pusat untuk melihat kedudukan pangkat dan jawatan-jawatan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum kedudukan bumiputra menjadi terlalu terdesak.

Bersesuaian pula dengan penyelidikan tentang jawatan-jawatan kerajaan di Pulau Pinang adalah baik dibuat suatu 'survey' di Pulau Pinang untuk melihat apakah pekerjaan-pekerjaan yang banyak dibuat oleh kaum bumiputra di Pulau Pinang. 'Survey' ini akan membantu kita untuk melihat aspirasi-aspirasi dan cita-cita serta sikap hidup kaum bumiputra di pulau ini.

Suatu 'survey' tentang jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh Melayu Singapura telah dibuat pada tahun 1957-19 tahun yang lalu yang menunjukkan taraf sosial bangsa Melayu di Temasik itu. Saya berikan di sini sebagai perbandingan.

JENIS-JENIS PEKERJAAN YANG BANYAK DILAKUKAN OLEH MELAYU, 1957 DI SINGAPURA

<i>Pekerjaan</i>	Jumlah besar (semua bangsa)		Melayu	
	<i>Jumlah orang</i>	%	<i>Jumlah orang</i>	%
Penjaga pejabat, pion	5,493	1.1	3,039	5.3
Nelayan	4,494	0.9	1,378	2.4
Tukang kebun, pemotong rumput	5,123	1.0	3,189	5.5
Kelasi (kapal), sampan	8,922	1.8	2,089	3.6
Driver bas dan lori	22,912	4.7	6,495	11.1

Fitter dan mekanik motor	14,816	3.1	1,495	2.6
Juruelektrik dan wiremen	4,861	1.0	1,038	1.8
Mandor dan buruh	48,911	10.2	5,906	10.3
Polis	4,834	1.0	3,446	6.0
Warder Penjara, jaga	5,224	1.1	1,006	1.7
Tukang masak, amah	29,262	6.1	2,047	3.5
Angkatan Bersenjata	8,154	1.7	6,693	11.1
Jumlah kecil	163,006	33.7	37,821	64.9
Lain-lain pekerjaan	303,912	64.5	17,571	31.8
Yang masih mencari pekerjaan	8,349	1.8	1,875	3.3
Jumlah pekerja yang aktif	480,267	100.00	57,267	100.0

(SUMBER: Ismail Kassim, *Problems of Elite Cohesion*, h. 37).

Di sini jelas menunjukkan 64.9% dari pekerja-pekerja Melayu di Singapura memegang pekerjaan-pekerjaan yang bergaji rendah. Keadaan ini mungkin lebih buruk lagi setelah 19 tahun yang lalu di mana jumlah penduduk Singapura lebih besar, dan peluang untuk mencari pekerjaan semakin sulit.

Apakah keadaan bumiputra Pulau Pinang juga demikian? Entahlah. Tanpa suatu 'survey' yang teliti kita tidak dapat hendak mengukur taraf sosial bumiputra di sana. Namun kalau kita melihat dari banyaknya rumah-rumah bumiputra di daerah-daerah yang sesak, ketiadaan yang *significant* orang-orang Melayu dalam perniagaan yang besar-besar, bolehlah kita anggap bahawa taraf sosial dan ekonomi Melayu Pulau Pinang juga tidak tinggi.

Trend sosial dan ekonomi yang merosot bagi Melayu Singapura, sebuah kota pelabuhan, juga dapat dicontohi oleh Pulau Pinang yang juga sebuah kota pelabuhan. Apalagi di kedua buah pulau itu Melayu merupakan golongan minoriti yang paling menjolok.

Bukanlah maksud saya untuk menimbulkan permusuhan ras dengan jalan perbandingan seperti ini. Ini adalah hakikat yang nyata yang tidak dapat ditutup dengan perangkaan-perangkaan yang sengaja dibuat-buat. Mau tidak mau bumiputra Pulau Pinang terpaksa sedar tentang keadaan mereka yang sebenar, dan implikasi dari kedudukan sosial dan ekonomi yang buruk sekarang ini.

Tidak cukup untuk menunjukkan satu dua nama bumiputra Pulau Pinang yang jadi hartawan atau jutawan, atau yang punya rumah batu di Green Lane ataupun di Tanjung Bunga. Malah kalau dianalisa secara teliti mereka yang kaya raya itu bukanlah semuanya yang dapat diklasifikasikan sebagai 'Melayu Jati'.

Implikasi kehidupan sosial dan ekonomi yang rendah boleh menggugat juga mutu pelajaran yang boleh dicapai oleh bumiputra. Keputusan peperiksaan SPM dan STP untuk bumiputra Pulau Pinang tidaklah begitu impresif kalau dibandingkan dengan keputusan peperiksaan bukan bumiputra. Memang banyak anak-anak bumiputra yang lulus SPM tetapi lebih banyak yang mencapai gred tiga sahaja. Jumlah anak-anak bumiputra yang belajar di peringkat universiti boleh dianggap terlalu kurang sekali.

Keputusan peperiksaan dari dua buah sekolah menengah aliran Melayu yang terkemuka di Pulau Pinang iaitu Sekolah Menengah Abdullah Munsyi dan Sekolah Menengah Perempuan Sri Mutiara menunjukkan bahawa taraf penyampaian akademik anak-anak bumiputra tidaklah begitu memberangsangkan.

Memang banyak faktor yang menyebabkan anak-anak bumiputra tidak begitu maju dalam pelajaran menengah. Namun kalau dibuat kajian yang mendalam kita akan menghadapi suatu kenyataan bahawa faktor kedudukan sosial dan ekonomi yang rendah keluarga-keluarga bumiputra di sini merupakan faktor yang terpenting. Akibatnya motivasi (motivation) untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai taraf pelajaran yang tinggi amat kurang. Latarbelakang sosial yang kurang baik ini acapkali menghalang seseorang untuk maju dalam pelajaran.

"Minority complex" yang dirasakan oleh bumiputra bisa menelurkan lain-lain gejala yang kurang baik lagi. Menurut suatu penyelidikan tentang penyalahgunaan dadah, kaum belia bumiputralah yang banyak sekali mengambil dadah bukan saja di Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain yang berjiran dengan Pulau Pinang. Malah pelajar-pelajar bumiputra lelaki dan perempuan juga banyak yang mengambil dadah.

Ada dua faktor yang besar mengapa kebanyakan bumiputra mengambil dadah. Pertama, sebagai suatu 'mode' atau fesyen yang dibawa oleh pengaruh kebudayaan barat yang dekaden itu. Kaum belia amat mudah dipengaruhi oleh trend sesuatu unsur kebudayaan yang buruk dari barat bukan saja melalui filem-filem barat tetapi juga melalui bahan-bahan bacaan serta kehidupan para belia barat yang rosak akhlak itu.

Faktor kedua ialah kerana mencari suatu pelarian dari kehidupan yang terdesak di dalam masyarakatnya. Dengan mengambil dadah setengah orang cuba melarikan diri buat seketika waktu dari kenyataan hidup yang derita. Lama kelamaan mereka menjadi biasa dengan dadah, dan sykarlah bagi mereka untuk membuangnya lagi.

Seperti yang pernah dinyatakan oleh Perdana Menteri dan juga lain-lain menteri kabinet ada unsur antinasional yang cuba melemahkan kaum belia kita melalui dadah. Mungkin ini satu usaha dari golongan antinasional untuk melemahkan generasi muda bumiputra supaya akan timbul kelak generasi bumiputra yang tidak mampu untuk memperjuangkan nasib bangsa mereka sendiri.

Kemungkinan ini tidak dapat dinafikan lagi. Mungkin juga ini adalah satu rancangan politik masa depan bagi golongan tertentu untuk melemahkan belia-belia bumiputra supaya dengan mudah mereka menguasai negara ini kelak.

Kita menyeru kepada kerajaan Pusat agar laporan lengkap tentang penyalahgunaan dadah yang dijalankan oleh pihak USM itu diterbitkan dengan penuh supaya semua orang dapat membacanya. Kita ingin tahu sejauh manakah pengaruh dadah telah meresap di kalangan belia bumiputra dan bagaimanakah mereka mendapat dadah itu. Kita ingin tahu perangkaan belia bumiputra yang dijangkiti dadah di Pulau Pinang dan juga di tempat-tempat lain dan dibandingkan pula dengan jumlah pengguna-pengguna dadah dari lain-lain kaum.

Inilah kenyataan yang terdapat dalam masyarakat Melayu Pulau Pinang. Semua orang mengetahuinya termasuk para menteri dan wakil

rakyat dari UMNO, PAS, dan lain-lain parti komponen dalam Barisan Nasional. Cuma berapa keratkah antara mereka yang sedar dan mahu bertindak untuk mengatasi masalah-masalah besar yang dihadapi oleh Melayu Pulau Pinang itu. Inilah yang kita belum tahu hingga sekarang.

BAB KETUJUH

TANAH DI TANJUNG: SIAPA PUNYA?

KITA telah melihat bagaimana kemerosotan Melayu dalam berbagai bidang hidup — politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain lagi sejak sebelum merdeka hinggalah sekarang.

Kalau kedudukan ekonomi dan politik Melayu menjadi semakin mundur di Pulau Pinang maka kedudukan ini jadi semakin lumpuh lagi bila kita melihat dari jumlah tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu di Tanjung (George Town).

Tanah merupakan nadi bagi orang-orang Melayu yang rata-rata berasal dari kaum tani. Oleh sebab Pulau Pinang amat kurang sekali kawasan untuk dimajukan maka spekulasi tanah menjadi-jadi hingga banyak tanah kepunyaan Melayu di luarbandar bertukar tangan kini.

Tapi keadaan dalam bandaraya adalah berlainan dari keadaan di luarbandar. Tanah kepunyaan Melayu tidak begitu banyak dan akibatnya bandaraya Tanjung merupakan kota suatu kaum sahaja seperti yang terdapat di kota-kota besar lainnya seperti Singapura, Ipoh, Kuala Lumpur dan lain-lain.

Satu kajian tentang milikan tanah di pusat bandaraya George Town telah dijalankan oleh seorang sarjana dari Universiti Sains Malayisa, Sdr. Goh Ban Lee diberi judul *The Pattern of Landownership in Central Georgetown* (siri monograf Pusat Penyelidikan Dasar, USM, 1975). Penyelidikannya dengan jelas menunjukkan siapa-siapa yang memiliki sebahagian besar dari tanah di pusat kota Tanjung itu,

dan dari penyelidikannya dapatlah kita ramalkan bagaimanakah nasib Melayu masa depan sekiranya keadaan hakmilik tanah itu berjalan seperti sekarang.

Di bawah ini saya berikan data-data penting dari kajian Sdr. Goh Ban Lee untuk tatapan dan kajian kita selanjutnya.

**DISTRIBUSI TANAH KEPUNYAAN NEGERI DAN MAJLIS BANDARAYA
MENURUT 'TOWN SUBDIVISIONS' 1973**

<i>Town subdivisions</i>	<i>Jumlah lot</i>	<i>% lot dlm town subdiv.</i>	<i>Kawasan (kaki persegi)</i>	<i>% tanah dlm town subdiv.</i>	<i>% jum. besar tanah Negeri & Maj. Bandaraya</i>
14	45	8.7	1,159,706	33.6	23.6
15	35	8.5	503,700	27.0	10.3
16	89	10.7	497,882	16.7	10.2
17	29	10.7	239,942	23.2	4.9
18	64	6.7	333,845	13.7	6.8
19	51	9.5	917,142	25.1	18.7
20	44	8.8	47,158	4.0	1.0
21	38	10.8	85,567	10.9	1.7
22	2	0.4	1,279	0.1	0.02
23	21	4.3	211,752	8.9	4.3
24	10	33.3	908,758	65.2	18.5
Jumlah	428	8.0	4,906,731	22.2	100.0

Dari data ini tanah yang dimiliki oleh kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya hanya 8% dari lot-lot tanah yang termasuk dalam 'town subdivisions'. Walaupun jumlahnya besar — 4,906,731 kaki persegi — namun ini hanya merupakan 22.2% dari seluruh tanah dalam 'town subdivisions' tersebut. Dengan kata lain tanah kepunyaan kerajaan adalah kurang dari ¼ dari jumlah tanah seluruh bandaraya Tanjung.

Untuk meneliti lebih lanjut tentang hakmilik tanah ini perlu kita melihat dari data-data selanjutnya. Sdr. Goh Ban Lee memberikan data-data itu seperti di bawah ini.

PEMBAHAGIAN HAKMILIK TANAH MENURUT BANGSA, 1973

	<i>Jumlah lot</i>	<i>% lot</i>	<i>kawasan (kaki persegi)</i>	<i>% kawasan dlm. subdiv.</i>
Melayu ¹	42	0.8	153,027	0.7
China	3,472	65.2	10,031,048	45.3
India ²	522	10.2	1,095,008	4.9
Lain-lain ³	33	0.6	68,255	0.3
Syarikat dan hakmilik berbagai bangsa	47	0.9	446,677	2.0
Syarikat dgn modal asing	101	1.9	910,551	4.1
Tanah Wakaf	64	1.2	395,851	1.9
Tokong China dan Kongsi	504	9.4	2,106,751	9.5
Pertubuhan Agama Hindu	7	0.1	43,285	0.2
Gereja	38	0.7	1,336,845	6.0
Umum ⁴	478	9.0	5,546,502	25.1
Jumlah	5328	100.0	22,133,800	100.0

1 termasuk mamak yang menggunakan nama-nama Melayu.

2 yang berasal dari tanah besar India.

3 termasuk Serani dan Eropah.

4 tanah kepunyaan Negeri, Majlis Bandaraya, badan-badan berkanun dan syarikat kerjasama.

Jelas dari data-data ini bahawa China menjadi tuantanah yang terbesar sekali dalam bandaraya Tanjung mempunyai 3,976 lot sekiranya dijumlahkan hakmilik orang perseorangan dengan tanah kepunyaan tokong dan kongsi sekali. Ini bererti orang China mempunyai 12,137,799 kaki persegi yang berjumlah 74.6% dari lot-lot tanah di dalam kawasan pusat bandar. Sekiranya dilihat hakmilik tanah keseluruhannya maka orang China sahaja memiliki 54.8% dari keseluruhan tanah di kawasan bandaraya hingga tahun 1973!

Jumlah ini bukan sedikit. Mereka memiliki tanah-tanah yang terbaik dan yang paling mahal sekali dalam pusat bandar. Ini bererti orang China dapat memajukan tanah-tanah kepunyaan mereka untuk mendirikan berbagai perniagaan yang lebih besar lagi oleh kerana mereka mempunyai tanah yang banyak.

Memikirkan bahawa tanah-tanah kawasan ini terlalu mahal maka sukar bagi seseorang peniaga Melayu untuk memiliki tanah di kawasan pusat. Ini akan membantut lagi bagi Melayu untuk menceburkan diri

dalam bidang perniagaan di kawasan bandar oleh kerana Melayu tidak mempunyai tanah yang banyak di situ.

Dengan hanya memiliki 153,027 kaki persegi orang Melayu memiliki tanah yang paling sedikit sekali di kawasan bandar — cuma 0.7% dari seluruh jumlah tanah di kawasan ini. Dari jumlah di atas itu 3 orang memiliki 38% dari jumlah tanah kepunyaan Melayu itu. Data-data yang diberikan oleh Sdr. Goh Ban Lee adalah seperti berikut:-

HAKMILIK TANAH MELAYU MENURUT "TOWN SUBDIVISIONS" 1973

<i>Town subdivisions</i>	<i>Kawasan (kaki persegi)</i>	<i>% dari jumlah besar tanah dim 'town subdivisions'</i>
14	43,870	1.27
15	18,291	0.98
16	67,589	2.27
17	0	0
18	9,678	0.40
19	2,937	0.08
20	10,662	0.90
21, 22, 23, 24	0	0
Jumlah	153,027	0.69

Dua keping tanah sebanyak 10,000 kaki persegi terletak antara persimpangan MacAlister Road dengan Yahudi Road. Bangunan UMNO didirikan di salah satu dari tanah ini. Ada lima keping tanah lagi yang dipunyai oleh keluarga Tengku Ebrahim (Ibrahim) yang berasal dari Selatan Thailand. Tiga dari lima keping ini berhadapan dengan Kompleks Tun Razak di Penang Road, satu kawasan yang paling mahal di pusat bandar ini.

Oleh kerana kini sudah ada kesedaran dari kalangan pemimpin-pemimpin Melayu untuk memajukan tanah-tanah wakaf maka perlu pula kita lihat berapakah jumlah tanah wakaf Islam itu. Menurut Sdr. Goh Ban Lee lagi tanah wakaf Islam dalam pusat bandaraya adalah seperti berikut:-

PEMBAHAGIAN TANAH WAKAF MENURUT
'TOWN SUBDIVISIONS' 1973

<i>Town subdivisions</i>	<i>Jumlah lot</i>	<i>% lot dim 'subdiv'</i>	<i>Luas kawasan (kaki persegi)</i>	<i>% jumlah tanah dim 'subdiv'</i>
14	10	1.9	34,335	1.0
15	6	1.5	19,941	1.1
16	5	0.6	13,895	0.5
17	0	0	0	0
18	27	2.8	193,116	7.9
19	7	1.3	21,242	0.6
20	0	0	0	0
21	7	2.0	47,539	6.1
22	2	0.4	65,763	6.7
23	0	0	0	0
24	0	0	0	0
Jumlah	64	1.2	395,851	1.8

Sekiranya dicampurkan semua tanah hakmilik Melayu dan tanah Wakaf jumlahnya cuma 548,878 kaki persegi sahaja yang bersamaan dengan 2.5% dari jumlah tanah dalam 'town subdivisions'. Ini bererti orang Melayu cuma memiliki 2.0% dari jumlah kawasan tanah di bandaraya Tanjung!

Dengan keadaan yang dhaif begini apakah ada peluang bagi Melayu untuk berniaga di tengah-tengah pusat bandaraya tersebut? Apakah jaminan untuk mereka berjaya bilamana hakmilik tanah di kawasan perniagaan yang penting cuma 2% sahaja?

Inilah masalah besar yang harus diatasi oleh orang-orang Melayu sekiranya mereka ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan secara besar-besaran. Tanpa campurtangan dari agensi-agensi kerajaan seperti UDA dan MARA ataupun Kerajaan Pusat maka sukarlah bagi orang Melayu hendak bertapak di tengah-tengah bandaraya tersebut apalagi untuk menjalankan perniagaan besar-besaran.

Tidaklah cukup hanya dengan seruan-seruan saja kalau masalah pokok seperti hakmilik tanah di tengah-tengah bandaraya tidak diperhitungkan oleh pihak kerajaan dan pemimpin-pemimpin Melayu. Sekiranya UDA dapat membeli tanah dan bangunan-bangunan yang gagah di Kuala Lumpur untuk menampung aspirasi orang-orang Melayu dalam perniagaan mengapa pula UDA atau MARA tidak meninjau kemungkinan yang sama di sini?

Apakah orang Melayu yang memiliki tanah di pusat bandar ini akan terus mempertahankan tanah mereka dan tidak tergugat untuk menjualkannya kepada orang lain memikirkan harga tanah yang begitu mahal sekali di kawasan ini? Kita cuma mengharapkan 153,027 kaki persegi (cuma 0.6% dari keseluruhan kawasan pusat bandaraya ini) tidak bertukar tangan. Tapi ini cuma permintaan kita yang tak punya tanah apa-apa di pusat bandaraya tersebut. Besar kemungkinan tanah sebanyak itu pun akan lenyap tidak lama lagi memikirkan pembangunan yang demikian pesat di daerah ini.

Cuma tanah wakaf sahaja yang masih boleh dipertahankan. Tapi apakah tindakan selanjutnya untuk memajukan tanah wakaf ini cuma Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang sahaja yang mengetahui. Setakat ini cuma rancangan-rancangan yang bermain dalam otak sahaja yang kedengaran. Suatu usaha yang konkrit ialah pembinaan rumah pangsa di kawasan perkuburan Kampung Dodol untuk orang-orang Melayu. Yang lain-lain masih belum ada lagi.

Supaya lebih memperjelaskan lagi pada pembaca hakmilik tanah yang dipunyai oleh orang China dalam pusat bandar sila lihat data-data yang diberikan oleh Sdr. Goh Ban Lee lagi sekali.

HAKMILIK TANAH YANG DIPUNYAI OLEH ORANG CHINA
(termasuk hakmilik Tokong dan Organisasi-organisasi China)
MENURUT 'SUBDIVISIONS', 1973

<i>Town subdiv.</i>	<i>Jumlah lot</i>	<i>% lot dlm town subdiv</i>	<i>Luas kawasan (kaki persegi)</i>	<i>% lot dlm town subdiv</i>	<i>% tanah milik berbagai suku-bangsa dlm subdiv.</i>
14	341	65.5	1,220,675	35.4	85.3
15	266	64.5	807,280	43.4	79.2
16	639	77.1	2,070,140	69.4	89.3
17	209	76.8	717,385	69.5	96.1
18	769	80.5	1,741,280	71.3	84.0
19	386	72.1	1,532,485	41.9	90.4
20	348	69.8	784,135	65.9	84.1
21	187	52.9	502,677	64.2	72.2
22	406	92.3	865,595	88.7	89.6
23	423	87.2	1,893,804	79.7	97.2
24	2	6.7	2,343	0.2	100.0
Jumlah	3976	74.6	12,137,799	54.8	87.8

Dengan kata lain, hakmilik tanah orang China meliputi seluruh 'town divisions' dalam bandaraya dan peratus hakmilik mereka jika

dibandingkan dengan hakmilik bangsa-bangsa lain tidak ada yang kurang daripada 70%.

Ini adalah kenyataan yang statusnya tidak dapat diubah lagi. Ada orang yang berpendapat bahawa hakmilik yang banyak dari golongan China bukanlah dimiliki oleh semua orang-orang China tetapi beberapa famili tertentu sahaja seperti keluarga Lim Lean Teng, Yeap Chor Ee, Tye Kee Yoon, Khoo Cheow Teong, dan anaknya Khoo Sian Ewe, Choong Cheng Kean, Chong Fatt Tze alias Thio Thiaw Siat, Phuah Hin Leong dan anak lelakinya Lim Cheng Law (Goh Ban Lee, h. 89). Selain dari hartawan-hartawan China tersebut nama-nama seperti Loh Boon Siew dan Saw Saudara tidak pula boleh dilupakan kerana mereka juga memiliki tanah yang banyak di tengah bandaraya ini.

Tapi ini bukanlah suatu hujah untuk mengatakan bahawa golongan China tidak mempunyai pengaruh yang terkuat dalam menjalankan dasar-dasar perniagaan, perusahaan dan pembangunan Pulau Pinang oleh kerana tidak semua orang China itu kayaraya. Oleh kerana negara kita menganut sistem ekonomi kapitalis maka kenyataan yang terdapat ialah golongan China yang menjadi kapitalis bersama dengan kapitalis-kapitalis barat turut menguasai ekonomi Pulau Pinang khususnya dan Malaysia umumnya.

Dari percaturan politik kekuasaan ekonomi yang teguh bisa mempengaruhi nasib politik sesebuah negara ataupun negeri. Dr. Lim Chong Eu sendiri tidak pernah menentang penguasa-penguasa ekonomi dari bangsanya maupun pemodal-pemodal asing untuk melabur dan membangunkan Pulau Pinang. Malah beliau juga berusaha untuk menarik sebanyak mungkin modal-modal luar negeri untuk membangunkan negeri Pulau Pinang misalnya hubungan dagang 'dua kota' antara Pulau Pinang atau Tanjung dengan Adelaide, Australia Selatan beberapa tahun kebelakangan ini.

Bagi orang Melayu yang tidak punya modal dan juga tidak memiliki tanah yang cukup di tengah-tengah bandaraya apakah nasib yang dilalui mereka untuk meninggikan ekonomi bangsa Melayu itu? Hal ini mungkin tidak difikirkan secara serius oleh Presiden Gerakan tersebut kerana beliau sendiri menyedari bahawa masyarakat Melayu tidak dapat menyumbangkan secara positif dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang oleh sebab kekurangan modal, 'knowhow' dan juga harta yang berupa tanah di kawasan bandaraya untuk dimajukan.

Jadi apa yang digesa oleh pemimpin-pemimpin Melayu ialah untuk mendapatkan lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk berniaga seperti memberi lebih banyak peluang kepada kontraktor-kontraktor Melayu untuk membangunkan projek-projek perumahan dan lain-lain di Pulau Pinang, kemudahan lesen-lesen teksi dan transport baik secara syarikat maupun oleh orang perseorangan; quota 30% untuk projek-projek pembangunan serta pusat-pusat perdagangan seperti Kompleks Tun Razak dan lain-lain.

Sekiranya orang Melayu memiliki tanah yang banyak dalam kawasan bandar paling sedikit mereka bisa memajukan tanah mereka itu walaupun tidak mempunyai modal yang cukup besar. Mereka dapat adakan usahasama dengan UDA, MARA ataupun dengan bank-bank tertentu untuk membangunkan kompleks perniagaan di tengah-tengah bandar. Tapi tanah untuk cagaran tidak ada, dan modal juga tak ada. Yang ada cuma kekuatan suara yang sering melaung-laungkan untuk meminta perhatian orang atasan sahaja.

Kesedaran untuk tidak menjual tanah kepunyaan Melayu perlu ada supaya nasib Melayu Pulau Pinang tidak menjadi kenangan para ahli sejarah untuk zaman akan datang bahawa kononnya orang Melayu pernah milik Pulau Pinang tetapi oleh sebab kebodohan para pemimpinnya, kerakusan pihak-pihak tertentu yang dapat menabur wang ringgit dan lain-lain unsur 'syurga dunia' maka habislah semua tanah kepunyaan mereka.

Kita tidak tahu apakah Jawatankuasa Petugas untuk menyelidiki masalah bumiputra Pulau Pinang juga menyedari tentang 2% milik tanah Melayu di tengah bandaraya ini. Atau boleh jadi perkara ini tidak timbul langsung dalam siri-siri pertemuan jawatankuasa dengan tokoh-tokoh Melayu yang dipelawa untuk memberi pendapat. Kita tidak tau.

Yang kita tau tidak ada apa-apa tindakan pun setelah setahun Jawatankuasa ini menjalankan tugas 'sakti'nya sehingga En. Ghaffar Baba yang menugaskan wujudnya Jawatankuasa ini sudah berhenti dari menjadi menteri kerajaan Pusat.

Buat masa ini jeritan untuk membela orang-orang Melayu masih lagi kuat dan nampaknya permainan boria pun sama naik dengan jeritan dan rintihan bumiputra. Cuma tukang karang lagu boria sahaja yang menggubah lagu-lagu yang lebih sedap dengan isi yang lebih berupa propaganda untuk menyenangkan hati yang rawan sebagai anak watan Pulau Pinang.

BAB KELAPAN

SIAPAKAH YANG HARUS DISALAHKAN?

MUDAH sekali orang menuduh bahawa nasib Melayu adalah ditentukan oleh bangsa Melayu sendiri. Memang benar. Dan apakah masalah Melayu Pulau Pinang juga disebabkan oleh seluruh masyarakat Melayu sendiri? Tentu sekali.

Adalah suatu mimpi di siang bolong kalau kita menganggap orang lain akan membantu kita untuk berdiri megah sebagai bangsa yang kuat ekonomi, kuat politik dan kuat dalam cita-cita hidup masa depan. Tidak ada suatu bangsa yang selumrah itu sikapnya. Memberi sesuatu dan menarik sesuatu sebagai balasan. Inilah yang berlaku dalam hukum politik nasional maupun internasional.

Jadi kita meminta bangsa kita sendiri untuk menyedari hakikat ini, mencari jalan untuk meringankan bebanan hidup untuk hari ini dan generasi akan datang. Memang mudah untuk berkata-kata, berteori kata orang, kerana dalam teori kita juga cuba membuat spekulasi atau ramalan.

Selain ramalan kita juga perlu melihat pada kenyataan yang wujud di Pulau Pinang, nasib Melayu yang terbiar yang nanti bisa pula berlaku pada Melayu-Melayu di negeri lain. Tidak ada sesuatu yang tak dapat dilakukan dalam strategi politik dan ekonomi dewasa ini. Dan kita sebenarnya sudah mengalami krisis politik, krisis ekonomi, krisis akhlak, krisis nilai hidup dan krisis dalam keyakinan.

Orang mendabek dada sebagai pejuang Islam namun sumbangan amal jariahnya kepada bangsa sendiri tidak seberapa. Malah atas nama bangsa dan juga atas nama agama ada orang yang mengeksploitasikan bangsa sendiri, mengkhianati perjuangan kawan-kawan asalkan mereka bisa hidup berjaya sebagai pemimpin atau hartawan.

Sebuah kisah dalam *Sejarah Melayu* perlu jadi tauladan dalam hidup kita dewasa ini. Ingatkah betapa Sultan Mahmud Syah yang bebal dan gila perempuan sanggup membunuh seluruh keluarga Bendahara Melaka kerana Bendahara tidak memperkenalkan Tun Fatimah, anak Bendahara, kepada Sultan? Ingatkah kita betapa Si Kitol dan Raja Mandeliar membuat fitnah hingga berlakunya tragedi berdarah dalam sejarah Melaka itu?

Sudah ada bukti yang nyata dalam *Sejarah Melayu*. Sudah dapat kita jadikan tamthil dan ibarat, kayu pengukur tentang sikap hidup yang kita warisi sejak zaman lampau.

Dan dari buku klasik *Sejarah Melayu* juga kita berkenalan dengan seorang budak yang bijaksana yang menasihati para pembesar Melayu membuat kubu batang pisang untuk menahan serangan todak. Betapa bijaksananya budak itu tapi kebijaksanaan tidak bertempat di dalam hati sultan. Akibat fitnah dan nasihat yang salah sang budak yang pintar disuruh bunuh. Matilah sinar intelek dalam masyarakat Melayu Singapura di zaman itu!

Lalu kita memasuki zaman gelap yang penuh dengan kejahilan dan kebatilan. Manusia pengampu yang cerdik dalam putarbelit diberi kedudukan yang baik. Manusia yang jujur dan bijaksana disingkirkan. Hang Jebat dianggap pendurhaka kerana ingin membela sahabatnya dan melawan kebatilan dan penginyaan. Fitnah, irihati, hasad dengki, tamak dan haloba menguasai fikiran banyak pemimpin-pemimpin Melayu sejak dulu hingga sekarang.

Kebanyakan orang kagum dan mau mempertahankan nilai-nilai hidup tradisional sebagai pewaris adat resam yang tak lekang dek panas dan tak basah dek hujan. Tapi orang jarang menghayati bahawa kebanyakan nilai hidup negatif yang membantut pemikiran intelek Melayu masih terus dipertahankan hingga sekarang.

Bukan salah ibu mengandung tapi salah pembawaan sendiri kerana tradisi intelektualan Melayu yang bebas tidak pernah digalakkan. Bangsa Melayu yang tradisionalistis cuma sanggup menjadi pewaris nilai hidup lama kerana sesuatu yang menjengkau abad membuktikan keluhurannya yang tidak berpecahbelah.

Tapi bila berhadapan dengan nilai-nilai hidup moden yang dibawa oleh arus pengaruh barat, dan yang diperteguhkan pula oleh kemajuan sains dan teknologi, maka bangsa Melayu menjadi serbasalah. Mereka tidak mampu untuk menghadapi kenyataan hidup yang mencabar itu kerana aliran pemikiran yang dibawa oleh kebudayaan barat bersifat asing — individualistik dan materialistik yang bertentangan dengan nilai-nilai kekelompokan, adat resam serta tradisi.

Penjajahan barat melihat titik-titik kelemahan dari cara berfikir bangsa Melayu yang feudalistis dan kekelompokan tersebut dan membiarkan mereka terus menerus hidup seperti yang dilakukan oleh datuk nenek mereka turun temurun. Melalui pemikiran moden yang berdasarkan kekuatan kebendaan serta teknologi moden barat berjaya menguasai politik serta ekonomi negara ini tanpa terlalu memperhitungkan nasib pribumi di sini.

Akibat pengaruh dari sistem ekonomi British serta sistem undang-undang, pendidikan dan falsafah politik barat yang menghargai kebebasan berfikir individu (walaupun ada batas-batasnya di zaman kolonial) maka mau tidak mau masyarakat Melayu terpaksa menerima 'angin pembaruan' yang melanda itu.

Bagaimanapun penerimaan sikap hidup moden itu terlalu lambat diterima kerana konsep modenisma itu acapkali dikaitkan dengan konsep pengajaran Kristian yang dibawa oleh barat! Konflik nilai ini menjadi semakin sengit bila soal keyakinan Islam secara tradisional yang bersalut dengan kepercayaan khurafat dijadikan sendi ukuran pula. Sungguhpun Islam itu sendiri moden sifatnya tetapi disalahtafsirkan hingga menjadi suatu unsur yang konservatif akibat terdapatnya unsur-unsur adat resam dan kepercayaan primitif yang dikaitkan dengan Islam.

Dari segi kepimpinan politik orang amat takut untuk menentang tokoh yang dimetoskan — takut kerana nilai hidup tradisional masyarakatnya tidak mengizinkan pemberontakan terhadap ketua. Oleh itu seorang ketua yang dimetoskan boleh saja bertindak sewenang-wenangnya namun ia tetap dapat mempertahankan kedudukannya selagi karisma peribadinya masih utuh.

Bangsa Melayu hanya akan mengambil tindakan menentang pemimpin bilamana suatu krisis yang parah mengenai bangsa dan agama Islam dinodai. Selagi bangsa Melayu boleh bersabar dan masih ada tempat untuk mereka menyandarkan harapan untuk hidup, mereka tetap bersabar dan menurut perintah sang ketua.

Sebagai contoh setelah peristiwa berdarah 13 Mei 1969 ke-

pimpinan Tengku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan sebagai pemimpin UMNO tidak dapat dipertahankan lagi. Batas kesabaran dan toleransi UMNO sudah habis, dan perlu diganti dengan tokoh yang lain yang dapat memberikan alternatif dalam kepemimpinan UMNO dan bangsa Melayu.

Tapi Tun Razak yang mengganti Tengku Abdul Rahman sebagai Presiden UMNO juga menghadapi krisis demi krisis namun UMNO dan bangsa Melayu masih boleh bersabar untuk terus mengcultuskannya hingga sampai pada peristiwa konfrontasi Datuk Harun Idris, sebagai Ketua Pemuda UMNO, dengan ketokohan Tun Razak sebagai pemimpin besar UMNO.

Konfrontasi Datuk Harun terhadap kepemimpinan Tun Razak bisa dianggap sebagai suatu tragedi politik dalam UMNO yang menyebabkan timbulnya sikap pemberontakan dari Pemuda UMNO. Pemberontakan Pemuda UMNO terhadap kepemimpinan Tun Razak tidak akan wujud sekiranya Tun Razak cepat menyadari perasaan rakyat Melayu yang sudah mula mempersoalkan kemampuannya sebagai ketua yang bertanggungjawab.

Seperti mana orang mempersoalkan kemampuan Tengku selepas Peristiwa 13 Mei maka Tun Razak juga mendapat sorotan istimewa apakah beliau melihat sesuatu krisis nasional secara objektif atau disalah-nasihatkan oleh orang-orang sekeliling pinggangnya. Persoalan terhadap kewibawaannya sebagai pemimpin UMNO oleh Pemuda UMNO sendiri merupakan suatu pemberontakan oleh kerana keyakinan ketokohnya sudah mula nampak.

Kemerosotan pengaruh dan kewibawaan Tun Razak pada akhir-akhir hayatnya adalah disebabkan oleh pengaruh komunis yang mula menapak dalam politik UMNO dan juga dalam kerajaan. Pendedahan A. Samad Ismail yang mengaku ia seorang komunis dan berjaya mempengaruhi beberapa orang tokoh generasi muda dalam UMNO menunjukkan bahawa kepemimpinan Tun Razak sebagai pemimpin UMNO dan Melayu sudah dinodai oleh agen-agen komunis ini.

Kita kembali kepada pendapat yang di atas bahawa orang Melayu tidak akan memberontak sekiranya mereka masih dapat bertahan dan bersabar melihat krisis dalam masyarakat selagi bangsa Melayu tidak dinoda dan kesucian Islam tidak digugat. Dalam kes konfrontasi Datuk Harun terhadap Tun Razak kesucian Islam sudah tergugat apabila wujudnya pengaruh komunis dalam UMNO dan juga kerajaan. Komunis adalah musuh Islam nombor wahid dan justru itu setiap

tokoh yang ada hubungan dengan komunis akan dicurigai kepimpinannya. Betapa tragiknya Tun Razak secara tidak langsung dapat dipermainkan oleh golongan komunis dalam UMNO itu hingga meruncingkan hubungan antara kepimpinan Tun Razak dengan ketokohan Datuk Harun.

Datuk Harun menjadi hero bagi Pemuda UMNO dan orang Melayu amnya kerana penentangannya terhadap kepimpinan Tun Razak dianggap sah oleh kerana Tun Razak dianggap sudah hilang kewibawaannya bilamana terdapat pengaruh komunis dalam UMNO. Tapi seperti Hang Jebat, Datuk Harun juga menjadi mangsa kerana cuba menentang 'establishment'. Sungguhpun Datuk Harun terpaksa menjadi korban politik akibat permusuhan dalam politik UMNO dan racun yang diberikan oleh agen-agen komunis namun Datuk Harun tetap dianggap sebagai hero oleh kebanyakan pengikut UMNO dan orang Melayu.

Peristiwa 'todak melanggar Singapura' sudah berulang sekarang di mana pembesar-pembesar yang merasakan kedudukan mereka terancam oleh ketokohan seorang pencabar baru terpaksa menabur fitnah untuk mengekalkan status mereka!

Saya terlalu jauh membawa para pembaca pada peristiwa-peristiwa tragik yang menimpa Tun Razak dan Datuk Harun kerana penjelasan sikap politik dalam UMNO mempunyai hubungan juga dengan sikap politik kepimpinan Melayu di Pulau Pinang.

Kepimpinan Melayu Pulau Pinang juga menghadapi krisis oleh kerana kebanyakan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang sudah hilang kewibawaan mereka. Karisma sebagai pemimpin sudah luntur setelah mereka tidak sanggup lagi mengikuti perkembangan politik Pulau Pinang yang sangat mencabar itu. Namun demikian tabiat manusia yang semula jadi untuk terus berkuasa dan menjadi ketua menyebabkan mereka terus menjalankan segala usaha secara sulit atau secara 'demokrasi' untuk mempengaruhi pengikut-pengikut mereka.

Kebijaksanaan mereka terletak dalam memanipulasikan masalah-masalah bumiputra untuk kepentingan mereka sendiri. Kebanyakan mereka menjerit dengan suara yang garang tentang penderitaan dan kemiskinan bumiputra untuk mendapat perhatian tokoh-tokoh politik Kuala Lumpur. Bila usaha-usaha dibuat untuk membantu bumiputra di sana golongan-golongan pemimpin yang menjerit tentang kemiskinan inilah yang menjadi kaya raya.

Mereka sedar yang mereka tidak mampu berpolitik secara

'*sophisticated*' di mana segala strategi politik masa depan diperhitungkan. Mereka adalah ahli politik masa sekarang sebagai warisan dari stail politik zaman jerit menjerit slogan 'Merdeka' dan 'Hidup Melayu'.

Mereka sedar mereka tidak bisa menandingi ketokohan Dr. Lim Chong Eu yang sudah merancang peta politiknya untuk hari ini dan untuk 10 atau 20 tahun yang akan datang bagi Pulau Pinang dan juga untuk negeri-negeri yang berjiran dengan Pulau Mutiara itu. Bila dua sikap politik yang berlainan darjah pencapaian '*sophistication*'nya bertemu sudah pasti politik tradisional UMNO Pulau Pinang akan kalah dibuatnya.

Tapi mengapa mereka terus menjadi tokoh-tokoh bumiputra di sana? Jawabnya mudah. Pihak tokoh-tokoh pemimpin UMNO di Kuala Lumpur tidak begitu memberi perhatian yang wajar terhadap nasib bumiputra di Pulau Pinang untuk sekian lama. Baru sekarang ada usaha-usaha untuk membantu dan bertanya khabar tentang nasib mereka. Oleh itu tokoh-tokoh bumiputra di Pulau Pinang terpaksa bergantung kepada kebolehan masing-masing untuk memperjuangkan kepentingan bumiputra walaupun mereka tahu mereka tidak bisa berbuat terlalu banyak.

Mereka sedar tentang keterbatasan mereka tetapi oleh sebab mereka sudah lama berkecimpung dalam politik, sudah dikenali ramai, dan sanggup pula 'bersusah payah' untuk memperjuangkan kepentingan bumiputra, mereka terus dilantik dan disanjung dari tahun ke tahun.

Ada juga yang tidak populer pada setengah golongan dalam UMNO, dan untuk mengekalkan kedudukan masing-masing mereka mula melobi dengan berbagai cara. Ada juga yang membawa soal keturunan, soal klik untuk mencari pengaruh. Ada yang menganggap kedudukan ketua dalam UMNO dan masyarakat bumiputra sebagai 'hak warisan' dan menggunakan berbagai cara, baik dan tidak baik, untuk terus kekal menjadi ketua.

Oleh sebab UMNO Pulau Pinang dimonopoli oleh golongan mamak dan keturunan Arab maka timbul konflik yang negatif antara kepimpinan mamak dan Arab dengan pemimpin-pemimpin yang bukan mamak dan keturunan 'syed'. Perpecahan dalam perpaduan UMNO memang ada dan ini disebabkan oleh krisis dalam kepimpinan itu sendiri.

Bumiputra Pulau Pinang memerlukan pemimpin-pemimpin yang '*sophisticated*' yang dapat merancang masa depan yang gemilang bagi bumiputra di sana bukan untuk hari ini tetapi untuk 10 atau

20 tahun yang akan datang. Tenaga kepakaran dalam berbagai bidang – ekonomi, politik, sosial, kejuruteraan, sains dan lain-lain perlu dijemput ke dalam UMNO untuk membantu merancang masa depan bumiputra di pulau tersebut.

Para pemimpin UMNO di Kuala Lumpur harus sedar bahawa adalah merugikan perjuangan UMNO dan orang Melayu sekiranya mereka terus menerus menyokong pimpinan UMNO Pulau Pinang yang cara politiknya ketinggalan zaman. Politik cara kampung sudah tidak boleh lagi untuk meyakini generasi muda bumiputra yang paling kritis dewasa ini. UMNO Pusat kenalah membuat sesuatu untuk menyedarkan setengah pemimpin UMNO Pulau Pinang untuk memberi tempat pada tokoh-tokoh lain yang dinamis dan berpengetahuan untuk memperteguhkan organisasi UMNO dan merancang kedudukan ekonomi, politik, sosial serta kebudayaan bumiputra bukan saja untuk sekarang tetapi juga untuk masa depan.

Sekiranya UMNO Pusat tidak masuk campur secara sirius tentang krisis kepimpinan dalam UMNO Pulau Pinang besar kemungkinan nasib bumiputra tidak dapat diperjuangkan bersungguh-sungguh. Mungkin ada golongan tertentu yang menanggung di air keruh bila melihat tidak ada perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO, dan dengan demikian, perjuangan yang bulat untuk menjaga kepentingan bumiputra dapat dihancurkan.

Keadaan taraf hidup bumiputra di Pulau Pinang dapat dibaiki sejak zaman Tengku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri lagi. Tetapi malangnya tidak ada sesuatu yang konkrit untuk membantu bumiputra dijalankan pada masa itu. Malah sekiranya UMNO Pulau Pinang mendesak dilaksanakan projek-projek ekonomi-sosial-politik untuk bumiputra sewaktu majoriti wakil-wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri tahun 1964 yang terdiri dari UMNO, besar kemungkinan keadaan bumiputra tidaklah sedhaif sekarang. Tapi kesempatan yang baik itu tidak digunakan oleh wakil-wakil rakyat dari UMNO dikala itu.

Pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang juga keliru bila mereka cuma mendesak supaya Gabenor Pulau Pinang sahaja mestilah orang Melayu dan tidak begitu mementing sangat kedudukan Ketua Menteri itu. Akibatnya mereka tidak dapat berkomunikasi secara mesra dengan Ketua Menteri bukan Melayu untuk memahami hasrat orang-orang Melayu. Tambahan pada beliau dari Parti Gerakan yang baru saja menjadi keluarga Barisan Nasional.

Melihat dari aspek kepentingan Melayu Pulau Pinang kewujudan Barisan Nasional menyebabkan terlalu banyak tolak ansur dalam pembahagian kerusi dan kuasa politik antara sesama komponen Barisan Nasional. Di sinilah kepentingan UMNO dan Melayu mengalami 'kekalahan' sebab ingin menjaga kepentingan perpaduan di kalangan parti-parti komponen. Misalnya dalam pilihanraya 1974 UMNO mendesak diuntukkan 12 buah kerusi tetapi 9 sahaja yang diberikan kepadanya. Akibatnya suara UMNO dan Melayu dalam Dewan Undangan Negeri menjadi suara minoriti!

Orang pernah mengatakan bahawa "politics is a game of possibles" (politik adalah permainan yang serba mungkin). Politik Pulau Pinang sudah jelas menunjukkan kekuatan UMNO menjadi semakin merosot dan imejnya sebagai parti yang memperjuangkan bumiputra tidak dapat dipertahankan lagi kerana secara sedar atau tidak sedar pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang menyebabkan Melayu jadi golongan minoriti di sana.

Dalam keadaan sekarang apakah tindakan yang paling wajar dapat dilakukan oleh bumiputra di sini? Kemungkinan untuk UMNO mempunyai suara terkuat dalam Dewan Undangan Negeri sudah habis untuk menentukan sesuatu dasar yang menguntungkan bumiputra. Hanya dengan kehendak Allah sahaja sesuatu yang menakjubkan bisa berlaku dan menguntungkan bumiputra. Ini satu ramalan semata-mata. Moga-moga terjadi tapi besar kemungkinan tidak.

Kalau penduduk-penduduk Melayu pada tahun 1957 (tahun Merdeka) cuma 28.86% iaitu sebanyak 165,092 orang sahaja jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk China sebanyak 57.2% iaitu 327,340 orang maka jumlah penduduk-penduduk Melayu, China dan India pada tahun 1966 memperlihatkan kemerosotan lagi. Data-data dari Jabatan Perangkaan menunjukkan jumlah penduduk-penduduk menurut bangsa (Melayu, China, India/Pakistan seperti berikut).

**JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG/SEBERANG PRAI
MENURUT BANGSA SEHINGGA 31HB DISEMBER 1966**

<i>Bangsa</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>	<i>Jumlah semua</i>
Melayu	106,163	108,648	214,811
China	212,425	211,733	424,158
India/Pakistan	50,395	38,335	88,730

Lain-lain Bangsa	9,860	6,274	16,134
Jumlah Penduduk Semua	378,843	364,990	743,833

(SUMBER: Ustaz Abu Bakar Hamzah, *Ilham 13 Mei*, Kota Bharu, Ismail Enterprise, 1970, h. 55).

Cuba kita bandingkan jumlah penduduk tiga bangsa ini (Melayu, China dan India/Pakistan) antara tahun 1966 dengan 1957 — suatu jangkawaktu selama 10 tahun.

Penduduk Melayu

1966	—	214,811	
1957	—	165,092	{cuma 28.86% dari jumlah penduduk}
Tambahan		49,719	

Penduduk China

1966	—	424,158	
1957	—	327,240	{57.2% dari semua penduduk}
Tambahan		96,918	

Penduduk India/Pakistan

1966	—	88,730	
1957	—	69,035	{12.07% dari semua penduduk}
Tambahan		19,695	

Kalau kita kaji secara peratus perkembangan penduduk dari tiga suku bangsa ini nyatalah peratus Melayu merosot lagi.

Sekarang kita kaji pula pertumbuhan penduduk bagi Pulau Pinang dan Seberang Prai menurut banci penduduk yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur dalam tahun 1970.

**JUMLAH PENDUDUK DI BANDARAYA GEORGE TOWN (1970)
MENURUT BANGSA**

<i>Bangsa (termasuk lelaki/perempuan)</i>	<i>Jumlahnya</i>	<i>Peratus dari Jumlah Besar (%)</i>
Melayu	37,203	13.8%
Cina	192,701	71.57%
India	35,690	13.25%
Lain-lain	3,653	1.35%
Jumlah Besar	269,247	100%

Dari perangkaan ini jelaslah bahawa jumlah orang Melayu di bandar Tanjung pada tahun 1970 cuma 13.8% sahaja kalau dibandingkan dengan jumlah penduduk Cina yang sebanyak 71.57%. Golongan minoriti Melayu ini pula bukanlah terdiri dari orang yang berada yang memiliki banyak harta di dalam bandar. Seperti bangsa-bangsa lain juga yang hidup di bandaraya, golongan Melayu tetap menikmati segala kemudahan asas seperti lampu letrik dan air paip serta jalanraya tetapi taraf hidup mereka masih digolongkan dalam golongan miskin. Dengan kata lain, mereka juga menikmati segala kemudahan-kemudahan modernisasi tersebut dan secara langsung juga turut menjadi mangsa dari modernisasi itu.

Adalah baik sekiranya kita menyedari tentang jumlah penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Prai pada tahun 1970 untuk melihat kemerosotan jumlah orang-orang Melayu dalam jangkawaktu 13 tahun selepas merdeka untuk dijadikan bandingan.

**JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI
MENURUT BANGSA PADA TAHUN 1970**

<i>Bangsa</i>	<i>Penduduk P. Pinang</i>	<i>% dari jumlah P. Pinang sahaja</i>	<i>Penduduk S. Prai</i>	<i>Jumlah besar</i>	<i>% dari jumlah besar</i>
Melayu	90,489	20.9%	147,291	237,780	30.6%
Cina	282,416	65.3%	152,950	435,366	56.14%
India	49,697	11.48%	39,622	89,319	11.51%
Lain-lain	10,220	2.33%	2,755	12,975	1.67%
Jumlah Besar	432,822	100%	342,618	775,440	100%

Dari data di atas jelaslah kepada umum bahawa Melayu sudah jadi bangsa yang minoriti di Pulau Pinang dan juga Seberang Prai. Kedudukan ini boleh menimbulkan berbagai implikasi politik, ekonomi dan sosial bukan saja pada waktu ini tetapi juga masa akan datang. Cabaran-cabaran kehidupan modern yang meratah ditengah-tengah jantung masyarakat kota menyebabkan banyak tak tahan daulat dan meninggalkan kawasan kota untuk 'bernaung' di daerah terpencil di luar dari ancaman modernisma. Sikap melarikan diri dari kenyataan hidup yang mencabar ini tidak membantu mereka sedikit pun kerana modernisma itu tetap memburu mereka walaupun mereka berhijrah ke Pulau Kera atau ke Pulau Aman.

Kedudukan orang-orang Melayu Pulau Pinang sudah begitu parah hingga Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad sendiri menganggap

masalah Melayu Pulau Pinang sebagai masalah nasional. Kalau demikian dhaifnya orang-orang Melayu Pulau Pinang apakah nasib yang sama tidak akan berlaku di negeri-negeri lain? Apakah nasib yang sama akan berlaku di Perak, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan juga?

Sekarang ini banyak pemimpin politik baik yang bertaraf nasional maupun yang bertaraf kampung masih bermimpikan 30% 'saham syurga' untuk bangsa Melayu yang nampaknya masih belum berkembang seperti mana yang dirancangkan. Yang kaya terus menambahkan harta, dan miskin menjadi bertambah miskin dan banyak pula yang papa kedana. Malah ada golongan sinis yang menganggap konsep bumiputra itu lebih menguntungkan 'putra' dari yang 'bumi'nya.

Kita harap nasib Melayu Pulau Pinang tidak menjadi seperti Melayu Singapura yang boleh bermimpi tapi tidak punya harapan. Kita akui semua negeri dalam Malaysia menghadapi masalah-masalahnya yang tersendiri. Banyak pemimpin yang mendewa-dewakan pembangunan tanpa melihat implikasi pembangunan yang segi kedudukan bangsa yang nanti boleh memercikkan sengketa dalam masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Acapkali kebanyakan pemimpin Melayu lebih liberal sikap mereka dan terlalu menghargai perasaan orang lain dari gelodak perasaan mereka sendiri. Sikap 'apa orang lain kata' sudah menjadi amalan kebanyakan pemimpin kita sehingga mereka tidak menyedari akan hargadiri mereka sendiri sebagai pemimpin bangsa. Kita khuatir pimpinan yang lemah dalam masyarakat Melayu akan menimbulkan masalah-masalah yang lebih besar lagi sekiranya pemimpin-pemimpin Melayu kurang berhasil untuk mengatasi masalah bangsa mereka sendiri. Tentulah mereka tidak akan membiarkan orang Melayu Pulau Pinang asyik dengan permainan boria saja sepanjang waktu sehingga mengkhayalkan mereka tentang kenyataan hidup yang bertambah dhaif di pulau mutiara tersebut. Kalau Melayu Pulau Pinang sudah menjadi 'masalah nasional' kita ingin melihat apakah tindakan positif yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah nasional tersebut. Harap-harap janganlah jadi seperti kata pepatah, "Menang sorak kampung tergadai."

Adalah suatu mimpi yang mengelirukan kalau kita anggap orang lain boleh menolong bumiputra Pulau Pinang sekiranya masyarakat bumiputra sendiri tidak membantu diri mereka sendiri. Selalunya bila sesuatu bangsa itu menjadi golongan minoriti alamat ia akan terus hidup dengan jiwa minoritinya seperti mana yang berlaku di Singapura. Ia hanya akan terus hidup selagi ia dapat menyesuaikan diri dengan

nilai-nilai politik-budaya-sosial yang ditentukan oleh golongan majoriti.

Bahawa ada golongan terpelajar bumiputra dari Pulau Pinang yang berhijrah ke Kuala Lumpur menunjukkan suasana politik-budaya Tanjung tidak menarik minat mereka lagi. Pengunsian begini sudah tentu tidak menguntungkan bumiputra namun ia tetap berlaku dan akan terus berlaku selagi tidak timbul sikap positif dari pemimpin-pemimpin Melayu di Pulau Pinang dan juga di peringkat Pusat yang benar-benar memperjuangkan hak bumiputra.

Kini sudah jelas bahawa YAB Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, sendiri menggesa kaum bumiputra supaya jangan meninggalkan Pulau Pinang tetapi sebaliknya harus menyesuaikan cara berfikir dan cara berpolitik menurut nilai-nilai kota. Kebimbangan YAB Datuk Hussein Onn sebenarnya sudah lama bersarang dalam dada bumiputra di pulau ini tetapi apakah pilihan lain yang paling baik dari nasihat untuk mereka turuti?

Justru itu kerajaan Pusat terpaksa menilai semasak-masaknya masalah Melayu ini agar ia tidak menjadi bom waktu yang akan menimbulkan kegoncangan dalam kestabilan politik Malaysia. Sejarah Singapura akan tetap berulang lagi sekiranya pihak UMNO yang merupakan partai politik Melayu yang terkuat tidak mendalami masalah ini dan mencari jalan untuk mengatasinya.

Pada hemat saya suatu peruntukan yang lumayan dari Kerajaan Pusat untuk membantu bumiputra Pulau Pinang dalam segala aspek sosial-ekonomi perlu ada. Suatu dana sebanyak \$500 juta sebagai modal pusingan boleh digunakan untuk membeli tanah-tanah dalam bandar dan luarbandar untuk mendirikan tempat-tempat perniagaan dan perusahaan, perumahan, modal untuk perniagaan dan sebagainya. Pihak UDA dan MARA mestilah lebih aktif lagi melibatkan institusi-institusi tersebut untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada bumiputra di Pulau Pinang dalam berbagai bidang.

Supaya menyekat orang-orang Melayu dari berhijrah ke seberang adalah diharapkan pihak kerajaan Pusat dapat mendesak kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan beberapa kawasan dalam bandaraya Tanjung sebagai 'tanah resab Melayu' seperti Kampung Baru di Kuala Lumpur. Dengan adanya 'tanah resab Melayu' ini maka dapatlah orang Melayu kekal hidup dan berjuang di tengah-tengah masyarakat bandar. Tanjung Tokong, Kampung Dodol, Kampung Makam, kawasan Melayu di Air Itam, Sungai Ara dan Sungai Gelugor adalah beberapa kawasan yang bisa dijadikan 'tanah resab Melayu'.

Selain dari itu suatu indoktrinasi untuk mengubah cara hidup dan cara fikir orang Melayu supaya lebih dinamis dalam menghadapi cabaran hidup kota perlulah diusahakan oleh pihak UMNO dengan kerjasama kerajaan Pusat. Tanpa suatu usaha untuk mengubah sikap orang-orang Melayu dari nilai-nilai tradisional yang negatif besar kemungkinan mereka akan terus menerus terhimpit dan terbuang walaupun kerajaan menguntukkan jutaan ringgit untuk membangunkan kehidupan sosio-ekonomi bangsa Melayu.

Dengan kata lain, revolusi mental orang Melayu hendaklah dijalankan terutama sekali bagi Melayu Pulau Pinang yang terlalu daif itu dan di samping itu terhadap semua Melayu dalam Malaysia juga perlu ditingkatkan kesedaran mereka.

Dalam soal indoktrinasi ini semangat Islam yang kuat, dinamis dan progresif hendaklah digunakan kerana tidak ada ideologi yang paling baik selain Islam dalam pemupukan kejiwaan bangsa dan juga ketahanan nasional bagi Melayu dewasa ini.

Dalam keadaan Melayu sebagai minoriti tidaklah wajar bagi kerajaan untuk mengangap 30% partisipasi Melayu sebagai taraf maksima dalam segala bidang hidup. Di mana perlu taraf maksimanya hendaklah lebih dari 30% baik bidang pekerjaan, perniagaan dan perusahaan, kontrak, perumahan maupun pemberian biasiswa, fasilitas-fasilitas pelajaran tinggi, menengah dan rendah dan sebagainya. Sekiranya terus dikekalkan peratus yang 'klasik' tersebut maka sampai kiamat pun orang Melayu tidak akan maju dalam segala bidang hidup di pulau ini.

Untuk membantu orang Melayu, jangan pula ada pilih bulu, kawan separtai atau kaum keluarga seolah-olah pembahagian kekayaan itu ada 'sendirian berhad'nya. Segala amalan yang kurang sihat seperti yang banyak berlaku sekarang perlulah dibenteras. Kalau tidak hanya segolongan kecil manusia sahaja yang manfaat dari perjuangan orang Melayu.

Hasad dengki, iri hati secara negatif dan semangat untuk meruntuhkan kejayaan orang lain perlulah dibenteraskan dari jiwa

orang Melayu. Sikap negatif ini nampaknya menjadi darah daging bangsa kita yang dengan mudah menghancurkan apa yang telah kita bina dan pupuk hingga kini. Ini bukanlah nasihat sebab unsur-unsur negatif ini memang diketahui umum, dan kalau dibiarkan terus berleluasa akibatnya keruntuhan bangsa Melayu akan terjadi. Hanya jiwa keislaman yang tebal, rasa persaudaraan yang mesra dan erat sahaja yang dapat menolong bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang kuat, yang dapat dihormati oleh bangsa-bangsa lain.

BAHAN-BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN

1. Bonney, R., *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. K. Lumpur: O.U.P.
2. Newbold, T.J., *Political and Statistical Account of the Straits Settlements in the Straits of Malacca*. (Int. by C.M. Turnbull). K. Lumpur & Singapura: O.U.P., 1971.
3. *A Historical Account of the City of George Town since 1786*. City Council of George Town, 1966.
4. Low, James, *The British Settlement of Penang* (Int. by James Jackson). K. Lumpur & Singapura: O.U.P., 1972.
5. Mills, L.A., *British Malaya 1824-67*. K. Lumpur: O.U.P. (reprint), 1966.
6. Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*. K. Lumpur: University of Malay Press and Yale University Press, 1967.
7. Za'ba, "Modern Developments of Malay Literature", dlm *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan* oleh Abdullah Hussein dan Khalid Hussain. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
8. Prof. Syed Hussein, *Siapa Yang Salah?* Singapura: Pustaka Nasional, 1975.
9. Winstedt, R.O., *A History of Malay Literature*, JMBRAS, Vol XVIII, Pt. III, (Januari 1940).
10. Roff, W.R., *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*. P. Pinang: Saudara Sinaran, 1967.
11. Fook, Timothy Lam Thim, *Population Data of George Town*, K. Lumpur, 1967.
12. Rabushka, Alvin, *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Hoover Institute Press, Stanford University, 1973.
13. Jabatan Perangkaan, *1970 Population and Housing Census of Malaysia*.
14. Ismail Kassim, *Problems of Elite Cohesion A Perspective from a Minority Community*. Singapura: Singapore University Press, 1974.
15. Lee, Goh Ban., *The Pattern of Landownership in Central George Town*. Monograf Siri, Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia, 1975.
16. Ustaz Abu Bakar Hamzah, *Ilham 13 Mei*. Kota Bharu: Ismail Enterprise, 1970;